# JAWAPAN

## MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

### AKTIVITI 1: Pembentangan Hasil Sendiri

**Cadangan Jawapan**

Keluarga penyayang merupakan idaman semua orang. Setiap anggota keluarga bertanggungjawab untuk membentuk keluarga penyayang. Antara cara untuk membentuk keluarga penyayang termasuklah menghormati ibu bapa. Contohnya, menyalami mereka, bercakap dengan lemah lembut, dan tidak membelakangkan mereka dalam semua perkara. Cara lain ialah mendengar nasihat dan teguran ibu bapa. Mereka sentiasa memberikan bimbingan kerana mahu anak menjadi insan yang berhati mulia. Seterusnya mengunjungi keluarga terdekat untuk merapatkan silaturahim.

### AKTIVITI 2: Peta Minda (*Mind Map*)

**Cadangan Jawapan**

Kepentingan Menguasai Bahasa Inggeris dengan Baiknya:

1. Membolehkan murid-murid menguasai isi pelajaran yang kebanyakannya bersumberkan bahasa Inggeris.
2. Dapat berkomunikasi secara berkesan dengan individu lain dari seluruh dunia.
3. Berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.
4. Menjamin peluang kejayaan kerjaya.

### AKTIVITI 3: Bulatan Suara (*Circle of Voices*)

**Cadangan Jawapan**

Punca-punca Pengabaian Warga Emas:

1. kelonggaran institusi kekeluargaan – jika anak-anak kurang kasih sayang, institusi kekeluargaan yang harmoni sukar dibentuk – anak-anak berasa tidak dihargai – hubungan antara anggota keluarga renggang
2. kesibukan dengan tugas – bekerja keras untuk mencari rezeki – tiada masa untuk ibu bapa – kekayaan lebih penting daripada ibu bapa
3. kurangnya didikan agama – bukan tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa – anak-anak semakin hilang rasa hormat kepada orang tua – perbuatan itu dianggap bukannya satu kesalahan
4. dihimpit masalah kewangan – gaji rendah – hanya cukup untuk menyara diri atau anak isteri – terpaksa menghantar ibu bapa ke rumah orang tua-tua

### AKTIVITI 8: Pergerakan Mengikut Pendapat (*Attitude Movement*)

**Cadangan Jawapan**

| Stesen 1 |
|---|
| Kenyataan 1 adalah betul<br>Kenyataan 2 adalah salah |
| **Stesen 2** |
| Kenyataan 1 adalah betul<br>Kenyataan 2 adalah salah |
| **Stesen 3** |
| Kenyataan 1 adalah betul<br>Kenyataan 2 adalah betul |

Tindakan: Semua murid akan berdiri atau berkumpul di Stesen 3.

### AKTIVITI 9: Meja Bulat (*Round Table*)

**Cadangan Jawapan**

Persoalan Sajak "Sejadah Rindu":

1. Keinsafan atas segala dosa lalu yang menghantui hidup.
2. Pengharapan terhadap pengampunan daripada Pencipta sebelum tiba hari kematian.
3. Keikhlasan dalam memohon keampunan daripada Pencipta.

Persoalan Sajak "Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus":

1. Perbezaan antara kehidupan di desa dengan kehidupan di kampus.
2. Harapan bapa supaya anaknya dapat menikmati peluang untuk menimba ilmu di menara gading.
3. Keberanian bapa melepaskan anak gadisnya untuk menuntut ilmu di menara gading.

Persoalan Sajak "Erti Hidup Bererti":

1. Harapan orang tua yang tetap sayang akan anak-anaknya.
2. Kehidupan seorang tua yang tidak dijenguk dan tidak dipedulikan oleh anak-anak.
3. Orang tua berharap agar anak-anaknya diberi keinsafan.

Persoalan Sajak "Kudup Perang":

1. Usaha yang dilakukan untuk mencari kebenaran tentang pahlawan dan pengkhianat.
2. Peperangan membawa kepada kesengsaraan yang sukar dipulihkan.
3. Kekeliruan dalam menyanjung pemimpin yang sebenarnya.

### AKTIVITI 10: Rajah Idea Berkumpulan (*Team Word-Webbing*)

**Cadangan Jawapan**

Unsur Gaya Bahasa Sajak "Kudup Perang"

| | |
|---|---|
| Hiperbola: | *menjungkitkan amarah* |
| Inversi: | *sesekali turut direntaskan daki pendusta* |
| Imej Alam: | *lautan* |
| Simile: | ***seperti** perawan* |
| Metafora: | *peta keadilan* |

## TOPIK 1: KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN

### PRAKTIS BERFORMAT SPM

**KERTAS 1: Bahagian A**

**1 Karangan Berdasarkan Gambar Ilustrasi**

Perenggan Pendahuluan:
berkesan; kejayaan; membazirkan; prestasi
Perenggan Isi 1:
singkat; fokus; perhatian; disampaikan; memahami
Perenggan Isi 2:
berkumpulan; kepakaran; berbincang; kemusyiklan; lemah
Perenggan Isi 3:
mengingat; belajar; merujuk
Perenggan Penutup:
maksimum, berdisiplin

**2 Karangan Berdasarkan Gambar Rajah**

Perenggan Pendahuluan:
barang keperluan
Perenggan Isi 1:
melayari Internet
Perenggan Isi 2:
jarak jauh; melepaskan rindu; hubungan silaturahim
Perenggan Isi 3:
media hiburan; memuat turun; masa lapang; pusat hiburan
Perenggan Penutup:
tonggak negara; masa hadapan

**3 Karangan Berdasarkan Ilustrasi Kartun**

Perenggan Pendahuluan:
selera makan melampau dilayan tanpa berfikir panjang akan kesan buruknya
Perenggan Isi 1:
amalan gaya hidup sihat demi tuntutan nafsu makan yang tidak terkawal
Perenggan Isi 2:
sumber makanan yang terlalu banyak dan mudah diperoleh; mengendahkan jumlah kalori dalam juadah tersebut; trend terkini, iaitu budaya lepak sambil makan
Perenggan Isi 3:
menangani masalah yang menguliti rakyat belakangan ini; mengambil langkah untuk menyajikan makanan yang sihat kepada anggota keluarga
Perenggan Penutup:
gaya hidup sihat, pemakanan seimbang, dan melakukan aktiviti fizikal secara aktif; "mencegah lebih baik daripada mengubati"

**4 Karangan Berdasarkan Iklan**

Perenggan Pendahuluan:
Sektor penternakan di Malaysia sedikit demi sedikit telah berubah ke arah penternakan semula jadi atau lebih dikenali sebagai

penternakan secara organik. Kini, konsep ternakan dalam kanvas menjadi semakin popular dan mendapat sambutan yang baik. Ternakan ikan dalam kanvas juga hangat diperkatakan oleh mereka yang mula berjinak-jinak dengan sektor penternakan, khususnya ternakan ikan keli kerana sifatnya yang tahan lasak.

Perenggan Penutup:
Kesimpulannya, ternakan ikan dalam kanvas merupakan kaedah penternakan yang berdaya maju. Oleh itu, penternak digalakkan menggunakan kaedah kanvas. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula perlu memperbanyak kursus ternakan ikan dalam kanvas sebagai sokongan dan dorongan kepada penternak ikan. Kursus-kursus ini penting bagi meningkatkan mutu dan hasil tuaian ikan sekali gus memenuhi permintaan orang ramai.

5 **Karangan Berdasarkan Pelan**

Perenggan Isi 1:
Lebuh raya dapat memastikan perjalanan darat antara bandar ke bandar atau negeri ke negeri menjadi mudah. Dengan ini, seseorang itu dapat sampai ke destinasi yang ingin dituju dengan lebih cepatnya. Contohnya, pembinaan Lebuh Raya Timur-Barat memendekkan masa perjalanan dan tidak memenatkan kerana perjalanan tidak terganggu oleh lampu isyarat.

Perenggan Isi 2:
Buktinya, lebih banyak industri perniagaan diwujudkan di kawasan terbabit kerana orang ramai boleh sampai ke kawasan tersebut tanpa sebarang masalah. Malah, pembinaan kawasan kilang di sepanjang jalan raya sudah menjadi satu fenomena biasa. Kawasan yang sukar dihubungi juga akan menjadi mudah dikunjungi. Keadaan ini membawa kepada kewujudan petempatan baharu di sepanjang lebuh raya.

Perenggan Isi 3:
...membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana pembinaan lebuh raya memerlukan tenaga manusia yang banyak dalam tempoh yang panjang. Penyelenggaraan lebuh raya turut menyebabkan pertambahan penduduk. Jelaslah bahawa pembinaan lebuh raya memberi impak positif dalam bidang pekerjaan di negara kita.

6 **Karangan Berdasarkan Petikan**

Rangka Karangan

Pendahuluan
permainan tradisional semakin terhakis – masyarakat moden kurang mengenal jenis-jenis permainan tradisional – pelbagai cara perlu dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional kaum Melayu, Cina, dan India semula

Isi-isi Penting
1 menghadiahi anak-anak set permainan tradisional – congkak, gasing, dan batu seremban – memperkenalkan permainan ini kepada anak-anak sejak kecil – mengenal dan mencintai permainan tradisional
2 pihak sekolah menyediakan lebih banyak peralatan permainan tradisional – menarik minat murid-murid – membina gelanggang yang sesuai – bermain dalam suasana yang selesa
3 menganjurkan Kempen Cintai Permainan Tradisional – promosi melalui media massa secara berterusan – menyedarkan orang ramai tentang kepentingan memelihara permainan tradisional

Penutup
permainan tradisional lambang kebanggaan nenek moyang kita – perlu diwariskan kepada generasi muda – warisan ini tidak akan luput ditelan zaman

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)
- Senarai jenis-jenis permainan:
  - kaum Melayu – congkak, galah panjang, dam
  - kaum Cina –yo-yo cina, mahjong, xiang qi
  - kaum India – kho-kho, Chaturanga, kabadi
- Faktor-faktor permainan tradisional semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda:
  - terpengaruh oleh permainan moden
  - beranggapan bahawa permainan tradisional sudah ketinggalan zaman
  - terlalu kurang penganjuran pertandingan permainan tradisional

7 **Karangan Berdasarkan Catatan**

Pendahuluan
pencapaian sukan bola sepak Malaysia masih jauh ketinggalan – usaha meningkatkan mutu sukan bola sepak negara perlu dilakukan secara berkesan

Isi-isi Penting
1 mencungkil bakat pemain sejak usia kecil lagi – perlu menjalani latihan yang sistematik dan berterusan – mengajarkan teknik dan kemahiran bermain bola sepak
2 pemain dalam pasukan bola sepak berkenaan perlu diberikan pendedahan dengan pelbagai pertandingan mengikut tahap – kejohanan sekolah-sekolah Asia, kejohanan peringkat belia, dan liga tempatan – sebelum terpilih sebagai wakil negara
3 melantik jurulatih yang benar-benar berwibawa – walaupun kosnya agak mahal, tetapi hasilnya berbaloi – membentuk pasukan yang berkemahiran mantap

Penutup
pihak yang terlibat dalam bidang sukan ini perlu bekerja keras – seluruh rakyat mestilah mempunyai keyakinan bahawa negara kita mampu melayakkan diri ke pertandingan Piala Dunia 2022 di Qatar

### AKTIVITI PAK-21: Peta Minda (*Mind Map*)
- Punca-punca murid kurang berminat untuk menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM):
  - terdapat pelbagai pilihan kerjaya lain yang menarik
  - terdedah pada mara bahaya
  - tidak gemar bekerja dengan memakai pakaian seragam

## FOKUS KBAT
**Fokus KBAT 1**

Pendahuluan
rumah merupakan keperluan asas – berfungsi sebagai tempat perlindungan – banyak rumah kos murah dan sederhana dibina oleh syarikat pemaju perumahan – pembeli berasa tertipu – masalah timbul sebelum atau selepas rumah siap

Isi-isi Penting
1 projek perumahan terbengkalai – pembeli terpaksa menunggu masa yang lama – pelbagai alasan diberikan oleh pihak pemaju – potongan gaji atau bayaran kepada pihak bank telah dibuat pada setiap bulan – pembeli terpaksa menanggung kerugian yang besar
2 rumah yang telah siap tidak selamat untuk didiami – banyak berlaku kerosakan pada bangunan rumah – contohnya, keadaan lantai yang tidak kemas – dinding retak – pembeli terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membaikinya
3 prasarana yang dijanjikan tidak disediakan – tiada taman permainan, surau, dan dewan orang ramai – pemaju kekurangan peruntukan – cuma menyediakan tanah kosong

Penutup
kerajaan sewajarnya memberikan perhatian serius – pemaju yang ingkar perlu disenaraihitamkan – persatuan penduduk bersepakat membawa kes ke mahkamah untuk membuat tuntutan

**Fokus KBAT 2**

Pendahuluan
definisi bandar pintar – bandar raya yang inovatif – berkemahiran tinggi – maju dari aspek ekonomi, pendidikan, dan infrastruktur

Isi-isi Penting
1 ciri yang pertama – kemudahan bekalan air dan elektrik yang mencukupi – menampung keperluan masyarakat setempat – menggunakan kemajuan dalam proses kitar semula
2 ciri yang kedua – perkhidmatan jalur lebar Internet secara percuma – untuk semua lapisan masyarakat di bandar – memudahkan komunikasi dan memperoleh ilmu
3 ciri yang ketiga – dapat memberikan hiburan – tanpa mengambil kira pelbagai peringkat lapisan masyarakat – mengurangkan stres – menenangkan fikiran daripada memikirkan tekanan

Penutup
pelaksanaan dan keberkesanan bandar pintar bukan sesuatu yang mudah – menagih komitmen pihak kerajaan, pihak pemaju, sektor swasta, dan masyarakat setempat – memerlukan kewangan yang mencukupi untuk kesinambungan sistem pintar

# TOPIK 2: KARANGAN RESPONS TERBUKA
## PRAKTIS BERFORMAT SPM
**KERTAS 1: Bahagian B**

1 **Karangan Dimensi Diri/Sekolah**

**Analisis Soalan**
(a) Kata Kunci: Tulis rencana akhbar
(b) Skop Soalan: Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)
(c) Kehendak Soalan: Menulis rencana akhbar tentang kesan-kesan kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

(TMK) dalam bidang pendidikan
(d) Jenis Karangan: Rencana akhbar
(e) Dimensi Soalan: Diri/Sekolah

**PELINDUNG**
Pendahuluan:
teknologi; diintegrasikan
Isi Utama 1:
Huraian: elektronik; guru
Kesimpulan: memindahkan; pengetahuan
Isi Utama 2:
Contoh: imej
Kesimpulan: mencetuskan; ponteng
Isi Utama 3:
Huraian: menguasai; daya
Kesimpulan: kesan; prestasi
Isi Utama 4:
Contoh: subjek; berubah
Kesimpulan: pembaziran
Isi Utama 5:
Huraian: Internet; berkurang
Contoh: jawapan
Kesimpulan: diselesaikan; merenggangkan
Penutup:
impak; faedah

## Praktis SPM 1

**Soalan 1**

Pendahuluan
format ucapan – kata alu-aluan – ucapan terima kasih kepada pihak sekolah kerana mengundang anda untuk menyampaikan ucapan – kini sedang belajar di matrikulasi dalam bidang sains

Isi-isi Penting
1 menganggap semua mata pelajaran penting – pembahagian masa yang sama rata – mata pelajaran yang susah diberi tumpuan khas – Matematik Tambahan dan Fizik
2 memberikan sepenuh perhatian pada pengajaran guru dalam kelas – mendapat kefahaman tentang isi kandungan pelajaran – bertanya kepada guru apabila ada kekeliruan – mengelakkan perasaan bosan dan mengantuk
3 menyediakan nota ringkas selepas pengajaran guru – tulis dalam saiz yang kecil dan kertas kecil – boleh dibawa dan dibaca di mana-mana sahaja – rujukan terus apabila terlupa isi pengajaran oleh guru
4 belajar secara berkumpulan – berbincang tentang tajuk yang kurang difahami – saling berkongsi maklumat dan nota – bekerjasama demi kejayaan bersama
5 menguasai teknik menjawab soalan – latihan yang diberikan oleh guru dibuat dengan bersungguh-sungguh – latih tubi soalan tahun-tahun lepas

Penutup
usaha berterusan penting untuk mencapai kejayaan – mendengar nasihat dan tunjuk ajar guru – mohon restu ayah dan ibu

**Soalan 2**

Pendahuluan
format berita – Menteri Pembangunan Luar Bandar turun ke negeri Kedah – merasmikan bandar pintar yang pertama di negeri itu

Isi-isi Penting
1 pusat bandar metro kepada ibu negeri Kedah – dinamakan Bandar Putra Alam Maya – bersempena dengan nama Tunku Abdul Rahman – simbolik kepada prasarana yang berpaksikan alam siber dan kuasa teknologi maklumat
2 persekitaran komuniti yang memenuhi ciri kesempurnaan – dari aspek fizikal dan landskap – menyediakan segala logistik bertaraf dunia kepada penduduknya – berupaya mengimpakkan kelas hidup moden
3 komunikasi tanpa wayar – sebagai prasyarat semasa pembinaan bandar pintar – menjadi dimensi baharu – urusan pembayaran melalui e-pembayaran atau elektronik banking – Internet menjadi pengaturcaraan kehidupan moden – lebih dinamik, bermanfaat, dan menjimatkan
4 masyarakat lebih terbuka dan pragmatik – menerima segala perubahan – lingkungan hanya termaktub dalam sempadan geopolitik – komunikasi dan pengaruh sosial dikawal oleh kuasa teknologi
5 sebagai suatu proses revolusi membandarkan masyarakat rural – menjadi masyarakat urban – bentuk hidup tradisional perlu diberi nafas baharu – mewujudkan rangkaian Internet, jaringan pusat setempat, dan pusat pendidikan

Penutup
perasmian bandar pintar ini merupakan usaha kerajaan untuk memodenkan seluruh wilayah di negara ini – masyarakat perlu bangkit – merebut peluang yang terhidang di hadapan mata – bijak menguasai perubahan

**Soalan 3**

Pendahuluan
format surat tidak rasmi – bertanyakan khabar – mendoakan kesejahteraan bekas murid – menyatakan perasaan gembira apabila menerima surat

Isi-isi Penting
1 memahami isi kandungan surat – menyatakan kerisauan anda tentang masalah yang dihadapinya – menjejaskan prestasi kerja jika tidak diatasi
2 perkara biasa – pekerja baharu sukar untuk menyesuaikan diri – perubahan daripada alam belajar kepada alam pekerjaan memang berlaku kepada sesiapa sahaja
3 usah melepaskan peluang keemasan yang diberikan – bukan mudah untuk mendapatkan pekerjaan pada zaman sekarang – tidak mensiasiakan peluang tersebut
4 setiap orang mengambil masa yang lama untuk memahami sesuatu tugas yang baharu – banyak bertanya kepada guru senior
5 semua orang ada masalah – yang penting cara kita menyesuaikan diri dan mengatasinya – berhenti kerja bukan pilihan yang terbaik

Penutup
menasihatinya supaya sentiasa mendekatkan diri kepada Tuhan – berdoa agar diberi ketenangan – mampu menghadapi masalah – kejayaan tidak akan datang bergolek – perlu usaha dan kegigihan untuk mencapainya

**Soalan 4**

Pendahuluan
format perbahasan – kata alu-aluan kepada hadirin – definisi tajuk perbahasan – membentangkan konsep bidang kemahiran dan konsep jaminan masa hadapan

Isi-isi Penting
1 bidang kemahiran lebih luas – sebelum memperoleh kemahiran, individu mesti ada kelayakan asas akademik
2 pasaran kerja yang kompetatif – sesuai dengan perubahan kepada dimensi industri
3 bidang kemahiran akan menjadi bidang profesional – menjanjikan gaji yang lumayan
4 murid yang mengikuti bidang kemahiran tidak perlu banyak bergantung pada ihsan pihak lain – mampu mencipta sendiri peluang kerja – "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan"
5 tidak terlalu terdedah dengan persaingan sengit untuk merebut peluang pekerjaan atau perniagaan – mereka yang perlu bijak mencipta peluang

Penutup
bidang kemahiran tetap memberikan jaminan kerjaya – walaupun dalam situasi ekonomi yang agak lembab – alternatif yang wajar diceburi oleh golongan muda

**Soalan 5**

Pendahuluan
tarikh, masa, dan tempat pertandingan sepak raga bulatan diadakan – hebahan pertandingan oleh penganjur – edaran borang pendaftaran kepada pasukan yang berminat

Isi-isi Penting
1 gambaran waktu pendaft aran – banyak peserta yang datang secara berkumpulan – diberi nombor giliran
2 ketua pasukan mencabut undi untuk menentukan giliran – pengadil mengambil tempat – peserta pertandingan bersiap sedia dengan jersi dan persiapan diri
3 gambaran suasana di kawasan pertandingan – kawasan parkir sesak dengan kenderaan – kaum wanita dan kanak-kanak memberikan sokongan kepada pasukan masing-masing
4 terdapat gerai menjual makanan, minuman, cenderamata, dan jersi – pengunjung membeli barangan yang diminati – pengunjung dan peserta menjamu selera waktu rehat
5 suasana pertandingan sungguh meriah – penonton bersorak apabila ada peserta yang dapat menyambut bola yang dituju kepadanya

Penutup
pasukan yang menjadi johan menjulang piala – pasukan dan peserta terbaik juga menerima hadiah masing-masing – pasukan yang menang bersorak kegembiraan

**2 Karangan Dimensi Keluarga**
**Analisis Soalan**
(a) Kata Kunci: Berikan pendapat
(b) Skop Soalan: Sistem pengangkutan
(c) Kehendak Soalan: Memberi pendapat tentang manfaat kecekapan sistem pengangkutan kepada pembentukan keluarga bahagia
(d) Jenis Karangan: Pendapat
(e) Dimensi Soalan: Keluarga

**Contoh Karangan**
Perenggan Pendahuluan:
membangunkan; dizahirkan; darat; pemisah
Perenggan Isi 1:
memudahkan; berbeza; jalinan; masalah; rindu; renggang; tuntutan
Perenggan Isi 2:
berkesempatan; kerajaan; dimamah; menitikberatkan
Perenggan Isi 3:
perantauan; mentua; meraikan; giliran; pening
Perenggan Isi 4:
kecemasan; hospital; moral; keprihatinan; mewujudkan; pendorong
Perenggan Isi 5:
disangkal; menjanakan; segera; ditempah; kewangan; seisi
Perenggan Penutup:
manfaat; prasarana; ummah; sosioekonomi

## Praktis SPM 2

**Soalan 1**
Pendahuluan
tingkah laku dan latar belakang bakal menentukan hala tuju anak-anak – bertepatan dengan peribahasa "kenal getah batang lihatlah daunnya"

Isi-isi Penting
**1** pertumbuhan minda dan sahsiah anak-anak berkait rapat dengan iklim rumah tangga – perlakuan positif atau negatif ibu bapa menjadi ikutan anak-anak – "bagaimana acuan, begitulah kuihnya"
**2** keluarga ialah orang yang paling dekat dengan anak-anak – apabila suasana dalam keluarga harmoni, anak-anak akan lebih senang berada di rumah
**3** dapat melahirkan zuriat yang seimbang dari segi fizikal, mental, rohani, dan emosi – asuhan yang sempurna menjadi baja kepada pertumbuhan sahsiah anak-anak – membentuk sikap mawadah
**4** membina keluarga yang mementingkan akhlak, agama, dan ilmu pengetahuan – anak-anak akan cemerlang dalam bidang akademik – menjadi pakar atau cendekiawan dalam bidang-bidang tertentu
**5** terhindar daripada tingkah laku negatif – emosi lebih tenteram – minda yang cerdas menjadi benteng penebat – tidak melakukan perbuatan antimoral

Penutup
keluarga menjadi nadi utama kejayaan anak-anak – institusi tertua yang menentukan arah tuju hidup anak – menjanakan kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik dan kehidupan

**Soalan 2**
Pendahuluan
format rencana akhbar – remaja berminat untuk terlibat dalam dunia hiburan – muncul dalam program realiti televisyen – pertandingan nyanyian – mendapat sokongan padu daripada keluarga

Isi-isi Penting
**1** menimbulkan pertikaian yang berlarutan – ada golongan yang berpendapat bahawa remaja terlalu muda untuk menceburi bidang hiburan – masih mentah dan tidak mampu berhadapan dengan gaya hidup dunia artis
**2** remaja sepatutnya menumpukan perhatian terhadap pelajaran – pelibatan sebagai artis akan menyebabkan tumpuan terhadap pelajaran merosot – tidak mampu meneruskan persekolahan
**3** remaja terlibat dalam kegiatan tidak bermoral – mengikut jejak golongan yang tidak bertanggungjawab – berkhalwat, menagih dadah, dan memandu tanpa lesen
**4** peranan keluarga untuk membimbing dan mengawal remaja daripada terlibat dalam aktiviti yang merugikan diri mereka – mengiringi anak-anak – tidak membiarkan bersendirian dalam mengharungi dunia yang serba-serbi mencabar
**5** menasihati remaja agar sentiasa memperbaiki kelemahan diri – mengikuti kursus vokal dan lakonan – menyambung pelajaran dalam bidang kesenian di pusat pengajian tinggi – berusaha mengembangkan bakat ke peringkat antarabangsa

Penutup
keluarga bertanggungjawab untuk memantau remaja yang terlibat dalam dunia hiburan – perlu belajar untuk meningkatkan tahap persembahan mereka – kejayaan remaja dapat membantu keluarga dari segi kewangan

**Soalan 3**
Pendahuluan
lebih awal memulakan sesuatu pelaburan, lebih banyak masa untuk duit itu berganda – ibu bapa perlu mendidik anak-anak tentang bahaya melabur dalam skim cepat kaya – menjanjikan pulangan yang cukup tinggi dalam jangka masa yang singkat – mampu menarik minat orang ramai untuk menyertainya

Isi-isi Penting
**1** sindiket penipuan pelaburan mendekati mangsa di pelbagai lokasi – bertemu di kedai kopi – mempelawa mangsa untuk mendengar taklimat bagi mengetahui lebih lanjut tentang tawaran istimewa skim pelaburan itu
**2** menonjolkan beberapa personaliti – berperwatakan menarik – meraih kejayaan selepas menyertai skim pelaburan – memandu kenderaan mewah bagi meyakinkan mangsa
**3** peka terhadap pendedahan media massa mengenai mangsa penipuan sindiket pelaburan haram atau ala skim cepat kaya – menjadi perisai daripada terperangkap oleh jerat penipuan
**4** sentiasa berhati-hati terhadap bermacam-macam taktik penipuan – khususnya melalui panggilan telefon dan media sosial yang semakin menjadi-jadi belakangan ini
**5** berwaspada terhadap pelaburan yang tidak diiktiraf atau diluluskan oleh pihak berkuasa – memilih saluran pelaburan yang diyakini selamat – menjamin kemungkinan pulangan pelaburan yang baik

Penutup
tidak pernah serik untuk menubuhkan skim baharu – memperbaiki sistem skim penipuan lama – memperkenalkan ciri-ciri unik yang kononnya berbeza untuk mengaburi kesedaran dan memerangkap mangsa baharu – mengelakkan daripada dikesan dan ditangkap oleh pihak berkuasa

**Soalan 4**
Pendahuluan
generasi muda semakin menjauhi bidang sukan – aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan sukan dan permainan kurang diceburi oleh murid-murid – peranan ibu bapa amat penting untuk menggalakkan anak-anak mereka meminati bidang sukan

Isi-isi Penting
**1** menjadi suri teladan kepada anak-anak untuk mencintai bidang sukan – membawa anak-anak berjoging – bermain badminton atau bola sepak pada waktu petang
**2** membantu kecenderungan anak-anak dalam bidang sukan – membeli peralatan sukan – melatih mereka pada waktu petang – anak-anak akan berasa seronok kerana aktiviti mereka diberi perhatian oleh ibu bapa
**3** memberikan sokongan moral – menghantar anak menjalani latihan – jurulatih yang profesional – menghadiri sesi latihan anak sebagai penonton
**4** menyediakan ganjaran apabila anak berjaya – kemenangan ataupun peningkatan prestasi – memberikan wang saku untuk perbelanjaan harian
**5** membeli majalah sukan yang diminati oleh anak-anak – menceritakan idola dalam beberapa acara sukan – mencetuskan semangat untuk mereka bersukan

Penutup
bidang sukan mendatangkan manfaat kepada generasi muda – kejayaan bukan perkara utama – paling penting badan menjadi sihat – ibu bapa berperanan penting untuk menggalakkan anak-anak menceburi bidang sukan

**Soalan 5**
Pendahuluan
format syarahan – budaya warisan bangsa diwarisi daripada nenek moyang kita – semakin dilupakan oleh generasi pascamerdeka – keluarga memainkan peranan untuk membantu kesinambungan budaya ini

Isi-isi Penting
**1** ibu bapa mengamalkan budaya warisan bangsa dalam kehidupan seharian – anak-anak akan terbiasa dan mudah mengamalkannya – contohnya, makan nasi dengan tangan dalam masyarakat Melayu – penggunaan penyepit dalam masyarakat Cina
**2** membawa anak-anak menghadiri majlis yang bertemakan budaya bangsa – menimbulkan minat – menambah pengetahuan anak-anak – majlis pertunangan, majlis perkahwinan, dan persembahan tarian tradisional
**3** anggota keluarga yang lebih tua membawa adik-adik ke tempat latihan – tertarik untuk melakukannya bersama-sama – latihan tarian zapin

4 datuk dan nenek menurunkan ilmu kepakaran mereka dalam bidang budaya bangsa kepada cucu-cicit – datuk mengajar cucu cara membuat wau dan gasing – kepakaran dapat diwariskan secara tidak langsung
5 ibu bapa membeli buku-buku dan rujukan tentang budaya warisan bangsa – anak-anak akan mengenali dan mengetahui budaya warisan moyang mereka – mencintai budaya dengan lebih mendalam

Penutup
budaya warisan bangsa merupakan identiti sesebuah negara – perlu dipertahankan agar terus kekal dan diwarisi oleh generasi baharu – anggota keluarga harus berganding bahu untuk membantu mengekalkan budaya warisan bangsa

## AKTIVITI PAK-21: Bulatan Suara (*Circle of Voices*)

- Peranan ibu bapa untuk membantu anak-anak mengatasi masalah keciciran dalam pelajaran:
  – menguasai setiap kemahiran dan aras pengetahuan dalam sukatan pelajaran
  – menulis nota tentang strategi untuk menguasai topik tertentu
  – mengenal pasti kelemahan diri dalam sesuatu subjek
  – menasihati anak-anak agar tidak berasa tertekan

**3 Karangan Dimensi Masyarakat/Negara**
**Analisis Soalan**
(a) Kata Kunci: Tulis teks ucapan
(b) Skop Soalan: Kebudayaan tradisional
(c) Kehendak Soalan: Menulis teks ucapan tentang peranan remaja untuk melestarikan kebudayaan tradisional
(d) Jenis Karangan: Ucapan
(e) Dimensi Soalan: Masyarakat/Negara

**Contoh Karangan**
Perenggan Pendahuluan:
–
Perenggan Isi 1:
cara hidup; arus pemodenan
Perenggan Isi 2:
budaya Barat; mengaktifkan diri; betapa tingginya
Perenggan Isi 3:
perasaan malu; makan garam; sejuk hati; mengukuhkan ukhuwah
Perenggan Isi 4:
kehidupan seharian; kebejatan sosial; menconteng arang; jati diri; menggalas tanggungjawab; busana klasik; kecantikan diri; identiti bangsa
Perenggan Isi 5:
menginjak dewasa; kelompok cilik; mencambahkan minat; terus berkecimpung
Perenggan Penutup:
persada antarabangsa; berganding bahu

## Praktis SPM 3

**Soalan 1**
Pendahuluan
pendidikan yang berkualiti mampu menjadikan Malaysia sebagai hab atau pusat pendidikan serantau – hab pendidikan serantau dapat memajukan negara kita setanding dengan negara maju yang lain

Isi-isi Penting
1 melahirkan tenaga pakar – pelbagai teknik pengajaran kepada murid-murid – meningkatkan kemahiran – menjadi golongan pakar yang dapat membangunkan pelbagai sektor di negara kita
2 meningkatkan ekonomi negara – hasil daripada pendidikan yang berkualiti – penuntut dari luar negara akan memilih universiti tempatan untuk menyambung pengajian mereka – meningkatkan pengaliran wang asing ke negara kita
3 memajukan negara – ilmu dapat diterapkan dalam bidang pekerjaan – menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan industri – kemajuan dapat dinikmati rakyat
4 melahirkan pemimpin yang berkualiti – berpengetahuan tinggi untuk berurusan pada peringkat antarabangsa – tidak dipandang rendah oleh pemimpin luar – menjadi duta negara
5 diiktiraf dan dihormati oleh negara-negara lain – mampu menyediakan keperluan yang penting kepada murid untuk belajar – berupaya untuk melahirkan murid-murid yang cemerlang di mata dunia – tidak mampu bersuara dan mempersoalkan kebolehan serta kemampuan negara tersebut

Penutup
mutu pendidikan sangat penting bagi kemajuan sesebuah negara – pihak kerajaan berusaha untuk mewujudkan pendidikan yang berkualiti di negara kita – menyokong tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meninggikan kualiti pendidikan yang sedia ada ke tahap yang lebih baik

**Soalan 2**
**Pendahuluan**
format surat rasmi – menyatakan tujuan menulis surat – semangat kejiranan penting untuk memupuk perpaduan kaum – masyarakat yang harmoni akan membantu ekonomi negara berkembang dengan pesatnya

Isi-isi Penting
1 melaksanakan aktiviti bercorak kejiranan – Aktiviti gotong-royong dan kenduri – sesama jiran saling membantu – mengenali antara satu dengan yang lain
2 menganjurkan majlis rumah terbuka – perayaan kaum masing-masing – mengeratkan silaturahim antara jiran tetangga
3 mengadakan Hari Keluarga – Aktiviti berbentuk kekeluargaan – pertandingan ringan – mengisi air dalam botol, menimbang bola, lari dalam guni – kemesraan antara jiran terjalin
4 menggalakkan masyarakat menyertai Aktiviti sosial dan pertubuhan – Rukun Tetangga, Jawatankuasa Keselamatan Kampung, dan Khairat Kematian – bergilir-gilir mengawal keselamatan – mencegah perkara buruk
5 memupuk budaya kunjung-mengunjungi – waktu sihat dan waktu sakit – matlamat untuk menjalinkan hubungan mesra

Penutup
usahlah bersikap “bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing” – perpaduan semakin kukuh – rakyat hidup aman sejahtera

**Soalan 3**
Pendahuluan
akuakultur menyumbangkan kira-kira 20 peratus daripada jumlah tangkapan ikan di Malaysia – pelbagai langkah perlu dijalankan untuk meningkatkan sektor ini

Isi-isi Penting
1 mengurangkan kemusnahan dan gangguan ekosistem – tidak melibatkan penggunaan peralatan yang boleh mengganggu dan memusnahkan habitat – nelayan tidak perlu menggunakan pukat yang akan memusnahkan batu karang lagi
2 melakukan penyelidikan dan pembangunan – aplikasi bioteknologi dalam akuakultur – penyelidikan untuk menghasilkan ikan-ikan yang bermutu tinggi – kajian tentang kaedah penternakan yang mesra alam
3 meningkatkan bilangan tenaga pakar dalam bidang akuakultur – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memberikan penekanan terhadap cara dan kaedah-kaedah baharu dalam penternakan ikan – latihan kepakaran di negara-negara luar seperti Jepun dan Jerman
4 penggunaan teknologi terkini – teknologi pembiakbakaan dalam akuakultur – teknologi dari Jerman telah digunakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk memajukan kaedah pembiakbakaan di Malaysia
5 mempelbagaikan makanan berasaskan akuakultur – teknologi pengawetan telah menghasilkan makanan berasaskan akuakultur yang tahan lama – dieksport ke luar negara

Penutup
sektor akuakultur sangat penting – menjamin bekalan protein yang berterusan

**Soalan 4**
Pendahuluan
merokok merupakan tabiat yang buruk – tetap menjadi pilihan segelintir anggota masyarakat – tidak menyayangi diri sendiri – menyala api rokok di hadapan khalayak ramai dengan selambanya – tidak mempedulikan perasaan orang lain

Isi-isi Penting
1 nikotin dalam rokok boleh menyebabkan ketagihan – perokok sukar untuk meninggalkan tabiat merokok – nikotin akan meresap dalam darah apabila disedut oleh perokok – sanggup berbuat apa-apa sahaja asalkan dapat merokok
2 setiap batang rokok yang dinyalakan akan mengeluarkan racun – membahayakan kesihatan perokok dan orang di persekitarannya – menghindari tabiat merokok – menjauhi perokok
3 melesukan tubuh dan fikiran – merokok tidak dapat menenangkan fikiran – orang yang ketagihan rokok akan gelisah apabila ingin menghisap rokok – mengambil inisiatif untuk menghentikan tabiat buruk – demi kesihatan fizikal dan mental
4 bau asap rokok – menimbulkan ketidakselesaan dan mengganggu orang lain – perokok merokok dengan bersahaja selepas makan di restoran atau di kedai makan – tidak pernah mengambil tahu akan kesan perbuatan mereka

5 menyebabkan kehancuran rumah tangga – tidak mementingkan anak isteri – menyediakan bajet yang besar untuk membeli rokok – merosakkan diri dan meruntuhkan institusi kekeluargaan

Penutup
tabiat merokok wajar dijauhi – perokok dilarang merokok di tempat awam – dikuat kuasa menerusi undang-undang yang sah

**Soalan 5**
Pendahuluan
format dialog – bangunan bersejarah banyak terdapat di Malaysia – kerajaan berusaha agar bangunan tersebut terus kekal wujud – menjadi tatapan generasi muda

Isi-isi Penting
1 menarik minat pelancong datang ke Malaysia – bangunan bersejarah menjadi tumpuan mereka – anggota keluarga mereka mungkin pernah terlibat dengan kewujudan bangunan itu
2 mengekalkan keaslian seni bina bangunan – "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas" – ketinggian kemahiran seni bina pada zaman pembinaannya
3 sumber maklumat sejarah negara – menjadi kajian murid dan pakar arkeologi – mengkaji asal usul bahan binaan dan seni bina yang digunakan
4 menjadi teladan dan iktibar kepada generasi muda – untuk menimbulkan kesedaran diri dan mengenali sejarah negara – menjadi panduan menjalani kehidupan
5 memupuk semangat patriotik – mengetahui sejarah negara – monument yang ada bukti penjajahan yang dilalui negara – berusaha mengekalkan kemerdekaan

Penutup
bangunan bersejarah merupakan aset negara – perlu dipulihara dan diwariskan kepada generasi muda – diwartakan sebagai bangunan bersejarah untuk mengelakkan daripada dimusnahkan

4 **Karangan Dimensi Antarabangsa**
**Analisis Soalan**
(a) Kata Kunci: Huraikan
(b) Skop Soalan: Pemanasan global
(c) Kehendak Soalan: Menghuraikan punca-punca pemanasan global yang banyak memberikan implikasi buruk terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar
(d) Jenis Karangan: Fakta
(e) Dimensi Soalan: Antarabangsa

**Contoh Karangan**
Perenggan Pendahuluan:
–
Perenggan Isi 1:
Aktiviti perindustrian merupakan punca utama kepada fenomena pemanasan global; Apabila keadaan ini berterusan, penipisan lapisan ozon akan berlaku dan seterusnya mengakibatkan pemanasan global
Perenggan Isi 2:
Antaranya, aktiviti pertanian, penerokaan tanah, dan penebangan hutan secara sewenang-wenangnya; Hal ini disebabkan pertambahan penduduk yang begitu cepat dan keperluan untuk mendapatkan bahan mentah serta bekalan makanan
Perenggan Isi 3:
Kesan rumah hijau ini berlaku secara semula jadi atau secara buatan manusia; Penggunaan kenderaan bermotor yang menggunakan minyak petrol sebagai bahan untuk menggerakkan enjin banyak membebaskan gas karbon dioksida
Perenggan Isi 4:
Pembakaran hutan turut menyumbang kepada pemanasan global; Asap yang terbebas ke angkasa daripada pembakaran hutan juga banyak mengandungi gas karbon dioksida; Lantaran itu, jelas terbukti bahawa pemanasan global ini mengancam kesihatan manusia sejagat
Perenggan Isi 5:
Penjanaan tenaga elektrik turut dikenal pasti sebagai penyebab meningkatnya suhu dunia
Perenggan Penutup:
Oleh itu, kita bertanggungjawab untuk mengurangkan masalah pemanasan global ini "sebelum nasi menjadi bubur"; Maka, kita perlu mewariskan bumi yang selamat untuk didiami oleh generasi anak cucu-cicit kita kelak

## Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)
- Usaha-usaha untuk mengawal dan mengurangkan pemanasan global:
  – penanaman pokok-pokok dan tumbuhan hijau secara giat
  – pelaksanaan program kitar semula dalam kalangan masyarakat
  – mengurangkan penggunaan petrol dalam pembakaran enjin kereta
- Kesan-kesan negatif pemanasan global:
  – mengubah iklim dan persekitaran
  – proses asidifikasi air laut turut meningkat
  – peningkatan risiko penyakit berjangkit

## Praktis SPM 4
**Soalan 1**
Pendahuluan
banyak negara di dunia dilanda bencana alam – banjir besar, gempa bumi, letupan gunung berapi – rakyat menghadapi pelbagai kesulitan – bantuan segera perlu disalurkan oleh masyarakat dunia

Isi-isi Penting
1 memberikan sumbangan kewangan – meringankan beban – membeli makanan dan keperluan asas – membina kediaman yang rosak semula – memulakan kehidupan baharu
2 sumbangan dalam bentuk tenaga dan kepakaran – mencari mangsa yang hilang atau tertimbus – menyertai pasukan sukarela atau badan bukan kerajaan
3 memberikan rawatan kesihatan dan kecemasan – bermacam-macam penyakit merebak – bekalan air terjejas – persekitaran kotor dan tercemar
4 menghulurkan bantuan dari segi psikologi – bimbingan dan kaunseling kepada mangsa yang mengalami trauma – merangsang semangat baharu
5 membina prasarana dan infrastruktur yang rosak – sekolah, hospital, klinik, jalan raya – menggerakkan semua sektor ekonomi yang lumpuh

Penutup
Malaysia sentiasa peka terhadap permasalahan negara jiran dan serantau – mengeratkan hubungan diplomatik – memupuk perasaan muhibah

**Soalan 2**
Pendahuluan
kerancakan ekonomi negara berkait rapat dengan pelaburan domestik dan asing – perlu ada usaha yang berterusan – menarik minat pelabur asing untuk melabur di negara kita

Isi-isi Penting
1 membekalkan tenaga buruh yang mencukupi – pelaburan bergantung pada kos buruh yang murah – mencari alternatif lain jika masih kekurangan – mendapatkan tenaga buruh dari luar negara
2 mengadakan skim galakan kepada para pemodal – pengecualian cukai untuk tempoh tertentu – melonggar peraturan pelaburan dengan membenarkan rakyat asing memiliki ekuiti yang lebih besar sehingga 100% dalam sesuatu projek atau perniagaan
3 menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai tapak perkembangan teknologi maklumat – sesuai dengan pasaran dunia yang berubah kepada Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi – mendorong syarikat luar membuka pelaburan di tempat tersebut
4 memberikan pelbagai intensif kepada pelabur asing – kos tanah murah – kadar sewa yang berpatutan – menarik minat pelabur asing
5 menyediakan kawasan perindustrian dan kemudahan infrastruktur yang sempurna – prasarana yang lengkap – memudahkan pelabur asing melaksanakan projek pelaburan mereka – menjimatkan kos penyediaan kemudahan asas yang diperlukan

Penutup
pelaburan memberikan keuntungan ekonomi kepada sesebuah negara – kerajaan Malaysia melakukan pelbagai usaha – memastikan pelaburan asing kian meningkat saban tahun

**Soalan 3**
Pendahuluan
pemakanan yang sihat memainkan peranan penting untuk mengekalkan kesihatan dan mencegah penyakit – masalah kesihatan di dunia kini mengalami revolusi – mengabaikan kepentingan makanan seimbang

Isi-isi Penting
1 rata-rata rakyat hanya ke hospital selepas mengetahui bahawa mereka mempunyai penyakit – tidak menitikberatkan konsep "mencegah itu lebih baik daripada merawat" – fenomena yang tidak baik – perlu mengawal penyakit sebelum penyakit itu menyerang kita
2 tidak mengamalkan tabiat makanan yang sihat – tidak dapat menampung keperluan vitamin, mineral dan keperluan-keperluan asas lain – mereka perlu mengambil makanan tambahan –

memperbaiki dan menampung kekurangan nilai nutrisi makanan mereka

**3** berpunca daripada sikap masyarakat sendiri – gagal menjalani kehidupan secara sihat – amalan bersenam dan pengambilan diet seimbang sukar untuk dipraktikkan – pemilihan makanan berisiko tinggi yang mendorong kepada penyakit jantung, darah tinggi, serta diabetes

**4** perkembangan teknologi tinggi dalam era globalisasi merupakan penyebab rakyat menjadi malas untuk mengamalkan cara hidup sihat – rakyat hidup selesa tanpa perlu bersusah payah dengan adanya budaya 'kawalan jauh'

**5** persepsi malas memasak dan lebih gemar menjamu selera di kedai-kedai makan mendorong kepada punca penyakit berbahaya – sikap gemar melepak pada waktu tengah malam – pembukaan lebih banyak gerai makan 24 jam menyebabkan masyarakat seakan-akan lupa diet teratur yang perlu dipatuhi

Penutup
kesedaran masyarakat antarabangsa tentang penyakit berbahaya yang disebabkan oleh amalan pemakanan kurang sihat masih rendah – terlalu mengejar kemewahan – sibuk mengumpulkan harta dunia sehingga kurang mengambil berat terhadap kesihatan diri

**Soalan 4**
Pendahuluan
Malaysia sering terpilih sebagai tuan rumah pertandingan sukan bertaraf antarabangsa – Le Tour De Langkawi, Formula 1, GranPrix Motosikal Dunia, dan sebagainya – memperoleh faedah yang banyak daripada penganjuran tersebut

Isi-isi Penting

**1** meningkatkan kualiti atlet negara kita – berpeluang bertanding dengan jaguh sukan di seluruh negara – dapat mempelajari pelbagai teknik atau kemahiran

**2** menyumbang kepada perkembangan ekonomi – berlakunya pengaliran masuk wang asing – diperoleh daripada peserta pertandingan dan penyokong

**3** suatu promosi untuk memperkenalkan nama Malaysia kepada masyarakat luar negara – menggalakkan industri pelancongan – pelancong tertarik untuk melawat ke negara ini

**4** mengeratkan hubungan antara atlet atau pemimpin sukan – bertemu semasa sesuatu kejohanan – menjalinkan kerjasama dua hala – mutu sukan akan bertambah baik

**5** membuka peluang pekerjaan – berbentuk pekerjaan tetap, sementara, atau bermusim – menimba pengalaman berharga – melahirkan petugas sukan yang profesional

Penutup
semua pihak berganding bahu – memajukan bidang sukan negara – bukan sekadar aktiviti menyihatkan badan – menjadi industri yang bernilai berbilion-bilion ringgit

**Soalan 5**
Pendahuluan
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) merupakan suatu bidang industri yang paling signifikan dalam era ledakan maklumat – berperanan penting dalam kehidupan seharian – bidang perniagaan, perubatan, pendidikan, dan sebagainya – penggunaannya kini semakin pesat berkembang di dunia global

Isi-isi Penting

**1** menetapkan beberapa peraturan asas dan memantau penggunaan Internet dan gajet anak mereka – memastikan peraturan dipatuhi – mendidik mereka menggunakan Internet dengan lebih bertanggungjawab

**2** mengehadkan penggunaan Internet – mengehadkan masa penggunaan – mengehadkan jenis laman web yang boleh dilawati – dilakukan di rumah, di sekolah, dan di pusat siber kafe – dilakukan terhadap kanak-kanak bawah umur bagi mengelakkan keruntuhan akhlak

**3** menggunakan perisian Internet yang dapat menyekat akses ke laman web yang tidak bermoral – wajar digunakan di institusi-institusi pengajian tinggi dan pejabat-pejabat besar

**4** pemantauan oleh guru-guru yang bertugas – memandangkan proses pembelajaran dan pengajaran sekarang banyak melibatkan penggunaan Internet – menerapkan nilai-nilai murni dalam minda remaja – mengelakkan masalah ini daripada menjadi bertambah teruk

**5** generasi muda digalakkan melayari laman web yang informatif dan bersifat ilmiah – mencari maklumat baharu atau mendalami pengetahuan – dilatih di rumah atau melalui sistem persekolahan – lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat

Penutup
kewujudan alat teknologi canggih perlu digunakan secara positif – penyalahgunaan teknologi boleh merosakkan pengguna itu sendiri dan merugikan negara – wajar dibendung sebelum menjadi makin parah

**5 Karangan Dimensi Sastera**
**Analisis Soalan**
(a) Kata Kunci: Tulis cerpen itu semula
(b) Skop Soalan: Cerpen yang mengisahkan kegigihan anak muda memilih kerjaya sebagai penggiat sastera
(c) Kehendak Soalan: Menulis cerpen semula yang dimenangi dalam peraduan menulis cerpen yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa dan Budaya di sekolah
(d) Jenis Karangan: Cereka/Imaginasi
(e) Dimensi Soalan: Sastera

**Contoh Karangan**
Perenggan Pendahuluan:
Segala tohmahan dan sindiran itu diterimanya dengan hati terbuka
Perenggan Isi 1:
Prestasi akademiknya agak seimbang dalam semua subjek
Perenggan Isi 2:
Hairul sedar dalam tempoh tersebut juga dia terpaksa berdepan dengan pelbagai kerenah bagi melunaskan cita-citanya
Perenggan Isi 3:
Insan-insan tersebut perlu didepani secara berhemah
Perenggan Isi 4:
Pada pandangan mereka, janggal sungguh murid yang beraliran sains mahu beralih arah kepada pengucapan seni dan sastera
Perenggan Isi 5:
Akhirnya, ibu dan ayah Hairul pasrah dengan pilihan anak tunggal mereka itu
Perenggan Isi 6:
Sebenarnya, sastera mencakupi galaksi yang amat luas bagaikan laut yang tidak bertepi jika mahu dibicarakan
Perenggan Isi 7:
tawaran itu pula bermakna suatu tugas yang berat sedang menantinya
Perenggan Isi 8:
Majlis pelancaran Minggu Membaca Negara yang diadakan serentak dengan Pameran Buku Nasional telah sampai detik kemuncaknya
Perenggan Isi 9:
Hairul bercakap atas kapasitinya sendiri sebagai insan yang terlibat secara langsung dalam bidang itu
Perenggan Isi 10:
Rupa-rupanya engkaulah di balik jenama penerbitan yang hebat ini
Perenggan Peleraian:
Kedua-dua sahabat itu berjalan seiringan dengan membawa seribu kenangan pada zaman persekolahan dan harapan pada masa hadapan

## Praktis SPM 5
**Soalan 1**
Pendahuluan
memperkenalkan latar cerita – hasrat ibu bapa yang sunyi – berjauhan dengan anak-anak – sibuk dengan kerjaya masing-masing

Isi-isi Penting

**1** gambaran watak utama – Pak Said – usia telah lanjut – kudrat makin menyusut – rakan seangkatan sudah meninggal dunia – Pak Said dan arwah isteri pernah mencongak-congak antara mereka berdua, siapakah yang akan pergi dahulu?

**2** terkenang kembali kisah silamnya – kejayaannya membesarkan anak-anak – berjawatan tinggi di syarikat terkemuka – bersyukur kepada Tuhan

**3** teringat akan tempelak rakannya – tugas anak-anak menjadi penghalang – tidak dapat meluangkan masa dengan orang tua mereka – nasib bagaikan terbiar – terlantar tanpa pembelaan

**4** menolak pelawaan anak-anak untuk tinggal bersama-sama – tidak tahu untuk berbuat apa-apa jika tinggal di kota – bertegang urat apabila didesak

**5** kesihatan Pak Said semakin merosot – terpaksa dijaga oleh orang gaji – diupah oleh anak-anak – tetap berbangga dengan anak-anaknya

Penutup
Pak Said menghembuskan nafas yang terakhir – anak-anak tiada di sisinya – pergi menemui Ilahi antara bahagia dengan duka lara

**Soalan 2**
Pendahuluan
ilmu sangat penting dalam kehidupan kita – kita perlu berusaha dengan gigihnya – ilmu tidak datang sendiri

Isi-isi Penting
**1** memperoleh peluang kerjaya yang lebih baik – lebih terbuka dan mudah untuk mendapat kerja – mampu untuk menjawat jawatan yang lebih besar – kerjaya profesional seperti doktor, peguam, dan akauntan memerlukan mereka yang berilmu
**2** dapat mempertingkatkan taraf hidup – berkerjaya dan bergaji lumayan – mengubah kehidupan – membina rumah yang lebih selesa – mampu memiliki keperluan asas – mendapatkan pendapatan sampingan seperti berniaga, mengadakan kelas tuisyen, dan sebagainya
**3** boleh berkhidmat untuk agama, bangsa, dan negara – memajukan diri – membangunkan bangsa dan negara
**4** dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat – menghargai orang yang berilmu – khidmat mereka digunakan demi kepentingan umum
**5** sukar dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab – orang yang tidak berilmu mudah ditipu oleh penjual – senang menyerahkan wang ringgit – terperdaya kerana tidak berfikir panjang

Penutup
keseimbangan ilmu dunia dan ilmu akhirat sangat penting – tidak mahu dalam kita berkerjaya dan berkedudukan, akhlak dan rohani kita rosak

**Soalan 3**
Pendahuluan
pengalaman penulis diturunkan dalam bentuk penulisan – karya sastera seperti cerpen, novel, atau puisi – banyak kebaikan membaca karya sastera

Isi-isi Penting
**1** memperoleh pengajaran yang berguna – boleh diaplikasikan dalam kehidupan – contohnya, sajak *Erti Hidup Bererti* – belajar menghormati orang tua dan menghargai pendapat mereka
**2** memupuk perasaan cinta akan Bahasa Melayu – bangga akan kemampuan pengkarya seni menghasilkan penulisan yang bermutu – keindahan bahasa dapat dihayati
**3** melahirkan generasi yang berani dan bersemangat – menggalakkan anak muda berjuang – membebaskan tanah air daripada penjajah dan cengkaman komunis – cerpen *Cinta Ahmad Mutawakkil* – memaparkan watak utama yang bersemangat waja
**4** mengenali penulis-penulis berbakat negara – menjadi pendorong untuk menghasilkan karya sendiri – melahirkan lebih banyak penulis yang berwibawa
**5** memperluas perbendaharaan kata murid – pembacaan karya sastera akan mendedahkan kata-kata yang indah dan menarik – boleh digunakan dalam penulisan karangan atau tatabahasa

Penutup
membaca karya sastera dapat menjadikan pemikiran pembaca lebih matang – pengalaman baharu kepada pembaca – pasaran buku negara akan bertambah luas

**Soalan 4**
Pendahuluan
menyatakan judul novel, nama pengarang, dan sinopsis – paling ringkas – pilih aspek-aspek utama dalam binaan novel yang ingin anda ulas

Isi-isi Penting
**1** aspek tema – ulas aspek temanya
**2** aspek persoalan – ulas aspek tersebut dan kaitkan dengan tema dan situasi pada hari ini
**3** aspek perwatakan – ulas watak utama dan beberapa watak sampingan
**4** aspek nilai murni – ulas aspek nilai murni yang terdapat dalam novel tersebut
**5** aspek pengajaran – ulas pengajaran yang terdapat dalam novel – nyatakan pengajaran yang boleh diteladani

Penutup
menilai keseluruhan kandungan novel – saranan kepada rakan-rakan agar membaca novel tersebut – lebih baik daripada membuang masa

**Soalan 5**
Pendahuluan
bidang sastera kurang diberi perhatian berbanding dengan bidang-bidang lain – kesannya atlet atau artis lebih dikenali oleh masyarakat berbanding dengan karyawan dan Sasterawan Negara

Isi-isi Penting
**1** ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak membaca karya sastera – membeli bahan bertemakan sastera – mewujudkan sudut bacaan dan koleksi buku sastera
**2** mewajibkan pengajaran sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu – supaya murid membaca karya sastera yang baik dan bermutu
**3** penulis dan penerbit perlu berusaha untuk menerbitkan karya sastera yang berkualiti – mengurangkan harga buku – menerbitkan karya dalam bentuk yang lebih mudah untuk bacaan murid
**4** kerajaan dan pihak yang terlibat dalam sastera mengadakan kempen – secara besar-besaran – mengetengahkan karyawan dan sasterawan tempatan
**5** penerbit filem atau drama mengadaptasikan cerpen atau novel menjadi drama atau filem – dapat mencetuskan minat penonton untuk membaca novel atau cerpen yang diadaptasikan

Penutup
karya sastera kaya dengan nilai murni dan pengajaran – dapat membentuk keperibadian yang mulia

## FOKUS KBAT
Pendahuluan
menurut Kamus Dewan, menabung membawa maksud menyimpan wang di dalam tabung ataupun di bank – melatih anak-anak untuk mengurus kewangan dengan baiknya – memupuk nilai murni dalam diri anak-anak

Isi-isi Penting
**1** melatih anak-anak supaya menyimpan lebihan belanja harian di dalam tabung – menyediakan tabung – dalam bentuk yang diminati anak-anak– menjadi kebiasaan kepada anak-anak untuk menyimpang wang walaupun dalam jumlah yang kecil
**2** menjadi contoh kepada anak-anak ketika berbelanja – membeli barang keperluan sahaja – menyediakan senarai barangan yang hendak dibeli – anak-anak akan terikut oleh budaya sihat yang ditunjukkan oleh ibu bapa
**3** memberikan sokongan moral – menggalakkan anak-anak berjimat cermat – wang dimasukkan ke dalam tabung – membawa anak-anak ke bank
**4** memberikan ganjaran apabila anak berjaya menabung – peningkatan dalam jumlah tabungan – memberi wang saku untuk perbelanjaan harian
**5** membuka buku akaun untuk anak-anak – sebagai ganjaran kerana menabung – anak-anak berasa gembira kerana simpanan menjadi milik mereka

Penutup
kejayaan menabung dalam jumlah yang banyak bukan perkara utama – paling penting ialah mereka dilatih supaya bijak menabung – ibu bapa berperanan besar untuk menggalakkan anak-anak menabung – “sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit”

# TOPIK 3 RUMUSAN DAN PEMAHAMAN PETIKAN UMUM

## PRAKTIS BERFORMAT SPM
**Kertas 2: Soalan 1 dan Soalan 2(a)**

### Praktis SPM 1
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan kaedah-kaedah untuk mengurangkan peperangan daripada melingkari kehidupan manusia.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan pendekatan-pendekatan untuk meminimumkan peperangan dan implikasi-implikasinya terhadap mangsa persengketaan.

Isi-isi Tersurat [Strategi-strategi untuk Meminimumkan Peperangan]
**1** Generasi muda hendaklah diberikan kesedaran bahawa perang merupakan satu jenayah besar.
**2** Warga dunia bertindak dengan tegasnya menolak aktiviti keganasan.
**3** Kelab antiperang digerakkan secara aktif di institusi pengajian.
**4** Pertubuhan serantau mengambil langkah membanteras perang dalam kalangan negara anggota.
**5** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendesak kuasa-kuasa besar agar menghentikan peperangan.
**6** Masyarakat dunia mestilah bertindak memerangi ideologi golongan yang suka berkonflik secara terang-terangan.
**7** Warga dunia dapat menyebarkan mesej kemudaratan perang kepada manusia, harta benda, haiwan, dan tumbuh-tumbuhan.
**8** Kerjasama daripada media massa amat ditagih untuk meningkatkan kesedaran kepada semua pihak tentang musibah peperangan.

9 Pihak yang melakukan jenayah perang hendaklah diheret ke muka pengadilan.

Isi-isi Tersirat [Implikasi-implikasinya terhadap Mangsa Persengketaan]
1 Mangsa perang hidup dalam ketakutan dan trauma yang berpanjangan.
2 Kemusnahan besar-besaran terhadap negara yang terlibat dalam peperangan.
3 Menyemarakkan sikap berdendam dan bermusuhan tanpa penghujung.
4 Sebahagian daripada mangsa perang hidup sebagai pelarian.
5 Sukar diwujudkan persefahaman antara pihak yang bertelingkah.
6 Peperangan merosakkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi sesebuah negara.

Kesimpulan
Kesimpulannya, setiap warga dunia hendaklah komited ketika menentang peperangan agar kesengsaraan dapat dihindari.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: berlainan pendapat atau tidak sependirian
(ii) ... menoktahkan malapetaka yang menyengsarakan seisi alam – tidak mengambil pendekatan menyelesaikan masalah dengan menggunakan kekerasan – mengubah persepsi masyarakat tentang keperluan berperang bagi menghentikan persengketaan
(iii) ... sesebuah negara mahu melebarkan kekuasaannya ke atas negara lain – tidak wujud kata sepakat dalam hal-hal tertentu antara blok negara yang terlibat – tiada pihak yang mampu menangani sesuatu persengketaan – Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mempunyai kuasa mutlak untuk menghalang peperangan

## Praktis SPM 2
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan pendidikan abad ke-21 untuk melakarkan kemajuan Malaysia dalam pelbagai aspek.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan faedah-faedah pendidikan abad ke-21 dan masalah-masalah yang perlu ditangani dalam sektor pendidikan.

Isi-isi Tersurat [Kepentingan-kepentingan Pendidikan Abad Ke-21]
1 Kemajuan dalam bidang pendidikan merupakan nadi penggerak pembangunan sesebuah negara.
2 Sistem pendidikan mampu menjanakan insan yang seimbang dari segi mental dan fizikal.
3 Melahirkan rakyat yang mampu mendepani cabaran abad ke-21.
4 Menyediakan tenaga manusia selaras dengan tuntutan negara.
5 Bidang pendidikan menjanakan guna tenaga berpengetahuan dan berketerampilan tinggi.
6 Kejayaan sistem pendidikan telah memberi laluan kepada rakyat untuk menceburi bidang pekerjaan.
7 Pendidikan ialah pelaburan terbaik demi jaminan masa hadapan yang lebih cerah.
8 Merupakan prasyarat yang signifikan untuk mewujudkan kemakmuran negara.
9 Bidang pendidikan menjadi tonggak kekuatan masyarakat untuk menghadapi situasi semasa.

Isi-isi Tersirat [Masalah-masalah yang Perlu Ditangani dalam Sektor Pendidikan]
1 Sekolah-sekolah terutama di pedalaman menghadapi masalah capaian Internet.
2 Infrastruktur di sekolah berada dalam keadaan prapendidikan abad ke-21.
3 Peruntukan yang sedikit untuk melaksanakan pendidikan abad ke-21 dengan berkesan.
4 Kekurangan tenaga pengajar yang benar-benar menjiwai pendidikan abad ke-21.
5 Kemantapan penguasaan guru terhadap kemahiran berfikir aras tinggi.
6 Pengurus pendidikan yang sukar menjiwai tuntutan pendidikan abad ke-21.

Kesimpulan
Kesimpulannya, setiap rakyat wajar menerima perubahan baik sistem pendidikan demi kelangsungan bangsa dan negara.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: berada pada kedudukan yang paling utama
(ii) ... bidang pendidikan berperanan sebagai wadah yang mencanai watak dan perwatakan insan yang berdisiplin – bidang pendidikan menjanakan rakyat yang mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan – bidang pendidikan sebagai pasport berperanan masa hadapan bagi membentuk insan yang berakhlak mulia
(iii) ... berkebolehan memahami tingkah laku setiap murid untuk mengetahui pertumbuhan dan perkembangan murid – memahami psikologi pembelajaran – mempunyai asas dalam bidang kaunseling – berkemahiran menggunakan media dan teknologi maklumat terkini

## Praktis SPM 3
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan fungsi-fungsi Rukun Negara sebagai wahana perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan tugas-tugas Rukun Negara sebagai wahana perpaduan dan kesan-kesan mengabaikan Rukun Negara.

Isi-isi Tersurat [Peranan-peranan Rukun Negara sebagai Wahana Perpaduan]
1 Mengukuhkan aspek kejiwaan rakyat bagi membina jati diri bangsa Malaysia.
2 Prinsip-prinsip Rukun Negara menjadi teras pembentukan masyarakat Malaysia moden.
3 Rukun Negara dinobatkan sebagai manifesto utama agenda perpaduan kebangsaan.
4 Rukun Negara diterima sebagai manifestasi perpaduan yang berupaya untuk meniupkan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik.
5 Rukun Negara berperanan sebagai pembentukan perwatakan nasional secara berterusan.
6 Prinsip-prinsip Rukun Negara dijadikan mekanisme yang menjamin keharmonian rakyat.
7 Rukun Negara berperanan untuk mengekalkan masyarakat yang memelihara cara hidup demokratik.
8 Rukun Negara berperanan sebagai tali yang mengikat kukuh integrasi rakyat yang berbilang bangsa.

Isi-isi Tersirat [Kesan-kesan Mengabaikan Rukun Negara]
1 Menimbulkan impak negatif terhadap tatacara kehidupan rakyat.
2 Melahirkan warganegara Malaysia yang hilang adat sopannya.
3 Rakyat terperangkap oleh diayah perkauman yang membahayakan mereka.
4 Merosakkan hubungan baik yang sedia terjalin dalam kalangan masyarakat majmuk.

Kesimpulan
Kesimpulannya, setiap rakyat Malaysia hendaklah mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara bagi melestarikan kesejahteraan kaum di negara ini.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: mempertaruhkan kesejahteraan atau kesentosaan
(ii) ... menangkis anggapan bahawa sesuatu etnik itu boleh hidup secara bersendirian dalam sebuah negara yang berbilang kaum – melahirkan masyarakat yang adil supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama-sama – mencapai saksama perpaduan yang lebih erat tanpa mengira keturunan dan kepercayaan masing-masing
(iii) ... ibu bapa bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak supaya memahami dan menghayati prinsip Rukun Negara – kerajaan mengambil inisiatif seperti menganjurkan program yang bertemakan Rukun Negara – media massa menerbitkan artikel atau menyiarkan program yang bersangkutan dengan Rukun Negara

## Praktis SPM 4
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan manfaat-manfaat pendidikan kemahiran untuk menyediakan tenaga kerja mahir di Malaysia.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan kelebihan-kelebihan pendidikan kemahiran di Malaysia dan langkah-langkah memperkasakan pendidikan kemahiran.

Isi-isi Tersurat [Sumbangan-sumbangan Pendidikan Kemahiran di Malaysia]
1 Melahirkan modal insan berkemahiran tinggi agar negara terus maju.
2 TVET berfungsi sebagai platform untuk menjayakan agenda pembangunan negara.
3 Institusi ini memikul amanah negara untuk melahirkan graduan yang berkualiti.

**4** Memperkukuh kedudukan negara dalam bidang teknologi perindustrian.
**5** Lulusan TVET mampu membangunkan perusahaan sendiri.
**6** Membuka ruang pekerjaan kepada orang lain menambah rezeki.
**7** Mengurangkan tenaga kerja import secara beransur-ansur.
**8** Mengangkat kedudukan pekerja tempatan sebagai tulang belakang pekerja mahir di Malaysia.

Isi-isi Tersirat [Langkah-langkah Memperkasakan Pendidikan Kemahiran]
**1** Institusi ini terlibat secara langsung dalam perancangan kurikulum kemahiran.
**2** Program TVET disokong oleh polisi yang kukuh dalam sistem pendidikan negara.
**3** Pihak swasta menyumbang sejumlah peruntukan untuk menampung kos pendidikan kemahiran.
**4** Memperkukuh program kemahiran khusus dalam sesuatu bidang pekerjaan.
**5** Kursus-kursus sambilan ditawarkan untuk meningkatkan kemahiran pekerja.

Kesimpulan
Kesimpulannya, murid-murid wajar memanfaatkan pendidikan kemahiran untuk membina kerjaya yang menguntungkan mereka.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: pandangan atau tanggapan yang tidak elok
(ii) ... Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi melakukan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional mulai tahun 2012 – universiti atau kolej universiti menyediakan peluang untuk pelajar melanjutkan pelajaran dalam jurusan teknikal dan kemahiran – mewujudkan program kerjasama universiti-industri
(iii) ... pendapatan yang diperoleh oleh lulusan TVET lebih lumayan sekiranya mereka bijak menggunakan kemahiran yang dimiliki oleh mereka – lulusan TVET boleh mengambil inisiatif untuk menubuhkan pusat latihan kemahiran – peluang pendidikan yang lebih tinggi akan disediakan selepas tamat pengajian – aspek kemahiran yang ditawarkan memenuhi permintaan pihak majikan yang mahukan pekerja memiliki kemahiran asas tertentu

## Praktis SPM 5
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan faktor-faktor sektor pertanian di negara ini diperhebat lagi.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan punca-punca pemerkasaan sektor pertanian dan kesan-kesan ketara mengetepikan sektor pertanian.

Isi-isi Tersurat [Sebab-sebab Pemerkasaan Sektor Pertanian]
**1** Sektor ini berperanan untuk menjanakan pendapatan utama penduduk luar bandar.
**2** Sektor pertanian diiktiraf sebagai sektor ekonomi primer terpenting yang membekalkan sumber makanan kepada rakyat.
**3** Sektor pertanian berpotensi untuk menjadi penyumbang utama pendapatan negara.
**4** Sektor pertanian mampu mencipta hasil kekayaan baharu kepada rakyat dan negara.
**5** Sektor pertanian sebagai sumber pendapatan yang mampu menimbunkan kekayaan.
**6** Sektor pertanian berupaya untuk menarik keluar kaum petani daripada kepompong kemiskinan.
**7** Sektor pertanian dapat meningkatkan taraf hidup penduduk desa.
**8** Sektor pertanian merapatkan jurang pendapatan antara petani dengan golongan bukan petani.

Isi-isi Tersirat [Kesan-kesan Mengetepikan Sektor Pertanian]
**1** Rakyat memperoleh bahan makanan dengan harga yang mahal.
**2** Negara tidak berupaya untuk menyediakan bekalan makanan yang diperlukan oleh rakyat.
**3** Peningkatan pengaliran wang ke luar negara untuk membeli makanan.
**4** Sebilangan besar penduduk desa akan berhijrah untuk mencari pekerjaan di bandar.
**5** Banyak kawasan pertanian yang akan terbiar tanpa apa-apa perancangan.
**6** Luar bandar terus kekal sebagai kawasan yang tidak produktif.

Kesimpulan
Kesimpulannya, seluruh rakyat hendaklah menyokong usaha untuk memajukan sektor pertanian agar memudahkan mereka mendapatkan bahan makanan.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: hasil atau keuntungan yang agak banyak
(ii) ... bidang pertanian menghasilkan pendapatan minimum – pertanian dicap sebagai pekerjaan untuk golongan yang kurang berpendidikan – pertanian sebagai pekerjaan yang bertaraf rendah
(iii) ... pendapatan yang diperoleh mengikut musim – suasana tempat kerja yang tidak selesa – pertanian bukan bidang profesional – mereka lebih cenderung bekerja makan gaji

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)
- Tiga jenis pertanian utama di Malaysia:
  – pertanian pindah
  – pertanian kebun kecil (sara diri)
  – pertanian ladang
- Langkah-langkah untuk meningkatkan hasil tanaman:
  – membuka kawasan pertanian baharu
  – melakukan penyelidikan secara saintifik
  – memberikan bantuan kewangan

## Praktis SPM 6
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan sebab-sebab keusahawanan menjadi kerjaya pilihan dalam kalangan rakyat Malaysia.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan punca-punca keusahawanan menjadi kerjaya pilihan dan kaedah-kaedah bagi menyemarakkan budaya keusahawanan.

Isi-isi Tersurat [Faktor-faktor Keusahawanan Menjadi Kerjaya Pilihan]
**1** Berupaya untuk mengubah model ekonomi Malaysia kepada model ekonomi baharu.
**2** Memberi pengusaha industri kecil dan sederhana atau keusahawanan berskala besar peluang untuk menjanakan pendapatan yang berlipat kali ganda.
**3** Menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan demi kepentingan pengguna.
**4** Melahirkan anggota masyarakat yang mampu mencipta ruang pekerjaan.
**5** Mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan rakyat.
**6** Memastikan generasi muda tidak hanya bergantung pada kerja makan gaji.
**7** Potensinya cukup luas dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan dan menjanjikan rezeki yang melimpah ruah.
**8** Membantu usahawan mengaut keuntungan dalam pasaran yang lebih besar.

Isi-isi Tersirat [Kaedah-kaedah bagi Menyemarakkan Budaya Keusahawanan]
**1** Budaya keusahawanan diterapkan dari peringkat sekolah hingga institusi pengajian tinggi.
**2** Agensi keusahawanan menganjurkan forum keusahawanan dalam kalangan belia.
**3** Kerajaan mempelbagaikan inisiatif untuk melahirkan usahawan yang dinamik.
**4** Agensi khusus memperuntukkan dana bagi membantu golongan usahawan.
**5** Kerajaan menubuhkan badan khas untuk membimbing usahawan muda.
**6** Institut Pengajian Tinggi menganjurkan seminar untuk menarik minat belia melibatkan diri sebagai usahawan.

Kesimpulan
Kesimpulannya, usahawan hendaklah memajukan kerjaya mereka agar bidang ini berkembang dengan pesatnya.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: menjadikan kenyataan suatu keinginan, harapan, atau kehendak
(ii) ... keusahawanan dapat memenuhi cabaran perkembangan ekonomi moden yang penuh saingan – bidang keusahawanan menawarkan pelbagai jenis pekerjaan dan membantu pengagihan pendapatan kepada rakyat – mereka dapat mencipta kekayaan yang disumbangkan oleh bidang keusahawanan
(iii) ... tiada perancangan jangka masa panjang dalam perniagaan – kurang jiwa perniagaan dalam diri – persaingan yang sengit dalam pasaran – tidak fokus dan mencuba semua perniagaan yang dirasakan menguntungkan mereka

## Praktis SPM 7
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan sumbangan-sumbangan pelaburan demi jaminan masa hadapan para pelabur.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan faedah-faedah pelaburan dan faktor-faktor orang ramai waswas hendak melabur.

Isi-isi Tersurat [Manfaat-manfaat Pelaburan]
1 Simpanan masa hadapan atau hari tua para pelabur.
2 Berkemampuan untuk menjanakan keuntungan yang lumayan.
3 Membantu pelabur memperoleh pendapatan secara konsisten.
4 Membolehkan pelabur mengukuhkan tabungan yang sedia ada.
5 Keuntungan yang diperoleh dapat dilaburkan semula atau dimanfaatkan untuk membeli aset.
6 Pelabur berkesempatan untuk menambah harta.
7 Memberi pulangan dalam bentuk pendapatan kepada pelabur.
8 Pelabur memperoleh laba yang agak banyak menerusi pelaburan.

Isi-isi Tersirat [Faktor-faktor Orang Ramai Waswas Hendak Melabur]
1 Bakal pelabur tidak mempunyai pengetahuan tentang bidang pelaburan.
2 Bakal pelabur tidak mempunyai perunding pelaburan yang baik.
3 Bakal pelabur mempunyai modal yang terlalu kecil.
4 Bakal pelabur tidak mempunyai tabungan yang mencukupi.
5 Bakal pelabur sukar membuat keputusan sama ada hendak melabur atau sebaliknya.
6 Bakal pelabur terpengaruh oleh diayah bahawa pelaburan tidak semestinya menguntungkan.

Kesimpulan
Kesimpulannya, sesiapa yang mempunyai kemampuan wajar melibatkan diri dalam bidang pelaburan agar dapat meraih keuntungan yang berlipat ganda.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: sikap memberikan sepenuh tenaga dan perhatian
(ii) ... mereka tidak mengalami risiko yang besar dalam bidang tersebut – modalnya lebih rendah berbanding dengan saham-saham lain – kerugian dapat diminimumkan
(iii) ... agensi yang berkaitan dengan pelaburan menganjurkan kempen/seminar berkala tentang kepentingan melabur – pakar pelaburan memberikan bantuan khidmat nasihat kepada bakal pelabur – institusi kewangan menyediakan dana khas untuk pinjaman pelaburan – institusi pelaburan mengadakan rancangan khas berkaitan dengan pelaburan menerusi media massa

## Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)
- Produk pelaburan yang popular:
  – pelaburan di bank
  – pelaburan dengan produk-produk Perbadanan Nasional Berhad seperti ASB, ASN2, ASD, dan sebagainya
  – pelaburan saham amanah (Unit Trust) yang ditawarkan oleh institusi kewangan selain Perbadanan Nasional Berhad
  – Pelaburan hartanah
- Perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh bakal pelabur:
  – memilih pelaburan terbaik
  – kenal pasti risiko-risiko yang bakal ditanggung
  – sentiasa menambah kefahaman dan pengetahuan

## Praktis SPM 8
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan sebab-sebab keracunan makanan sering berlaku di negara ini.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan faktor-faktor keracunan makanan dan cara-cara mencegah keracunan makanan.

Isi-isi Tersurat [Punca-punca Keracunan Makanan]
1 Pengendali makanan kurang mengendahkan kebersihan diri sebagai penyedia makanan.
2 Mangsa mengambil makanan yang tidak memenuhi kriteria kebersihan.
3 Pemilik restoran atau gerai kurang menitikberatkan amalan penyimpanan dan penyediaan makanan yang bersih.
4 Pemilik premis mengupah penyedia makanan yang bersikap sambalewa tentang pentingnya menjaga kebersihan makanan.
5 Penyedia makanan tidak mengutamakan aspek kesihatan pelanggan.
6 Pengusaha premis makanan menjadikan premis itu tempat pembiakan haiwan pembawa penyakit.
7 Mangsa mengambil makanan atau minuman yang tercemar.
8 Bahan makanan telah luput tarikhnya.
9 Sikap sesetengah orang yang menganggap isu keracunan makanan sebagai perkara remeh-temeh.

Isi-isi Tersirat [Cara-cara Mencegah Keracunan Makanan]
1 Peralatan dapur perlu dicuci dengan air panas sebelum digunakan.
2 Basuh tangan dengan telitinya sebelum atau selepas menyediakan makanan.
3 Asingkan makanan yang sudah dimasak dengan makanan mentah.
4 Masak makanan dengan sempurnanya.
5 Pilih makanan yang dimasak dengan kaedah penyediaan makanan bersih.
6 Jangan sesekali makan sebarang makanan yang sudah berkulat.

Kesimpulan
Kesimpulannya, setiap individu hendaklah berhati-hati ketika mengambil makanan agar tidak menjadi mangsa keracunan makanan.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: semakin serius
(ii) ... murid yang tinggal di asrama – golongan yang gemar makan di luar akibat tiada masa untuk menyediakan makanan sendiri – mangsa yang tidak berhati-hati semasa memilih bahan makanan
(iii) ... mangsa hendaklah dibawa ke klinik untuk diberi rawatan lanjut – menyimpan makanan yang disyaki tercemar untuk siasatan pegawai kesihatan – memastikan bahawa orang lain tidak menjamah makanan tersebut – memaklumkan kes keracunan kepada pihak berkuasa kesihatan

## Praktis SPM 9
**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan faktor-faktor peminat sukan berasa sangsi terhadap pencapaian atlet pelapis di negara ini.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan punca-punca peminat sukan meragui pencapaian atlet pelapis dan strategi-strategi untuk menjuarai kejohanan antarabangsa.

Isi-isi Tersurat [Sebab-sebab Peminat Sukan Meragui Pencapaian Atlet Pelapis]
1 Atlet pelapis tewas dengan begitu mudahnya dalam kejohanan antarabangsa.
2 Sesetengahnya tumpas di tangan atlet-atlet junior yang tiada pengalaman.
3 Permasalahan berkenaan dengan pencapaian atlet pelapis seolah-olah tidak ditemukan penawarnya.
4 Atlet muda tidak menunjukkan semangat juang yang memberangsangkan.
5 Atlet pelapis gagal menepati standard yang ditetapkan.
6 Gagal meletakkan nama Malaysia dalam senarai pasukan yang berpotensi untuk menjuarai kejohanan bertaraf dunia.
7 Ketiadaan pemain pelapis yang berani membentuk inovasi dalam gaya permainan.
8 Kelompangan yang ditinggalkan oleh atlet senior tidak mampu diisi oleh bakat baharu.
9 Malaysia ketandusan atlet pelapis yang mampu bersaing di pentas antarabangsa.

Isi-isi Tersirat [Strategi-strategi untuk Menjuarai Kejohanan Antarabangsa]
1 Membuat persiapan rapi dari aspek prasarana sukan dan tenaga yang terlibat.
2 Bintang sukan sentiasa siap siaga menjalani latihan intensif.
3 Kementerian Pendidikan menjanakan program pembangunan sukan dalam kalangan murid.
4 Persatuan sukan turun padang untuk mencungkil bakat terpendam dalam pelbagai bidang sukan.
5 Pembangunan sukan pada peringkat daerah dan negeri dilaksanakan secara berterusan.
6 Atlet pelapis dihantar mengikuti latihan sukan di luar negara.

Kesimpulan
Kesimpulannya, seluruh rakyat Malaysia perlu memberikan sokongan padu terhadap kemajuan sukan agar negara kita berdiri sebaris dengan jaguh sukan dunia.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**
(i) ... maksud: perasaan tidak tenang hati, rusuh hati, gelisah penggemar
(ii) ... atlet pelapis terpaksa pulang awal dengan tangan kosong – pencapaian mereka masih jauh daripada sasaran – atlet muda tidak memiliki kualiti bertaraf antarabangsa
(iii) ... tiada kesungguhan untuk meraih kemenangan – mudah menyerah kalah kepada pihak lawan – tidak mendapat latihan yang secukupnya – golongan ini dimanjakan dengan pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan

## Praktis SPM 10

**Soalan 1: Rumusan**

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan fungsi-fungsi kesusasteraan terhadap pembentukan peradaban dalam kalangan umat manusia.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan tugas-tugas sastera sebagai acuan peradaban manusia dan usaha-usaha memartabatkan perkembangan sastera.

Isi-isi Tersurat [Kepentingan-kepentingan Sastera sebagai Acuan Peradaban Manusia]

1. Sastera ialah wahana pembangunan sahsiah umat manusia.
2. Sastera tegak sebagai suatu bidang yang menjadi penjana kelestarian peradaban dunia.
3. Sastera berupaya untuk membimbing mereka mengamalkan nilai moral dan nilai estetika.
4. Sastera menjadi unsur penyatuan dan teras persaudaraan seluruh insan.
5. Sastera bertindak sebagai acuan moral dan pengasuh keluhuran jiwa.
6. Sastera berfungsi untuk membentuk nilai kehidupan masyarakat.
7. Peranan sastera berkait langsung sebagai wahana kejiwaan manusia.
8. Kesusasteraan sebagai wadah yang mampu mendidik emosi agar lebih stabil.
9. Penghayatannya membantu peningkatan kecekapan berfikir aras tinggi.

Isi-isi Tersirat [Usaha-usaha Memartabatkan Perkembangan Sastera]

1. Pelbagai anugerah diberikan kepada penggiat sastera.
2. Usaha menyebarluaskan sastera dipikul oleh seluruh rakyat.
3. Mengenakan hukuman yang setimpal terhadap kegiatan memplagiat karya sastera.
4. Menganjurkan Hari Sastera Antarabangsa yang terbuka kepada semua golongan.
5. Produk kesusasteraan tidak dibiarkan dalam kalangan penggiat sastera sahaja.
6. Persatuan penulis menganjurkan seminar bagi merapatkan hubungan antara sasterawan dengan masyarakat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kita tidak wajar memandang sepi fungsi sastera kerana warisan budaya ini mementingkan estetika, nilai murni dalam kalangan masyarakat, dan kesepakatan budaya.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**

(i) ... maksud: masa-masa yang malap

(ii) ... sastera berupaya untuk mengukuhkan akar tamadun sesuatu bangsa – semakin kental jati diri bangsa – sastera mampu melentur jiwa manusia terhadap pelbagai tuntutan insaniah

(iii) ... karya sastera tidak begitu dikenali kerana kekurangan publisiti – sastera tidak mendukung nilai ekonomi dalam perkembangan dunia sekarang – sistem pendidikan menyisihkan kepentingan mata pelajaran Sastera – sastera menghadapi saingan getir daripada bidang-bidang ilmu yang lain

## FOKUS KBAT

### Fokus KBAT 1

**Soalan 1: Rumusan**

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan kelebihan-kelebihan senyuman kepada seseorang.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan faedah-faedah senyuman dan sebab-sebab seseorang sukar mengukir senyuman.

Isi-isi Tersurat [Aura-aura Positif Senyuman]

1. Senyuman dapat meredakan tekanan yang dihadapi oleh majotiti individu tanpa mengira peringkat umur.
2. Orang yang gemar tersenyum akan menerbitkan emosi yang baik.
3. Senyuman memberikan kehidupan yang berkualiti bagi seseorang.
4. Keadaan semula jadi otak yang berfikir secara negatif dapat dilemahkan.
5. Senyuman dapat mengeratkan ikatan kemesraan antara anggota keluarga.
6. Orang yang selalu tersenyum itu berketerampilan menarik.
7. Orang yang suka tersenyum mempunyai daya tarikannya yang tersendiri.
8. Orang lebih terpikat kepada seseorang yang murah senyumannya.
9. Dengan mengukir senyuman, kita dapat mendamaikan perasaan orang lain.

Isi-isi Tersirat [Sebab-sebab Seseorang Sukar Mengukir Senyuman]

1. Individu itu mengharapkan orang lain terlebih dahulu memberikan senyuman kepadanya.
2. Individu itu mengalami masalah gangguan emosi.
3. Individu berkenaan tidak gemar berkomunikasi dengan orang lain.
4. Individu tersebut berasa risau jika orang lain tersalah anggap terhadapnya.
5. Individu berkenaan tidak mempunyai sikap terbuka untuk menerima orang lain.
6. Individu itu bersikap suka mengasingkan diri.

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap orang wajar menguntum senyuman agar dapat mencipta keceriaan dalam lingkungan yang dimasukinya.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**

(i) ... maksud: menimbulkan keadaan atau suasana riang gembira

(ii) ... senyuman mempunyai kesannya dalam pengurangan tempoh tekanan – senyuman yang menghasilkan kesan positif dapat mencegah idea negatif – senyuman dapat mewujudkan pengekspresian perasaan yang paling romantik

(iii) ... senyuman menandakan kebahagiaan seseorang – senyuman bertujuan untuk menutup perasaan yang memalukan – senyuman digunakan sebagai tanda persetujuan – senyuman untuk menyindir seseorang

### Fokus KBAT 2

**Soalan 1: Rumusan**

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan kaedah-kaedah untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri di negara ini.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan langkah-langkah untuk membantu rakyat memiliki rumah sendiri dan kekangan-kekangan untuk melaksanakannya.

Isi-isi Tersurat [Usaha-usaha untuk Membantu Rakyat Memiliki Rumah Sendiri]

1. Pihak institusi kewangan menyediakan akses pinjaman kepada pembeli rumah yang memenuhi syarat yang ditetapkan.
2. Pihak pemaju membangunkan projek perumahan di seluruh negara.
3. Kelonggaran diberikan kepada ahli KWSP mengeluarkan caruman untuk membeli rumah.
4. Kerajaan menambah baik program pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.
5. Peranan signifikan kerajaan untuk mengekang kenaikan harga tanah yang turut melonjakkan harga rumah.
6. Pihak bank tempatan telah melonggarkan syarat pinjaman kepada mereka yang ingin membeli rumah.
7. Pertambahan pelaksanaan pelbagai projek rumah kos rendah dan sederhana.
8. Pihak kerajaan melaksanakan usaha-usaha tertentu bagi memastikan sektor perumahan berkembang secara sihat.
9. Pelancaran "Program Perumahan Rakyat" untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah.

Isi-isi Tersirat [Kekangan-kekangan untuk Melaksanakannya]

1. Harga rumah yang semakin tinggi.
2. Saingan daripada rakyat asing yang membeli rumah di negara ini.
3. Projek perumahan terbengkalai yang lambat dipulihkan pembinaannya.
4. Rakyat berpendapatan rendah lebih cenderung menyewa kediaman.
5. Rakyat bergelut dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.
6. Projek perumahan kos rendah tidak dapat memenuhi permintaan rakyat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap keluarga wajar memiliki rumah sendiri kerana rumah ibarat syurga untuk anak-anak membesar.

**Soalan 2(*a*): Petikan Umum**

(i) ... maksud: terbelenggu oleh ketidakupayaan

(ii) ... sebagai tempat berlindung daripada panas dan hujan – untuk meneruskan kehidupan sekeluarga tanpa ada mata yang sentiasa memerhati – dapat hidup dalam suasana selesa, selamat, dan seronok

(iii) ... mewujudkan peluang pekerjaan – membina prasarana yang teratur – meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara – menanamkan perasaan muhibah dalam kalangan rakyat

## TOPIK 4: PEMAHAMAN KOMSAS

### NOTA GRAFIK KOMSAS

**Antologi "Sejadah Rindu"**

**Pemahaman Prosa Moden (Cerpen dan Drama)**

**1 Cerpen "Cinta Ahmad Mutawakkil"**

Sinopsis

kejutan; dibaringkan; pengsan; mengupah; berketurunan; kematian; meninggalkan; pendudukan; Inggeris; dibom; ketokohan; nasionalis; menyerah; komunis; wartawan; pemimpin; berkempen; amaran; ideologi; menyampaikan; pelosok; tembakan; menembusi; kemerdekaan; pengorbanan; England; lenyap

Tema dan Persoalan

Tema: menuntut

Persoalan:

**1** pengikat
**2** mengharungi
**3** Semangat
**4** keselamatan
**5** pengganas

Watak dan Perwatakan

Ahmad Mutawakkil: tunggal; Menghargai
Tuan Booth: Pengurus; tempatan; berterus terang
Sandra: perang; Setia

Binaan Plot

Pengenalan: cedera; berjemaah
Perkembangan: meneroka; yatim piatu
Perumitan: menyerah; didesak; ideologi
Klimaks: surau; gerakan; kegagalan
Peleraian: majlis; kemerdekaan; peninggalan

Teknik Plot

Dialog: Sandra
Imbas kembali: Orang Putih

Latar

Latar tempat: kampung; getah
Latar masa: pertengahan; seminggu
Latar masyarakat: patriotik

Nilai dan Pengajaran

**1** ugutan
**2** kesulitan
**3** berjasa

### PRAKTIS BERFORMAT SPM

**KERTAS 2: Soalan 2(*b*)**

**Praktis SPM 1: Cerpen "Cinta Ahmad Mutawakkil"**

(i) ... Ahmad Mutawakkil tersenyum – bangun – bersalaman dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap sebagai tanda minta diri

(ii) ... rahsia sulit sesebuah organisasi akan terbongkar kepada pengetahuan umum atau pihak ketiga – kekuatan dan kelemahan sesebuah organisasi itu akan mudah dieksploitasi oleh seseorang bagi mencapai sesuatu tujuan peribadi – berlaku krisis dalaman antara pekerja atau antara majikan dengan pekerja yang pastinya menggugat keharmonian sesebuah organisasi

(iii) ... latar masyarakat dalam petikan cerpen: masyarakat kampung yang prihatin terhadap keselamatan anak buah
... latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen: masyarakat yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi

**2 Cerpen "Hipertensi"**

Sinopsis

gondol; Graviti; saintis; profesor; matang; menyindir; Matematik; dikurniakan; suka; melaporkan; berhalusinasi; kelapa; angkasa; dirotan; tindakan; angkasawan; aeroangkasa; imaginasi; remaja; penerokaan; berangan-angan; pertuturan; terapi; mendekatkan; kesilapannya; Ilahi

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- Tiga cara didikan ibu bapa:
  - didikan secara autokratik
  - didikan secara demokratik
  - didikan secara laissez-faire
- Kesan buruk ibu bapa terlalu garang dan tegas ketika mendidik anak-anak:
  - melepaskan perasaan kepada adik-adiknya seperti suka memukul, membuli, dan mencederakan mereka
  - anak-anak akan mencari sumber sokongan daripada orang lain
  - anak-anak yang tertekan akan berkecenderungan untuk menghidap penyakit kemurungan

Tema dan Persoalan

Tema: sains; membayangkan

Persoalan:

**1** Tanggungjawab
**2** guru
**3** menyelesaikan
**4** kesampaian
**5** Rasional

Watak dan Perwatakan

Aiman Aqil: pintar; memberontak; seimbang
Bapa Aiman: jurutera; Bengis
Ibu Aiman: geologi; patuh; bersabar; membantah

Binaan Plot

Pengenalan: lereng; pembangunan
Perkembangan: idea; kepintarannya
Perumitan: ponteng; menyakat; Matematik; ditegur; dirotan; lebam
Klimaks: angkasa lepas; menampar; gagap; insentif
Peleraian: imaginasi; ghaib; berpijak; realiti; Ilahi

Teknik Plot

Imbas muka – lulus; pertama
Dialog – Isaac Newton
Imbas kembali – Graviti; gugur
Monolog dalaman – hairan; lahir

Latar

Latar tempat: sekolah; Stesen
Latar masa: siang; zaman
Latar masyarakat: pelajaran; penyakit

Unsur Gaya Bahasa

Metafora; Sinkope

Nilai dan Pengajaran

Kasih sayang; Kebijaksanaan; Amanah; Bertanggungjawab; Bersimpati; Rasional

**Praktis SPM 2: Cerpen "Hipertensi"**

(i) ... Aiman bermaksud insan yang beriman – Aqil pula bermakna yang berakal – Aiman Aqil bermaksud insan dianugerahi akal untuk berfikir secara rasional dan matang

(ii) ... membuat pengesanan dan intervensi awal terhadap anak-anak mereka dengan memerhatikan perkembangan normal anak-anak mereka – membawa anak-anak mendapatkan pemeriksaan daripada doktor pakar sekiranya anak-anak mempunyai simptom Autisme

(iii) ... perwatakan dalam petikan cerpen: cepat marah, contohnya wajah Cikgu Faridah spontan berubah setelah dia mendengar jawapan sinis daripada Aiman
... perwatakan dalam keseluruhan cerpen: dedikasi terhadap tugasnya sebagai pendidik, contohnya, beliau gigih mengajarkan subjek Sains kepada murid-murid di kelas Aiman Aqil

**3 Cerpen "Gerhana Manusia"**

Sinopsis

kakitangannya; koma; media; diselamatkan; waris; tipis; pembaziran; ovari; kemalangan; leukemia; tokoh; elit; tekanan; mencukupi; tulen; emosi; minoriti; menghidupkan; pulih; pembunuh; termakan; menanggung; menghidap; tahfiz; berusaha; gagal; peletakan; menggapai; menderma

Tema dan Persoalan

Tema: ganjaran; pesakit

Persoalan:

**1** belas simpati
**2** Pengabaian
**3** melawan
**4** Kebijaksanaan
**5** tugas

Watak dan Perwatakan

Nusia: Jururawat; Akur
Doktor Murni: kemanusiaan; Berpendirian
Profesor Doktor Juaidi: Ketua; material

Binaan Plot

Pengenalan: koma; menyelamatkan
Perkembangan: tabung; mendermakan
Perumitan: diselamatkan; makmal; pujukan; menanggung
Klimaks: Profesor Doktor Juaidi; meningkatkan
Peleraian: nafasnya; tajaan; bank darah

Teknik Plot
Pemerian – Tuan Besar Musa; sokongan
Monolog dalaman – darah; hospital
Imbas muka – menyembuhkan
Saspens – juruteknik; menimbulkan

Latar
Latar tempat: Unit Rawatan Rapi
Latar masyarakat: berperikemanusiaan; perintah

Unsur Gaya Bahasa
Metafora; Personifikasi; Simile; Simpulan Bahasa

Nilai dan Pengajaran
Nilai: Kasih sayang; Bertanggungjawab
Pengajaran:
**1** darjat
**2** bersimpati
**3** melaksanakan
**4** berikhtiar
**5** kebenaran

**Praktis SPM 3: Cerpen "Gerhana Manusia"**

(i) ... mesin rakaman hayat tiada mencatatkan sebarang angka disebabkan tekanan darah Tuan Besar Musa meluncur turun – mesin rakaman hayat mencatatkan nilai sifar untuk kadar nadi Tuan Besar Musa

(ii) ... tidak wajar: melanggar etika perkhidmatan pegawai perubatan yang sepatutnya memberikan rawatan kesihatan kepada semua pesakit – pesakit-pesakit lain di hospital juga perlu diberikan hak untuk menerima rawatan sekali gus membolehkan mereka sembuh kembali

(iii) ... persoalan dalam petikan cerpen: persoalan pengabaian nilai kemanusiaan akibat ganjaran material, contohnya Profesor Doktor Juaidi bersungguh-sungguh memberikan rawatan kepada Tuan Besar Musa yang menjadi penyumbang dana elit hospitalnya.

... persoalan dalam keseluruhan cerpen: persoalan kebijaksanaan berikhtiar untuk menyelesaikan masalah, contohnya, Profesor Doktor Juaidi mengarahkan Doktor Murni menghubungi hospital lain untuk mendapatkan bekalan darah bagi mengisi tabung darah di bank darah di hospital mereka yang kehabisan

**4 Drama "Bukan Gila"**
Sinopsis
pesakit; berkhayal; mengusir; pertelingkahan; Melayu; luaran; Hospital Besar; berlatih; prorakyat; pelakon; reda; sasau; ketidakbenaran; menghantuk-hantukkan; berdarah; tertanggung; wad; enam; menasihati; perangsang; penderitaan; tertanggung; mengunjungi; rebah; penyakit; kejam

## AKTIVITI PAK-21: Rajah Idea Berkumpulan (*Team Word-Webbing*)

**Cadangan Jawapan**

- Peristiwa penting dalam drama "Bukan Gila"
  – Azmir setia terhadap Ani yang telah meninggalkannya setelah dia beranggapan bahawa Azmir gila.
  – Doktor Razi amat bertanggungjawab terhadap pesakitnya, iaitu mencari Azmir yang tidak pulang ke wad pesakit jiwa.
  – Azmir tabah melawan sakit barah otaknya walaupun dia hanya bersendirian.
  – Arif sanggup belajar dengan Azmir yang dikatakan gila kerana pandangan Azmir telah memberikannya kefahaman akan maksud "Sasau" dengan baiknya.
  – Arif prihatin terhadap nasib Azmir dan telah menasihati ibu Azmir agar segera melawat Azmir di wad pesakit jiwa sebelum terlambat.

Tema dan Persoalan
Tema: melawan
Persoalan:
**1** anak
**2** masyarakat
**3** Kebenaran
**4** kesejahteraan
**5** kekasihnya
**6** Kepentingan

Watak dan Perwatakan
Azmir: barah; gila-gila; universiti; Bercinta
Arif: Pengarah; besar
Doktor Razi: menghidap; baik
Ibu Azmir: mengurus; tinggal; gila-gila

Binaan Plot
Pengenalan: khayalan
Perkembangan: bertelingkah; bertengkar; mempertikaikan
Perumitan: mengagungkan; memicit
Klimaks: berguling-guling; menderita
Peleraian: perhatian; kenangan; bersalah

Teknik Plot
Imbas kembali; Dialog; Monolog dalaman

Latar
Latar tempat: Pentas
Latar masyarakat: setia; ibu bapa; bersendirian

Unsur Gaya Bahasa
Hiperbola; Repetisi

Nilai dan Pengajaran
**1** prihatin
**2** khianat
**3** kekecewaan
**4** sumbangan
**5** kasih sayang

**Praktis SPM 4: Drama "Bukan Gila"**

(i) ... bapa Azmir sangat sayangkannya – bapa Azmir mengatakan bahawa Azmir belum sihat dan masih memerlukan rawatan akibat masalah mentalnya – bapa Azmir mahu Azmir berehat dengan tenang di hospital sakit jiwa

(ii) ... meminta doktor membuat pemeriksaan dengan telitinya berhubung dengan dakwaan rakan anda itu – memohon kebenaran daripada pihak hospital untuk membawanya pulang ke rumah bagi bertukar angin – memanggil pakar kaunseling untuk mengenal pasti perkara yang sebenarnya

(iii) ... nilai murni dalam petikan: nilai kasih sayang, contohnya bapa Azmir menziarahi Azmir yang dirawat di wad pesakit jiwa

... nilai murni daripada keseluruhan drama: nilai bertanggungjawab, contohnya Doktor Razi yang bertanggungjawab merawatnya telah mencari Azmir dan membawa Azmir ke wad pesakit jiwa semula

## Pemahaman Prosa Tradisional

**Prosa Tradisional "Burung Terbang Dipipiskan Lada"**

Sinopsis
utusan; hulubalangnya; didengari; menghimpunkan; berperang; dilantik; menganiayainya; dipecat; Paduka Raja; berselisih faham; dikahwinkan; Bendahara; berbaik-baik; setara; panglima; menentang; perahu; melanggar; kelengkapan; takut; persalinan; diperlengkapkan; terbilang; panah; warak; muntah; Kematian; anugerah; mangkat; takhta

Tema dan Persoalan
Tema: Kebijaksanaan
Persoalan:
**1** cabaran
**2** pembesar
**3** ilmu
**4** strategi
**5** bersiap

Watak dan Perwatakan
Sultan Muzaffar Syah: terburu-buru; menghargai
Sultan Mansur Syah (Raja Abdullah): kemangkatan; sultan
Seri Nara Diraja: Bendahara; Tun Kudu

Binaan Plot
Pengenalan: surat; Awi Cakri; dikalahkan
Perkembangan: menetap; aniaya
Perumitan: sefahaman; perbalahan; menyatupadukan
Klimaks: kayu bakau; menyerang; mati
Peleraian: gelaran

Teknik Plot
Pemerian – berpihak
Imbas kembali – azimat
Monolog dalaman – penjelasan
Dialog – Dialog

Latar
Latar masa: Kesultanan
Latar masyarakat: ilmu; isteri

Nilai dan Pengajaran
Kebijaksanaan; Keikhlasan; Rasional; Rela berkorban

## PRAKTIS BERFORMAT SPM
### KERTAS 2: Soalan 2(*c*)
**Praktis SPM: Prosa Tradisional "Burung Terbang Dipipiskan Lada"**

(i) ... maksud: tiada terkira banyaknya/sangat ramai

(ii) ... Paduka Bubunnya menyuruh hulubalangnya ke Melaka untuk meminta surat sembah/surat taat setia – Raja Benua Siam menyuruh rakyatnya bersiap sedia untuk menyerang Melaka – Raja Benua Siam menitahkan panglimanya, Awi Cakri untuk mengetuai tentera Siam bagi menyerang Melaka

(iii) ... Kesultanan Melayu Melaka telah mempunyai hulubalang dan panglima yang handal dan berani – ingin membuktikan bahawa Kesultanan Melayu Melaka juga mempunyai hak dan keistimewaan wilayah – Kesultanan Melayu Melaka mempunyai keturunan diraja yang berdaulat dan harus dihormati oleh negara dan bangsa lain

**Pemahaman Puisi (Puisi Tradisional dan Sajak)**

**1 Gurindam "Beberapa Petua Hidup"**

Maksud
Rangkap 9: sahabat
Rangkap 10: pekerti
Rangkap 12: budiman
Rangkap 13: menawan
Rangkap 14: pertolongan
Rangkap 15: disanjung

Tema dan Persoalan
Persoalan:
**1** Kebijaksanaan
**2** tindakan
**3** berbudi

Bentuk
Bilangan rangkap: 18
Bilangan baris: 2
Bilangan patah kata: 6
Bilangan suku kata: 9
Rima akhir: aa

Unsur Bunyi dan Gaya Bahasa
Simile; Hiperbola; Metafora; Personifikasi

Nilai dan Pengajaran
**1** ikhlas
**3** lurus
**5** menjaga
**6** berpada-pada

## PRAKTIS BERFORMAT SPM
### KERTAS 2: Soalan 2(*d*)
**Praktis SPM 1: Gurindam "Beberapa Petua Hidup"**

(i) ... maksud: ilmu pengetahuan dan kemahiran dapat dituntut selagi rajin menuntut ilmu

(ii) ... supaya ilmu/kemahiran yang kita terokai itu berjaya diperoleh/ benar-benar tercapai/impian menjadi kenyataan – agar tidak terputus/terhenti di pertengahan jalan – untuk mengelakkan berlakunya pembaziran masa, tenaga, dan wang ringgit yang telah dihabiskan sewaktu proses menimba ilmu/kemahiran

(iii) ... nilai kebijaksanaan, contohnya bijak semasa memilih sahabat di dunia ini – nilai kerajinan, contohnya rajin semasa menuntut ilmu

**2 Seloka "Berbuat Istana Zaman Dahulu"**

Maksud
Rangkap 1: istana; pembesar; mahir
Rangkap 2: masa; sembilan
Rangkap 3: ruang; unik; menyembah
Rangkap 4: bermotifkan; ukirannya
Rangkap 5: dibunuh; kehalusan; dipersembahkan

Tema dan Persoalan
Tema: Sindiran; mengorbankan
Persoalan:
**1** Kegigihan
**2** menjunjung
**3** masyarakat
**4** seni ukiran

Bentuk
Bilangan rangkap: 5
Bilangan baris: 8
Bilangan patah kata: 2; 6
Bilangan suku kata: 17
Rima akhir: Rangkap 1: abbbcd; Rangkap 4: abcddefd

Unsur Bunyi dan Gaya Bahasa
Asonansi; Personifikasi; Anafora

Nilai dan Pengajaran
Kesetiaan; keharmonian; Kegigihan; kerjasama; Kerajinan; membuahkan

**Praktis SPM 2: Seloka "Berbuat Istana Zaman Dahulu"**

(i) ... maksud: sebaik-baik sahaja istana itu siap dibina, tukang/ jurubina yang ditugaskan untuk membina istana itu telah dibunuh agar tiada seorang pun tukang/jurubina yang lain dapat meniru kehebatannya menghasilkan seni ukiran dan corak tersebut

(ii) ... agar istana yang terbina itu elok buatannya – agar istana yang terbina itu menjadi lambang keunggulan seni bina di negeri itu – untuk menunjukkan kehebatan dan kemewahan tempat raja bersemayam

(iii) ... metafora: *anjung tinggi* – personifikasi*: tiang tengah menanti* – repetisi: ***empat*** *puluh* ***empat*** *tukang dan utas*

**3 Sajak "Sejadah Rindu"**

Maksud
Rangkap 1: sejadah; kalimah
Rangkap 2: memohon; meninggal
Rangkap 3: bersujud; taubat
Rangkap 4: tersentuh
Rangkap 5: dunia

Tema dan Persoalan
Tema: ketaatan
Persoalan:
**1** dosa
**2** Pengharapan
**3** keampunan
**4** menitiskan
**5** Pencipta

Bentuk
Bilangan rangkap: 5
Bilangan baris: 6
Bilangan patah kata: 1; 6
Bilangan suku kata: 3

Unsur Bunyi dan Gaya Bahasa
Aliterasi; Asonansi; Inversi; Personifikasi; Metafora

Nilai dan Pengajaran
**1** berputus asa
**2** keikhlasan
**3** insaf
**4** taat

**Praktis SPM 3: Sajak "Sejadah Rindu"**

(i) ... maksud: keampunan yang dipinta oleh penyajak dengan sepenuh/setulus hati

(ii) ... menghindari perbuatan yang berdosa – sentiasa memohon keampunan daripada Tuhan/Pencipta – berbuat baik kepada ibu bapa, saudara-mara, sahabat, dan jiran

(iii) ... persoalan keinsafan atas segala dosa lalu yang menghantui hidup, contohnya, penyajak bersujud untuk melafazkan taubat dan memohon keampunan daripada Pencipta/Tuhan – persoalan keikhlasan semasa memohon keampunan daripada Pencipta/Tuhan, contohnya penyajak memohon keampunan daripada Pencipta/Tuhan dengan bersaksikan air mata keinsafan

**4. Sajak "Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus"**

Maksud
Rangkap 1: menimba; menara
Rangkap 2: melepaskan; cabaran
Rangkap 3: dugaan; ego
Rangkap 4: pandai; pulang

Tema dan Persoalan
Tema: pelajaran
Persoalan:
**1** Perbezaan
**2** menikmati
**3** gadisnya
**4** kampus
**5** Keegoan

Bentuk
Bilangan rangkap: 4
Bilangan baris: 5

Bilangan patah kata: 6
Bilangan suku kata: 5
Rima akhir: Rangkap 1: aabcaade; Rangkap 2: abcdef

Unsur Bunyi dan Gaya Bahasa
Hiperbola; Personifikasi; Metafora

Nilai dan Pengajaran
Kecekalan; matlamat; perhatian; Keberanian; baik hati; Keprihatinan; terpengaruh

**Praktis SPM 4: Sajak "Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus"**
(i) ... maksud: penyajak menasihati anak gadisnya agar pandai membawa diri dalam mengharungi kehidupan baharu yang dipenuhi dengan berbagai-bagai halangan
(ii) ... supaya anak gadisnya boleh hidup berdikari tanpa perlu bergantung hidup kepada keluarga – kerana anak gadisnya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke universiti demi masa hadapannya – kerana penyajak yakin anak gadisnya mampu menjaga diri dengan baiknya
(iii) ... kita hendaklah bersikap baik hati dan bertanggungjawab terhadap anggota keluarga – kita haruslah cekal menghadapi segala cabaran untuk mencapai matlamat dan cita-cita

**5 Sajak "Erti Hidup Bererti"**
Maksud
Rangkap 1: sepi; berubah
Rangkap 2: bayangan; tersemai; dilupakan; keseorangan
Rangkap 3: berdoa; terubat; Tuhan

Tema dan Persoalan
Tema: warga tua
Persoalan:
**1** Harapan; sayang
**2** kekal
**3** dipedulikan
**4** keinsafan
**5** menolak; menjaga

Bentuk
Bilangan rangkap: 3
Bilangan baris: 7; 11
Bilangan patah kata: 6
Bilangan suku kata: 4
Skema rima akhir: bebas

Unsur Bunyi dan Gaya Bahasa
Asonansi; Metafora; Personifikasi

Nilai dan Pengajaran
Keinsafan; Ketabahan; Bertanggungjawab; Kasih sayang

**Praktis SPM 5: Sajak "Erti Hidup Bererti"**
(i) ... penyajak berasa kesunyian kerana malam yang dilaluinya begitu sepi – penyajak berasa sedih kerana keadaan yang dilaluinya tetap tidak berubah pada keesokan harinya kerana tiada sesiapa yang datang menziarahinya yang sudah tua
(ii) ... terlalu sibuk dengan kerjaya/mengejar kebendaan – tinggal berjauhan dengan ibu bapa – kurang dididik dengan kasih sayang sejak awal – kurang diberikan kesedaran dari aspek keagamaan tentang tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa
(iii) ... nilai keinsafan, contohnya penyajak sedar dan insaf bahawa yang kekal hanyalah Tuhan – nilai kasih sayang, contohnya kasih sayang penyajak terhadap anaknya tetap utuh sama ada anaknya itu bersifat taat atau derhaka

**6 Sajak "Kudup Perang"**
Maksud
Rangkap 1: perang; dendam
Rangkap 2: membunuh
Rangkap 3: kesetiaan; saksama
Rangkap 4: Jebat; mempertahankan
Rangkap 5: damai
Rangkap 6: bertengkar

Tema dan Persoalan
Tema: menerajui
Persoalan:
**1** perasaan
**2** keadilan
**3** kesengsaraan
**4** pengkhianat
**5** Kekeliruan

Bentuk
Bilangan rangkap: 6
Bilangan baris: 4
Bilangan patah kata: 6
Bilangan suku kata: 4

Unsur Bunyi dan Gaya Bahasa
Simile, Hiperbola; Metafora; Personifikasi; Inversi; Asonansi; Aliterasi

Nilai dan Pengajaran
Nilai: Keberanian; Keadilan; Keinsafan; Kegigihan
Pengajaran:
**1** sahih; tersilap
**2** kezaliman
**3** peperangan
**4** membina; bermakna

**Praktis SPM 6: Sajak "Kudup Perang"**
(i) ... maksud: sesuatu konflik yang berlaku biasanya penuh dengan berita palsu dan dakyah
(ii) ... dapat mengekalkan keharmonian negara serta kemakmuran rakyat – akan menyebabkan kehidupan rakyat lebih aman – akan memastikan pertumbuhan ekonomi negara berkembang dengan pesatnya
(iii) ... tema: kepentingan kewibawaan seseorang pemimpin dalam menerajui sesebuah organisasi
... persoalan: keadilan dan kesaksamaan selalu digugat oleh pendustaan

## FOKUS KBAT

**Fokus KBAT 1: Pemahaman KOMSAS (Prosa Moden)**
(i) ... seorang yang berbudi bahasa, contohnya beliau memberikan salam dan meminta maaf kerana mengganggu Azmir, Arif, dan para pelakon – beliau bersifat baik hati, contohnya beliau mahu membubuh ubat pada kepala Azmir yang luka – pandai memujuk, contohnya beliau memujuk Azmir supaya balik berehat
(ii) ... mendengar luahan perasaan mereka – menasihati mereka dengan memberikan kata-kata semangat –mengajak mereka menunaikan suruhan agama – membawa mereka mengembara ke tempat-tempat peranginan yang tenang dan indah panoramanya – selalu berada di sisi mereka bagi mengelakkan mereka berasa sunyi ketika bersendirian

**Fokus KBAT 2: Pemahaman KOMSAS (Prosa Tradisional)**
(i) ... memerintahkan Cau Pandan diberikan kelengkapan – diberikan Cau Pandan dengan Pra Kelong delapan ratus sum – disediakan Cau Pandan dengan perahu-perahu kecil yang tidak terbilang banyaknya
(ii) ... menggugat keamanan dunia sejagat – menyebabkan kemusnahan harta benda – anak-anak kehilangan ibu bapa dan menjadi yatim piatu – masyarakat sentiasa hidup dalam ketakutan – mengganggu emosi dan psikologi – mewujudkan kesangsian antara sesebuah negara dengan negara lain

**Fokus KBAT 3: Pemahaman KOMSAS (Puisi Tradisional)**
(i) ... nilai kerjasama – nilai kegigihan – nilai keikhlasan – nilai baik hati – nilai ketaatan
(ii) ... semangat kejiranan perlulah digerakkan secara aktif agar dapat menjalinkan persaudaraan dan melahirkan masyarakat yang prihatin – meminta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) mengadakan perjumpaan antara masyarakat setempat secara kerap supaya setiap ahli komuniti dapat mengenali lebih rapat sekali gus memudahkan amalan tersebut – masyarakat perlu mempunyai kesedaran untuk berubah supaya sebuah komuniti yang subur dengan amalan tolong-menolong dapat diwujudkan
(iii) Tepian belukar terbang si kunang,
Bersarang dekat pohon meranti;
Kerja yang sukar menjadi senang,
Amalan muafakat sebati di hati.

**Fokus KBAT 4: Pemahaman KOMSAS (Sajak)**
(i) ... personifikasi, contohnya *air mata menjadi saksi* – metafora, contohnya *sejadah rindu* – bahasa arab, contohnya *kalimah* – inversi , contohnya *terkedu aku*
(ii) ... taat mendirikan solat kerana solat mencegah perbuatan mungkar – berkawan dengan rakan-rakan yang baik – sentiasa mendampingi kaunselor untuk mendapatkan nasihat – banyak menghabiskan masa di perpustakaan dengan membaca buku dan mengulang kaji pelajaran – sentiasa fokus pada matlamat sebenarnya datang ke universiti

## TOPIK 5: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

### Praktis Berformat SPM 1

**KERTAS 2: Soalan 3(*a*)**

**Praktis SPM 1**

(i) [kemik: lekuk; kepik] Pekerja syarikat pembersihan itu sedang mengutip tong kemik yang bertaburan di atas jalan raya selepas kemalangan tadi.

(ii) [kempis: pipih kerana kurang atau tiada lagi isinya, tidak melembung] Meskipun tayar motosikalnya kempis kerana kekurangan angin, pemuda itu terus menunggangnya tanpa memikirkan bahaya yang bakal dihadapinya.

(iii) [kering: tidak berair] Kemarau ialah bencana alam yang berpunca daripada cuaca panas dan kurangnya hujan yang menyebabkan tanah kering dan tumbuh-tumbuhan banyak yang mati.

(iv) [gering: tidak sihat, sakit, uzur] Baginda sudah dihadap oleh para pembesar dan rakyat setelah pulih daripada gering.

(v) [takdir: apa-apa yang sudah terlebih dahulu ditentukan oleh Tuhan] Untuk memperoleh kesenangan, kita tidak boleh berserah kepada takdir semata-mata, sebaliknya kita hendaklah berusaha dengan lebih keras.

(vi) [tadbir: urusan mengelola atau menjalankan sesuatu pejabat, tugas mengurus sesuatu, pemerintahan] Cabaran besar ke arah mencapai tadbir urus yang baik adalah membanteras gejala rasuah yang tiada titik noktahnya.

**Praktis SPM 2**

(i) [riuh-rendah: riuh gemuruh, sangat riuh] Ketika hari hampir senja, kedengaran riuh-rendah suara monyet dan ungka dari arah puncak bukit di hujung kampung kami.

(ii) [lalu-lalang: ke sana ke mari] Pengemis tua yang sudah uzur dan berpakaian lusuh itu memohon simpati daripada orang ramai yang lalu-lalang di hadapannya.

(iii) [calar-balar: banyak garis yang tidak keruan, penuh dengan calar] Badannya calar-balar dikait onak dan duri ketika dia merotan bersama-sama dengan bapanya dalam hutan tebal tanah simpanan itu.

(iv) [selok-belok: hal-hal yang berkaitan dengan sesuatu yang lain] "Jika kita ingin berjaya dalam sesuatu bidang, kita hendaklah tahu akan selok-belok pekerjaan yang bakal diceburi itu," nasihat ayah kepada kami.

(v) [berpura-pura: berbuat sesuatu seolah-olah] Masni dan Saerah berpura-pura gembira dengan kepulangan adik tiri mereka dari luar negara semata-mata untuk mengambil hatinya.

(vi) [berkira-kira: bercadang, berniat] Murid-murid Kelas Tingkatan Lima Alaf Baharu itu berkira-kira hendak menziarahi guru Bahasa Melayu mereka di Hospital Kubang Kerian.

**Praktis SPM 3**

(i) [bentuk: penjodoh bilangan untuk barang yang melengkung] Pak Cik Kassim memancing udang itu dengan menggunakan dua bentuk mata kail yang sangat halus.

(ii) [gugus: benda yang sama jenisnya yang dikumpulkan dalam satu ikatan] Amzar menyerahkan segugus kunci yang dijumpainya di padang sekolah kepada guru disiplin.

(iii) [sikat: tangkai atau gugusan pisang sebagai sebahagian daripada tandan] Penjual buah-buahan itu menggantung beberapa sikat pisang di hadapan kedainya untuk menarik perhatian pelanggan.

(iv) [potong: penjodoh bilangan untuk benda-benda yang berketul dan padu] Nurhafizah bersarapan pagi dengan dua potong kuih lapis sebagai alas perut sebelum ke sekolah.

(v) [tangkai: penjodoh bilangan untuk bunga] Abang menghadiahi isterinya sepuluh tangkai bunga mawar bersempena dengan ulang tahun perkahwinan mereka yang ke-10.

(vi) [utas: penjodoh bilangan untuk benda yang berangkaian] Pak Abu membeli tiga utas tali untuk menambat lembu-lembu peliharaannya di bawah pokok di tepi bendang.

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- Definisi penjodoh bilangan:
  - penjodoh bilangan ialah kata yang digunakan bersama-sama dengan kata bilangan untuk membilang kata nama konkrit (bukan abstrak) seperti orang, haiwan, benda, tempat, dan sebagainya
- Contoh penjodoh bilangan yang lazimnya digunakan:
  - bentuk, cucuk, ekor, gugus, ikat, sisir, dan utas
- Kesalahan dalam penggunaan penjodoh bilangan:
  - digunakan untuk menghitung kata nama abstrak, contohnya beberapa buah cara
  - digunakan bersama-sama dengan kata bilangan, contohnya sekalian orang gadis

**Praktis SPM 4**

(i) [pencemaran bahasa: penggunaan bahasa yang tidak betul] Masyarakat tidak wajar memandang ringan akan pencemaran bahasa yang berlaku dalam pelbagai bidang di Malaysia.

(ii) [dilanda krisis keyakinan: dikuasai konflik keyakinan] Kita hendaklah membantu generasi muda agar tidak mudah dihanyutkan oleh pengaruh asing dan dilanda krisis.

(iii) [pencorak minda: orang yang mencorakkan akal fikiran] Golongan cendekiawan perlu memikul tanggungjawab sebagai pencorak minda masyarakat.

(iv) [mencipta alasan: mewujudkan sebab] Seseorang itu dapat mencipta alasan untuk menutup kesalahan sendiri tetapi kebenaran akhirnya akan terserlah jua.

(v) [mencalarkan imej: merosakkan keperibadian atau watak seseorang] Tindakan kakitangan jabatan itu bukan sahaja mencalarkan imej dirinya, bahkan keseluruhan organisasi yang dianggotainya.

(vi) [menyambar peluang: mengambil kesempatan tanpa teragak-agak] Lepasan Institusi Pengajian Tinggi yang tidak pandai menyambar peluang yang terhidang di hadapan mata akan ketinggalan.

**Praktis SPM 5**

(i) [bijak: pintar] Datuk Maharajalela cekap bermain keras dan bijak menyusun strategi perang.

(ii) [pantas: dapat berbuat sesuatu dengan mahir; cekap] Hasmadi lebih pantas bekerja berbanding dengan rakan-rakan sejawatnya yang lain.

(iii) [handal: pandai dan bijak dalam Permainan] Pemain lelaki perseorangan negara yang handal itu telah beberapa kali menjuarai Kejohanan Terbuka Badminton Malaysia.

(iv) [tangkas: cepat gerak-gerinya] Singa mendapat julukan raja rimba kerana dikatakan haiwan yang paling tangkas di hutan.

(v) [lincah: cergas, giat, tangkas] Mata para penonton terpaku melihat aksi lincah atlet yang sedang bermain gelung getah itu.

(vi) [deras: cepat atau laju sekali] Kebanyakan air sungai yang dahulunya mengalir deras kini dipenuhi sampah sarap.

**Praktis SPM 6**

(i)
- [ambil: memegang sesuatu lalu membawa atau mengangkatnya] "Jangan lupa ambil barangan kamu sebelum pulang," kata penyelia asrama kepada Syafiq.
- [ambil alih: menggantikan orang atau pihak lain mengendalikan sesuatu] Saya akan ambil alih pucuk pimpinan syarikat gergasi pengeluar telefon pintar tersebut," kata usahawan terkenal itu kepada sekumpulan pemberita.

(ii)
- [soal: masalah] Dia tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran kerana asyik memikirkan soal kewangan keluarganya.
- [soal selidik: soalan yang dikemukakan secara berterusan dalam borang tertentu] Murid itu sedang menjalankan soal selidik tentang punca-punca kesesakan jalan raya yang teruk di ibu kota.

(iii)
- [hak: kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu] Orang ramai perlu menggunakan hak mereka sebagai pengguna untuk mendapatkan ganti rugi barangan yang berkualiti rendah atau perkhidmatan yang tidak memuaskan.
- [hak milik: kekuasaan untuk memiliki sesuatu] Hak milik tanah di hujung kampung itu telah dipindahkan kepada Encik Rizduan.

### PRAKTIS BERFORMAT SPM 2

**KERTAS 2: Soalan 3(*b*)**

**Praktis SPM 1**

(i) Amat sukar dilihat dengan mata kasar Gerhana Bulan Penumbra.

(ii) Sangat diperlukan oleh negara usahawan yang aktif dalam industri perkayuan.

(iii) Berfungsi sebagai zon penampan banjir kebanyakan hutan paya gambut.

**Praktis SPM 2**

Zami menyatakan bahawa semakin banyak orang yang suka makan di luar. Bagi Mira, hal itu sudah lazim bagi sesetengah keluarga berbuat begitu. Zami berpendapat bahawa golongan yang suka makan di luar ini hendaklah memilih premis jualan makanan yang sesuai. Mira ingin tahu akan maksud Zami berkata demikian. Jelas Zami, penggemar makan di luar perlu memilih premis yang terjamin kebersihannya, manakala premis itu perlu disahkan oleh pihak berkuasa kesihatan sebagai bersih dan selamat.

**Praktis SPM 3**
(i) (a) Urus niaga dalam talian mudah dilaksanakan.
(b) Urus niaga dalam talian menjimatkan masa.
(ii) (a) Kakitangan institusi perbankan diberikan amaran keras.
(b) Kakitangan institusi perbankan tidak mendedahkan maklumat pelanggan kepada mana-mana pihak.
(iii) (a) Negara ini wajar menghentikan pengambilan tenaga kerja asing.
(b) Negara ini wajar mengutamakan anak tempatan.

**Praktis SPM 4**
(i) Rakyat berkewajipan mengurus kekayaan negara agar/supaya sumber kekayaan itu dapat digunakan untuk meningkatkan kemajuan negara.
(ii) Penganjuran pertandingan reka cipta ini dapat melahirkan jurutera dalam bidang robotik yang mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.
(iii) Tanah terbiar berpunca daripada keengganan pewaris untuk mengusahakannya kerana mereka lebih suka bekerja makan gaji di bandar-bandar besar.

**Praktis SPM 5**
(i) Pada umumnya manusia terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan komited dan golongan beralasan apabila berhadapan dengan sesuatu tanggungjawab.
(ii) Amalan meminta-minta untuk memenuhi keperluan tidak wajar dilakukan oleh seseorang melainkan dalam keadaan terpaksa dan tiada jalan keluar.
(iii) Proses saringan kesihatan terhadap pekerja asing yang memasuki negara ini tidak sepatutnya dilakukan dengan sambalewa sahaja.

**Praktis SPM 6**
(i) FN + FK
(ii) FN + FA
(iii) FN + FN
(iv) FN + FS
(v) FN + FK
(vi) FN + FA

## PRAKTIS BERFORMAT SPM 3
**KERTAS 2: Soalan 3(*c*)**
**Praktis SPM 1**
(i) Kesalahan ejaan: mediasosial – media sosial
Kesalahan dari segi imbuhan: pelakuannya – perlakuannya
(ii) Kesalahan ejaan: derastik – drastik
Kesalahan dari segi imbuhan: mendepankan – mendepani
(iii) Kesalahan ejaan: anti-kanser – antikanser
Kesalahan dari segi imbuhan: pemakanan – makanan

**Praktis SPM 2**
(i) Kesalahan ejaan: sendiket – sindiket
Kesalahan dari segi imbuhan: penggedaran – pengedaran
(ii) Kesalahan ejaan: Sebahgian – Sebahagian
Kesalahan dari segi imbuhan: mengendah – mengendahkan
(iii) Kesalahan ejaan: Risko – Risiko
Kesalahan dari segi imbuhan: memandang – dipandang

**Praktis SPM 3**
(i) Kesalahan ejaan: displin – disiplin
Kesalahan dari segi imbuhan: menangani – ditangani
(ii) Kesalahan ejaan: Produks – Produk
Kesalahan dari segi imbuhan: pehatian – perhatian
(iii) Kesalahan ejaan: tolerensi – toleransi
Kesalahan dari segi imbuhan: sekeluarga – kekeluargaan

**Praktis SPM 4**
(i) Kesalahan ejaan: ketangan – ke tangan
Kesalahan dari segi imbuhan: bersembunyi – menyembunyikan
(ii) Kesalahan ejaan: Litupan – Letupan
Kesalahan dari segi imbuhan: mengegarkan – menggegarkan
(iii) Kesalahan ejaan: gulungan – golongan
Kesalahan dari segi imbuhan: melanggari – melanggarkan

## Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)
**Tip menguasai kesalahan dari segi ejaan dan imbuhan:**
– menguasai pola keselarasan huruf vokal, kekecualian keselarasan huruf vokal, kata pinjaman bahasa asing, dan sistem ejaan lama dengan sistem ejaan baharu
– memahami bentuk sesuatu kata apabila disertai awalan rangkap, akhiran, dan apitan, tugas setiap kata berimbuhan, serta makna setiap kata berimbuhan

**Sebab murid terpengaruh oleh sebutan yang salah atau sudah terbiasa:**
– tidak menguasai hukum tatabahasa yang betul
– terikut-ikut oleh bahasa rojak

**Praktis SPM 5**
(i) Kesalahan ejaan: ekport – eksport
Kesalahan dari segi imbuhan: pendorong – mendorong
(ii) Kesalahan ejaan: kelumpuk – kelompok
Kesalahan dari segi imbuhan: mengadaikan – menggadaikan
(iii) Kesalahan ejaan: kesemasa – ke semasa
Kesalahan dari segi imbuhan: penambahbaik – penambahbaikan

**Praktis SPM 6**
Kesalahan ejaan:
(i) napkah – nafkah
(ii) instituisi – institusi
(iii) di ambil – diambil

Kesalahan dari segi imbuhan:
(i) terjejaki – menjejaki
(ii) melahir – melahirkan
(iii) bernilai – ternilai

**Praktis SPM 7**
Kesalahan ejaan:
(i) kusus – khusus
(ii) kajiselidik – kaji selidik
(iii) spesefik – spesifik

Kesalahan dari segi imbuhan:
(i) menurun – menurunkan
(ii) pengutamaan – keutamaan
(iii) sebarangan – sebarang

**Praktis SPM 8**
Kesalahan ejaan:
(i) kometed – komited
(ii) antara bangsa – antarabangsa
(iii) nokilan – nukilan

Kesalahan dari segi imbuhan:
(i) berlindung – perlindungan
(ii) memperkukuhkan – memperkukuh
(iii) kaitan – berkaitan

**PRAKTIS BERFORMAT SPM 4**
**KERTAS 2 Soalan 3(*d*)**
**Praktis SPM 1**
(i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: dilanggar – diceroboh
Kesalahan tatabahasa: atau – dan
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: berkedudukan mulia – berpekerti mulia
Kesalahan tatabahasa: di dalam – dalam
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: pembelian cemas – pembelian panik
Kesalahan tatabahasa: para peniaga-peniaga – para peniaga/ peniaga-peniaga

**Praktis SPM 2**
(i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: menyambut – menerima
Kesalahan tatabahasa: dari – daripada
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: dikhuatiri – disyaki
Kesalahan tatabahasa: demi untuk – demi
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: Longgokan – Lambakan
Kesalahan tatabahasa: Oleh kerana itu – Oleh sebab itu

**Praktis SPM 3**
(i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: Petani – Peneroka
Kesalahan tatabahasa: pada – kepada
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: bahasa ibunda – bahasa rasmi
Kesalahan tatabahasa: semua bidang-bidang – semua bidang
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: memikul – menyara
Kesalahan tatabahasa: selain daripada – selain

**Praktis SPM 4**
Kesalahan penggunaan kata atau istilah:
(i) lekang – reda
(ii) sengit – genting
(iii) penyembuhan – perubatan

Kesalahan tatabahasa:
(i) sebagai – seperti
(ii) Dengan itu – Selain itu
(iii) kepada – pada

**Praktis SPM 5**
Kesalahan penggunaan kata atau istilah:
(i) merintangi – merentasi
(ii) modal operasi – modus operandi
(iii) dicirikan – diklasifikasikan

Kesalahan tatabahasa:
(i) seperti – sebagai
(ii) ke – di
(iii) walaupun – tetapi

**Praktis SPM 6**
Kesalahan penggunaan kata atau istilah:
(i) pembiakan – penularan
(ii) kuno – kolot
(iii) tertekan – terhimpit

Kesalahan tatabahasa:
(i) jika sekiranya – jika/sekiranya
(ii) setengah – sesetengah
(iii) mereka masuki – dimasuki oleh mereka

## PRAKTIS BERFORMAT SPM 5
**KERTAS 2: Soalan 3(*e*)**
**Praktis SPM 1**
(i) Memberi nasihat kepada orang tetapi tidak berkesan
(ii) Kesilapan yang tidak boleh dibetulkan lagi
(iii) Pekerjaan itu walaupun dikerjakannya secara-cara berdikit-dikit akhirnya selesai juga

**Praktis SPM 2**
(i) Orang yang bijaksana tidak membiarkan masa berlalu begitu sahaja kerana mereka menyedari bahawa masa itu emas.
(ii) Seseorang yang dianggap tidak pintar dalam sesuatu hal tetapi andainya dia tekun mempelajarinya akan beroleh kejayaan kerana belakang parang sekalipun jika diasah nescaya akan tajam juga.
(iii) Tidak wajar sama sekali kita mengambil keputusan berkerat rotan, berpatah arang dengan sesiapa sahaja disebabkan oleh hal yang remeh-temeh.

**Praktis SPM 3**
(i) bumi mana yang tidak ditimpa hujan
(ii) buang yang keruh, ambil yang jernih
(iii) memulangkan paku buah keras

**Praktis SPM 4**
(i) Kita hendaklah berwaspada apabila berhadapan dengan orang yang kelihatan tenang dan tidak mengganggu orang kerana sesekali disakiti dia akan menunjukkan belangnya juga. Hal ini bersesuaian dengan saranan peribahasa air tenang jangan disangka tiada buaya.
(ii) Harapan Hasni untuk mendapatkan pinjaman perumahan itu tidak ubahnya seperti ke langit tak sampai, ke bumi tak terjejak apabila pihak bank tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap permohonannya.
(iii) Apabila seseorang itu berada di tempat orang, maka ia hendaklah pandai membawa diri agar tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan kebiasaan masyarakat setempat. Kata orang, masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

**Praktis SPM 5**
(i) Rumah sudah, pahat berbunyi
(ii) Orang mengantuk disorongkan bantal
(iii) Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan lurus

**Praktis SPM 6**
(i) Seperti durian menunjukkan pangsa
(ii) Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
(iii) Seperti burung di dalam sangkar, mata lepas badan terkurung

## PRAKTIS SUMATIF SPM
**KERTAS 2: Soalan 3(*a*), 3(*b*), 3(*c*), 3(*d*), & 3(*e*)**
**Praktis SPM 1**
(*a*) (i) [rapat: erat, karib, kuat, teguh] Emilia dan Rosnani berkawan rapat sejak mereka bersekolah di daerah Raub, Pahang.
(ii) [rapat-rapat: dengan seberapa rapat yang boleh, dengan betul-betul rapat] "Tutup tingkap bilik rapat-rapat apabila tiba waktu senja," pesan nenek kepada kami.
(iii) [mula: pertama kali] Beliau mula menceburi bidang perniagaan kerepek selepas bersara daripada perkhidmatan angkatan tentera.
(iv) [mula-mula: dahulu sekali, pada awalnya] Mula-mula dia berasa kekok untuk berbahasa Inggeris di tempat kerjanya, namun lama-kelamaan perkara itu sudah tidak asing lagi bagi dirinya.
(v) [tiba: sampai di sesuatu tempat] Penerbangan pertama jemaah haji Malaysia dari Jeddah tiba di tanah air pada pukul 4.45 petang pada 29 Ogos yang lalu.
(vi) [tiba-tiba: dengan tidak disangka-sangka, dengan mendadak] Secara tiba-tiba, kereta yang rosak itu meluncur laju lalu menjunam ke dalam parit yang agak dalam.

(*b*) (i) Ayat penyata
(ii) Ayat perintah
(iii) Ayat tanya
(iv) Ayat seruan
(v) Ayat penyata
(vi) Ayat perintah

(*c*) (i) Kesalahan ejaan: papanlitar – papan litar
Kesalahan dari segi imbuhan: digunakan – menggunakan
(ii) Kesalahan ejaan: ke 21 – ke-21
Kesalahan dari segi imbuhan: penghidupan – kehidupan
(iii) Kesalahan ejaan: promusi – promosi
Kesalahan dari segi imbuhan: bernasihat – dinasihati

(*d*) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: Rakan seumur – Rakan sebaya
Kesalahan tatabahasa: walhal – kerana
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: muhasabah diri – sahsiah diri
Kesalahan tatabahasa: mereka-mereka – mereka
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: mencorak langkah – mengorak langkah
Kesalahan tatabahasa: dengan – yang

(*e*) (i) Kuah sama dihirup, sambal sama dicolek
(ii) Seperti belut pulang ke lumpur
(iii) Habis manis, sepah dibuang

**Praktis SPM 2**
(*a*) (i) [terbentang: kelihatan terbuka luas-luas, terhampar] Pemandangan di Kampung Rhu Muda itu memang menarik kerana dihiasi sawah padi yang terbentang dan bukit yang menghijau.
(ii) [membentangkan: membuka sesuatu daripada gulungan atau lipatan luas-luas] Ibu membentangkan sebidang tikar mengkuang sebagai alas duduk ketika kami sekeluarga berkelah di tepi pantai semalam.
(iii) [terjajah: dalam keadaan ditakluk atau dikuasai] Sekalipun negara kita sudah lama merdeka, tetapi sebahagian besar rakyat masih terjajah pemikiran mereka.
(iv) [penjajahan: perbuatan menakluk dan memerintah sesebuah negeri atau daerah lain] Rakyat benar-benar sengsara dan hidup dalam ketakutan sepanjang penjajahan Jepun di Tanah Melayu.
(v) [beramah: bergaul atau bercakap-cakap dengan ramahnya] Penyambut tetamu syarikat telekomunikasi itu menunjukkan muka yang manis ketika beramah dengan beberapa orang pelanggan.
(vi) [keramahan: keadaan atau sifat ramah] Keramahan masyarakat majmuk negara ini menjadi daya penarik pelancong asing untuk memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka.

(*b*) (i) Pelbagai bidang pengajian yang relevan dengan keperluan industri ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan.
(ii) Lampu isyarat merah sengaja dilanggar oleh sesetengah penunggang motosikal yang tidak berhemah di jalan raya.
(iii) Orang lain pula yang disalahkan oleh pemuda itu berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukannya.

(*c*) (i) Kesalahan ejaan: lengkungan – lingkungan
Kesalahan dari segi imbuhan: diklasifikasi – diklasifikasikan
(ii) Kesalahan ejaan: samaada – sama ada
Kesalahan dari segi imbuhan: berubah – perubahan
(iii) Kesalahan ejaan: konvenseonal – konvensional
Kesalahan dari segi imbuhan: mendapatkan – mendapat

(*d*) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: penghayatan – pengalaman
Kesalahan tatabahasa: demi untuk – untuk
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: kata sapaan – kata laluan
Kesalahan tatabahasa: sebagai – terhadap
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: dijustifikasikan – didefinisikan
Kesalahan tatabahasa: dari – daripada

(*e*) (i) Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang
(ii) Bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya
(iii) Bangkai gajah bolehkah ditutup dengan nyiru?

**Praktis SPM 3**
(*a*) (i) [belian: barang yang dibeli] Apabila tidak berhati-hati, ada ketikanya kita membeli barang secara berlebihan sehingga belian itu menjadi satu pembaziran.
(ii) [berlian: batu permata yang amat keras lagi berharga dan dapat diasah sehingga berkilau] Puan Fauzana menyarungkan sebentuk cincin berlian pada jari bakal menantunya semasa majlis merisik.
(iii) [habuan: bahagian daripada sesuatu seperti wang] Perasuah tidak menghiraukan habuan yang diterimanya secara haram itu bertentangan dengan ajaran agama dan etika pekerjaan.
(iv) [haluan: hala perjalanan, arah] Setelah tamat pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, abang dan rakan-rakannya membawa haluan masing-masing.
(v) [pongah: sangat sombong] Orang yang pongah perangainya sekalipun berpangkat dia tetap tidak akan dihormati dan dikagumi kakitangan bawahannya.
(vi) [punggah: mengangkut barang] "Punggah muatan kapal itu ke darat dengan hati-hati," arah mandur itu kepada para pekerja di pelabuhan itu.

(*b*) (i) Subjek: Proses kelulusan pertukaran guru
Predikat: berpaksikan kepentingan perkhidmatan dan keperluan opsyen di sesebuah sekolah
(ii) Subjek: Capaian Internet
Predikat: yang perlahan di kawasan pedalaman harus ditangani dengan segeranya
(iii) Subjek: Pameran udara dan maritim itu
Predikat: mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung
(iv) Subjek: Polis DiRaja Malaysia
Predikat: telah menerima 723 kes kanak-kanak yang hilang antara bulan Januari hingga Jun 2018
(v) Subjek: Sesetengah bangunan bersejarah
Predikat: dijadikan muzium untuk dikunjungi oleh orang ramai
(vi) Subjek: Perokok tegar
Predikat: berisiko tinggi untuk mendapat kanser tekak, kanser paru-paru, dan sakit jantung

(*c*) (i) Kesalahan ejaan: diikhtiraf – diiktiraf
Kesalahan dari segi imbuhan: pengeluaran – keluaran
(ii) Kesalahan ejaan: dinamiks – dinamik
Kesalahan dari segi imbuhan: membezakan – berbeza
(iii) Kesalahan ejaan: matapelajaran – mata pelajaran
Kesalahan dari segi imbuhan: sokongan – disokong

(*d*) Kesalahan penggunaan kata atau istilah:
(i) menjalar – menular
(ii) Ketelusan – Keterbukaan
(iii) hilang penilaian – hilang pertimbangan

Kesalahan tatabahasa:
(i) bukan – tidak
(ii) jika sekiranya – jika/sekiranya
(iii) dari – daripada

(*e*) (i) Lupa daratan
(ii) Bersihkan halaman sendiri dahulu, baru bersihkan halaman orang
(iii) Kalau tidak berada-ada tak akan tempua bersarang rendah

**Praktis SPM 4**
(*a*) (i) [persaingan sengit: hal atau bersaing yang hebat] Persaingan sengit dalam pasaran buruh kini menyebabkan graduan harus mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran.
(ii) [sektor korporat: bidang yang berkaitan dengan syarikat atau perbadanan] Sektor korporat tidak wajar beroperasi atas dasar mencari keuntungan semata-mata.
(iii) [pencakar langit: bangunan yang tinggi-tinggi] Bangunan pencakar langit dianggap sebagai lambang kemajuan dan kemegahan negara-negara maju.
(iv) [masalah obesiti: hal kegemukan] Masalah obesiti berpunca daripada pengambilan makanan berlemak secara keterlaluan, kurangnya aktiviti jasmani, dan faktor genetik.
(v) [tuduhan liar: dakwaan tidak berasas] Tuduhan liar tanpa usul periksa terhadap seseorang akan menjejaskan maruah dan harga dirinya.
(vi) [menonjolkan identiti: memperlihatkan keperibadian] Bahasa menjadi wahana yang paling penting untuk menonjolkan identiti setiap bangsa.

(*b*) (i) Pelbagai bidang pekerjaan terdapat di negara ini tetapi golongan muda tidak memanfaatkan peluang tersebut sepenuhnya.
(ii) Dia tidak mengendahkan nasihat kami sekalipun kami sudah menasihatinya.
(iii) Amalan rumah terbuka sudah menjadi tradisi rakyat Malaysia ketika menyambut hari perayaan.

(*c*) Kesalahan ejaan:
(i) intigrasi – integrasi
(ii) masaalah – masalah
(iii) dailog – dialog

Kesalahan dari segi imbuhan:
(i) bangunan – pembangunan
(ii) fikiran – berfikiran
(iii) melaksanakan – dilaksanakan

(*d*) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: campuran – ramuan
Kesalahan tatabahasa: preskripsi berasaskan kimia ubat-ubatan – preskripsi ubat-ubatan berasaskan kimia
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: mirit – merit
Kesalahan tatabahasa: biarpun – dan
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: disiasat – diperiksa
Kesalahan tatabahasa: Semua struktur-struktur –Semua struktur/Struktur-struktur

(*e*) (i) Pekerja asing yang datang ke negara ini bukan sekadar ingin mengadu nasib, sebaliknya mereka juga mahu menetap di Malaysia.
(ii) Anggota sesebuah komuniti tidak wajar mengamalkan budaya hidup bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing kerana ada masanya mereka akan memerlukan bantuan daripada orang lain juga.
(iii) Sekalipun berhadapan dengan hujan peluru daripada pihak musuh dalam pertempuran semalam, namun Leftenan Zakri masih selamat. Benarlah kata orang, berpantang maut sebelum ajal.

**Praktis SPM 5**
(*a*) (i) [cantik-cantik: sangat menarik apabila dipandang] Lukisan yang dipamerkan di Balai Seni Visual Negara itu cantik-cantik.
(ii) [berpusu-pusu: berduyun-duyun] Penonton berpusu-pusu mengunjungi pawagam untuk membeli tiket filem bercorak romantik seram yang mendapat sambutan hangat itu.
(iii) [gundah-gulana: duka dan lesu] Selepas menerima berita yang di luar dugaan itu, gundah-gulana hatinya terubat jua.
(iv) [mensia-siakan: membuang-buang secara percuma] Kita tidak harus mensia-siakan usia muda dengan melakukan perkara yang tidak berfaedah.
(v) [kelam-kabut: tidak tentu hala, tidak teratur] Dalam keadaan kelam-kabut itu abang terlupa untuk menutup enjin keretanya.
(vi) [tercengang-cengang: ternganga kerana kehairanan] Perajurit Melaka tercengang-cengang apabila melihat peluru meriam Feringgi mampu membunuh sasaran dari jarak jauh.

(*b*) (i) Bilakah majlis perkahwinan anak lelaki bongsu ahli perniagaan itu telah diadakan?
(ii) Siapakah yang telah dilantik sebagai ketua pengarah kesihatan?
(iii) Mengapakah penerokaan kawasan hutan tidak disenangi oleh pencinta alam?
(iv) Di manakah calon Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sedang mengikuti taklimat?
(v) Apakah kemahiran yang diwarisi oleh Puan Hamidah daripada moyangnya?
(vi) Bagaimanakah perselisihan faham itu dapat diselesaikan?

(*c*) Kesalahan ejaan:
(i) aksess – akses
(ii) perasarana – prasarana
(iii) lalulintas – lalu lintas

Kesalahan dari segi imbuhan:
(i) pejalan – perjalanan
(ii) berfikir – memikirkan
(iii) bermanfaat – dimanfaatkan

(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah:
(i) insentif – alternatif
(ii) ditabal – diiktiraf
(iii) makan suap – makan gaji

Kesalahan tatabahasa:
(i) Oleh kerana itu – Oleh sebab itu
(ii) berbagai – berbagai-bagai/pelbagai
(iii) mereka ceburi – diceburi oleh mereka

(*e*) (i) Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
(ii) Ringan tulang, berat perut
(iii) Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

## TOPIK 6: NOVEL

### Nota Grafik KOMSAS

**1 Novel "Songket Berbenang Emas"**

Sinopsis
padang; merayau; hajatnya; hubungan; perkahwinan; sindiran; bercakap; enam; rawatan; meluahkan; gelandangan; tenggelam; palsu; iparnya; Saleha; dicuri; dipatuk; Kedatangan; dendam; Maulidur; berjaya; tohmahan; hitam; sihir; kesakitan; dihalau; sekolah; bergilir-gilir; prejudisnya; dipindahkan; banjir; surut; STPM; Jepun; Universiti Malaya; menyarungkan; berbenangkan

### AKTIVITI PAK-21 – Pergerakan Mengikut Pendapat (*Attitude Movement*)

**Cadangan Jawapan:**
Stesen 1
Kenyataan 1 adalah salah
Kenyataan 2 adalah betul
Stesen 2
Kenyataan 1 adalah betul
Kenyataan 2 adalah salah
Stesen 3
Kenyataan 1 adalah betul
Kenyataan 2 adalah betul

Tindakan: Semua murid akan berdiri/berkumpul di Stesen 3.

Tema dan Persoalan
Tema: menempuh
Persoalan:
**1** Kasih sayang
**2** ilmu
**3** perintah
**4** menghulurkan
**5** tanggungjawab

Watak dan Perwatakan
Dahlia: sulung; berpandangan
Embong: Suami; pendidikan
Saleha: penyakit; bermasyarakat
Nek Kiah: kesalahan; hasutan

Binaan Plot
Pengenalan: sendirian; senja; merisik
Perkembangan: sindiran; kegagalan; nasib; kakitangan; memtik; Anggerik
Perumitan: dipindahkan; sungai; fitnah; ponteng; menuduh; rendah
Klimaks: hitam; khianat; terbaring; dihalau; peperiksaan
Peleraian: balai raya; pertunangan; Disember; songkek

Teknik Plot
Kejutan: menghadiahi
Imbas kembali: pelik
Monolog dalaman: sembuh
Imbas muka: kantin

Latar
Latar tempat: Tun Ismail
Latar masa: persekolahan
Latar masyarakat: mengamalkan; dugaan

Unsur Gaya Bahasa
Personifikasi; Simile; Sinkope

Nilai
ketegasan; kesyukuran; keinsafan

Pengajaran
**1** mempererat
**2** menggadaikan
**3** ditanggung
**4** penyakit
**5** berikhtiar
**6** pendendam

**2 Novel "Tirani"**

Sinopsis
pengurus; hasrat; kosmetik; menyerang; dicederakan; Bazilah; kesihatan; pembedahan; tawaran; brosur; Flamingo; memperkenalkan; industri; rombongan; terikat; selesema; dibatalkan; berlangsung; Melayu; cemburu; menggabungkan; cemburu; pelanggan; bayi, status; fizikal; DNA; menceraikan; terlampau; kemurungan; berhasrat; berjauhan; DNA; berbeza; majikannya; kekesalannya; menangis; penyesalan; kekecewaan; memaafkan

Tema dan Persoalan
Tema: cabaran; pelancongan

Persoalan:
**1** risiko
**2** menyelesaikan
**3** tuduhan
**4** Penyesalan
**5** tindakan
**6** Kasih sayang

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- Peristiwa yang berkaitan dengan persoalan kasih sayang dalam novel "Tirani":
  – Persoalan kasih sayang ibu terhadap anak kandung. Contohnya, Raidah, iaitu ibu Waheeda sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.
  – Persoalan kasih sayang isteri terhadap suami. Contohnya, Waheeda yang terlalu mencintai suaminya telah mengalami masalah kemurungan dan migran meroyan akibat tindakan Zahid yang telah menceraikannya.
  – Persoalan kasih sayang ibu mentua kepada menantu. Contohnya, Datin Hazirah membawa sejambangan bunga dan sekeping kad ucapan yang kononnya daripada Zahid untuk menjaga perasaan menantunya, Waheeda.
- Kegigihan Waheeda Nurlyana dalam menempuh berbagai-bagai cabaran dan dugaan dalam kehidupannya:
  – Kegigihan Waheeda semasa mengembangkan sayap perniagaannya terserlah apabila dia berani membuat pinjaman baharu untuk membeli Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands dan menukarkan namanya kepada Chalet Aya-Sajinah.
  – Kegigihan Waheeda membina hubungan persahabatan dan bijak menghadapi sikap prejudis sahabat baiknya, Bazilah yang mencemburui hubungan baiknya dengan tunangnya, Dr. Zahari.
  – Kegigihan Waheeda mengharungi liku-liku pahit dan manis dalam alam rumah tangganya bersama-sama dengan Zahid sehingga memperoleh seorang cahaya mata perempuan.

Watak dan Perwatakan
Waheeda Nurlyana: isteri; 20 tahun; Berpewatakan; Berkelulusan
Zahid: rupa paras; peguam; Sedar
Raidah: Isteri; konservatif; pandai; arahan; menyimpan

Binaan Plot
Pengenalan: melayari; plastik
Perkembangan: dikejarkan; ditemani; pembedahan; tawaran; Awam; berkenalan
Perumitan: pulih; digantikan; perkahwinan; penginapan; eksklusif; mempertikaikan
Klimaks: satu; terlampau; kejam; mencintai
Peleraian: kaunseling; milik; menangis; perasaan; memujuk

Teknik Plot
Pemerian: Konflik; Imbas kembali; Imbas muka

Latar
Latar tempat: Chalet
Latar masyarakat: menimba; berdedikasi; keruntuhan

Nilai
belas kasihan; keberanian; kegigihan; baik hati

Pengajaran
**1** memiliki
**2** diamanahkan
**3** kesenangan
**4** jujur
**5** mengusahakan

**3 Novel "Bimasakti Menari"**
Sinopsis
pertama; rombongan; langit; kelip-kelip; cahaya; Kuala Selangor; rendah; menjayakan; pengaruh; tentangan; Permusuhan; Kaukasia; Menteri Besar; pembentangan; membatalkan; tender; dibekalkan; membatalkan; dijumpai; New Zealand; kristal; tercatat; pemandu; berhenti; penjenayah; estet; laporan; mengesan; pasukan; menyelamatkan; bernikah; terakhir

Tema dan Persoalan
Persoalan:
**1** penjawat
**2** penceraian
**3** kejujuran
**4** bersatu
**5** terjebak

Watak dan Perwatakan
Nurul Hafsa: Jordan; janji; Petah
Maryam Wickham: ibu; isteri; Aktivis
Muhammad Taufik: tunggal; tegap; Berpendidikan
Dato' Johann Arlington-Majid: Musuh; kreatif

Binaan Plot
Pengenalan; mencerap
Perkembangan; undang-undang; populasi; terbuka
Perumitan; projek; berdendam; pasangan
Klimaks; stesen
Peleraian; bernikah; mesej

Teknik Plot
Pemerian – tempatan
Dialog – Api-api
Imbas kembali – persekolahan
Saspens – Budiman

Latar
Latar tempat: PETRONAS; rimba; Antarabangsa
Latar masa: solat
Latar masyarakat: kerjaya; cinta; campur; sayang

Unsur Bahasa dan Gaya Bahasa
Bahasa Inggeris; Peribahasa; Hiperbola; Metafora; Simile; Sinkope

Nilai dan Pengajaran
mencintai; bertanggungjawab; ajaran; melaksanakan; setia kawan; membanteras; harmoni

**4 Novel "Silir Daksina"**
Sinopsis
Terengganu; usahawan; tiga; melarang; senaskhah; Cina; memperkasakan; sejarah; kampung; perbelanjaan; Stesen; kampung; diurus; memegang; milik; restoran; berbual-bual; karibnya; kekosongan; rahsia; telahan; meminati; ringkas; pusara; remaja; calang-calang; disukai; dilayan; penggiat; zapin; menghidupkan; tarian; malu; berpasangan; memujuk; hebat; kelibat; memeluk; bertunang; sedih; Aksara; Manuskrip; menjejaki

Tema dan Persoalan
Tema: Konflik
Persoalan:
**1** Kasih sayang
**2** Kebijaksanaan
**3** perniagaan
**4** keruntuhan
**5** Ketegasan

Watak dan Perwatakan
Haiqal/Aiman; bijak; Penyayang; perintah; Berbakat; Kawan
Abdullah bin Kayan/Amirulnizam/Cikgu Zam; sastera; kebudayaan; terkenal; diiktiraf
See Hwa/Ai Ling; Melayu; mendeklamasikan; deklamasi; Menepati; diam-diam

Binaan Plot
Pengenalan: mengenali; senaskhah; tadika; membenarkan; UPSR; bekas
Perkembangan: Amirulnizam; guru; menghidupkan; Aksara; kosong; merahsiakan
Perumitan: rindu; arwah; melukakan; Batu Buruk
Klimaks: ditentang; mengugut; menanggung
Peleraian: teksi; penulisan; persembahan; disokong; berpasangan; zapin; melanjutkan

Teknik Plot
Dialog: berminat
Pemerian: termanggu
Imbas kembali: tirinya
Monolog dalaman

Latar
Latar tempat: peninggalan; warung
Latar masa: diumumkan
Latar masyarakat: budaya bangsa; mementingkan

Unsur Bahasa dan Gaya Bahasa
Bahasa Arab; Hiperbola; Simile

Nilai
ketabahan; amanah; ketaatan; cinta akan seni

Pengajaran
**1** dilupakan
**2** berbudi bahasa
**3** memutuskan
**4** diserahkan
**5** bertanggungjawab
**6** konflik
**7** tercapai
**8** melayani
**9** sabar
**10** bersatu padu
**11** persahabatan
**12** rasional

## PRAKTIS BERFORMAT SPM
**KERTAS 2: Soalan 4**
**Praktis SPM 1**
**Novel "Songket Berbenang Emas"**
(*a*) … Peristiwa Dahlia yang teringat akan emaknya, Saleha yang sering bercakap sendirian di bawah pokok getah dan merayau tidak tentu arah apabila menjelangnya waktu senja.
… Peristiwa Saleha terkenang akan kisah yang berlaku pada zaman mudanya dahulu apabila dia mengambil masa berjam-jam untuk bersiap sebelum keluar berjumpa dengan Embong.
(*b*) … Peristiwa Aton yang sanggup menabur fitnah dan melemparkan kata-kata kesat dengan menuduh Embong dan Dahlia yang merancang kematian anak tunggalnya, Said.
… Peristiwa ini menggambarkan kritikan sosial terhadap segelintir masyarakat yang suka bercakap bohong untuk menjatuhkan maruah orang lain disebabkan perasaan dendam lama yang masih berbekas di hati.

**Novel "Tirani"**
(*a*) … Peristiwa Waheeda yang teringat kembali akan kain sarung birunya yang terbelah sehingga paras paha gara-gara tindakannya yang sering mengejar rakan-rakan sekolahnya yang selalu menyakatnya.
… Peristiwa Waheeda yang terkenang akan kata-kata semangat ayahnya semasa dia dan Ghazi berada di dalam kereta sewaktu dalam perjalanan pulang dari banglo mewah Pak Cik Aziz di Jalan Setiakasih ke apartmen keluarga mereka di Bukit Tiara, Kajang.
(*b*) … Peristiwa Zahid yang sanggup menceraikan isterinya, Waheeda disebabkan sikap panas baran dan sifat cemburu butanya yang menuduh isterinya mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain tanpa memberikan peluang terhadap isterinya untuk membela diri.
… Peristiwa ini menggambarkan kritikan sosial terhadap segelintir masyarakat yang tergamak membuat tuduhan melulu terhadap pasangannya yang setia.

**Novel "Bimasakti Menari"**
(*a*) … Peristiwa Nurul Hafsa menaiki sampan untuk melihat kelip-kelip. Ketika itu, dia teringat akan tanggapannya terhadap Muhammad Taufik ketika mereka bertemu semula setelah sekian lama terpisah.
Ketika dia dalam darjah empat, Nurul Hafsa menganggap Muhammad Taufik budak yang sombong.
… Peristiwa Muhammad Taufik yang teringat kembali kebijaksanaan Nurul Hafsa menjelaskan sebab bintang-bintang

tidak dapat dilihat pada malam itu kepada murid-murid dari Jepun dan pengiring mereka yang kecewa kerana tidak dapat melihat bintang dengan mata kasar. Dia juga berjanji akan mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor.

(*b*) … Peristiwa Dato' Johann Arlington-Majid yang sanggup mengupah tiga orang penjenayah untuk menculik dan mencederakan Muhammad Taufi k. Dato' Johann Arlington-Majid juga mengugut Tan Sri Muhaimin supaya membatalkan tender yang diperoleh oleh Syarikat Dedaun Emas.

… Peristiwa ini menggambarkan kritikan sosial terhadap segelintir masyarakat yang bersikap tamak dan pendendam.

**Novel "Silir Daksina"**

(*a*) … Peristiwa Cikgu Zam yang terkenang kembali nostalgia dirinya bersama-sama dengan Roslan, Ramli, dan beberapa orang anak muda berpuisi di balai raya sambil memalu kompang selepas selesai berlatih memalu kompang.

… Peristiwa Tauke Ong memberitahu Haiqal dengan mengimbas kembali pesanan arwah ayah Haiqal kepada See Hwa agar menyerahkan manuskrip kepada Haiqal apabila dia sudah dewasa ketika dia memberikan manuskrip itu kepada See Hwa dua hari sebelum dia meninggal dunia.

(*b*) … Peristiwa umi Haiqal yang sanggup memutuskan hubungan Haiqal Hakimi dengan bapa kandungnya, Abdullah bin Kayan setelah berlakunya perceraian antara mereka akibat perasaan cinta Abdullah bin Kayan terhadap seni budaya bangsa.

… Peristiwa ini menggambarkan kritikan sosial terhadap segelintir masyarakat yang bersikap sombong dan mementingkan diri tanpa memikirkan perasaan orang lain.

**Praktis SPM 2**
**Novel "Songket Berbenang Emas"**

(*a*) … Watak utama dalam novel ini ialah Dahlia.

… Bertanggungjawab terhadap keluarga. Contohnya, sebagai anak sulung dalam keluarga, Dahlia menyatakan kesediaannya untuk menjaga adik bongsunya, Anggerik dan adik-adiknya yang lain sepanjang tempoh emaknya menerima rawatan di hospital.

… Berpandangan jauh. Contohnya, Dahlia menerima tawaran mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan pada peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun sebagai bekalan masa hadapannya meskipun terpaksa berjauhan dengan keluarga tercinta.

… Tabah menghadapi dugaan hidup. Contohnya, Dahlia menempuh segala dugaan dan masalah yang berlaku dalam keluarganya sepanjang tempoh emaknya menerima rawatan di hospital akibat menghidap penyakit kemurungan dengan tabah hati.

… Berhemah tinggi. Contohnya, Dahlia tidak membalas dengan kata-kata yang kurang sopan apabila Aton memaki hamun dan memfitnahnya sebagai perempuan yang rendah akhlaknya.

(*b*) … Kita hendaklah saling bekerjasama untuk memudahkan dan melancarkan sesuatu majlis atau aktiviti keramaian. Contohnya, Dahlia, Mak Aton serta penduduk Kampung Parit Haji Rais telah bergotong-royong memasak bagi meraikan sambutan Majlis Maulidur Rasul peringkat Kampung Parit Haji Rais.

… Kita mestilah sabar dalam menghadapi cabaran dan dugaan hidup. Contohnya, Dahlia begitu sabar berhadapan dengan sikap prejudis dan kata-kata kesat neneknya, Nek Kiah dan Aton terhadap dirinya dan anggota keluarganya.

… Kita mestilah gigih dan tekun semasa menuntut ilmu. Contohnya, Dahlia gigih belajar sebagai persediaannya untuk menghadapi peperiksaan STPM walaupun terpaksa berkorban masa, tenaga, dan tempat menuntut ilmu.

… Kita perlulah bersikap baik hati terhadap orang lain. Contohnya, Kavita dan Siti Wangi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh Dahlia dengan menyediakan nota salinan untuk semua subjek.

… Kita hendaklah rajin melakukan kerja rumah. Contohnya, Dahlia rajin melakukan kerja-kerja di dapur seperti memasak dan menyediakan minuman untuk tetamu yang berkunjung ke rumahnya tanpa perlu disuruh oleh ibu bapanya.

**Novel "Tirani"**

(*a*) … Watak utama dalam novel ini ialah Waheeda/Waheeda Nurlyana.

… Cekal dan tabah dalam kehidupan. Contohnya, Waheeda cekal semasa menempuh dugaan dan masalah yang berlaku terhadap dirinya, kerjayanya, dan krisis rumah tangganya yang dibina bersama-sama dengan Zahid.

… Gigih dalam memajukan perniagaan. Contoh nya, Waheeda gigih mengusahakan Chalet Tajau Emas dan Chalet Aya-Sajinah.

… Cantik, anggun, dan berketinggian lima kaki lima inci. Contohnya Waheeda berjaya menjuarai Pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa yang diadakan di Th e Four Seasons Hotel.

… Bersifat penyayang. Contohnya, Waheeda menjaga dan mendidik anak perempuan tunggalnya, Izzati dengan penuh kasih sayang.

(*b*) … Kita hendaklah bekerjasama untuk memudahkan dan melicinkan sesuatu majlis atau aktiviti keramaian. Contohnya, sanak saudara, jiran tetangga, dan sahabat handai membantu Fadhil dan Rainah sepanjang berlangsungnya majlis perkahwinan antara Waheeda dengan Zahid.

… Kita hendaklah mengamalkan kasih sayang untuk mempererat hubungan antara anggota keluarga. Contohnya, Raidah amat mengasihi anaknya, Waheeda. Dia sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.

… Kita mestilah sabar dalam menghadapi cabaran dan dugaan hidup. Contohnya, Waheeda begitu sabar berhadapan dengan sikap cemburu buta, panas baran, dan kata-kata fitnah daripada suaminya, Zahid terhadap diri dan anak perempuannya, Izzati.

… Kita mestilah berfikir secara rasional semasa membuat keputusan. Contohnya, Waheeda bersedia menanggung segala risiko atas pembedahan mata dan hidungnya yang bertujuan untuk membaiki hidungnya yang pesek dan membetulkan sedikit kelopak matanya.

… Kita perlulah bersikap baik hati terhadap orang lain. Contohnya, Bazilah membenarkan Waheeda menetap di rumahnya di Yishun Street sepanjang tempoh Waheeda menjalani rawatan pembedahan mata dan hidungnya di Silicon Medical Center, Singapura.

**Novel "Bimasakti Menari"**

(*a*) … Watak utama dalam novel ini ialah Nurul Hafsa.

… Bijak dan berilmu. Contohnya, dia dapat mematahkan hujah Dato' Johann Arlington-Majid sewaktu pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor.

… Tabah. Contohnya, dia tabah menghadapi dugaan untuk me laksanakan cita-citanya, iaitu menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.

… Baik hati. Contohnya, dia begitu prihatin akan nasib Muhammad Taufik yang cedera akibat diserang oleh penjenayah.

… Teguh berpegang pada janji. Contohnya, dia tetap meneruskan usaha mencerap populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan sewaktu Muhammad Taufik terlantar di hospital.

(*b*) … Kita hendaklah mencintai alam sekitar supaya kehidupan kita dan makhluk lain tidak terancam. Contohnya, Nurul Hafsa berusaha keras untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap bagi memastikan khazanah alam seperti kelip-kelip dan pencerapan bintang terus dinikmati.

… Kita mestilah mempunyai sikap setia kawan supaya tidak berlakunya apa-apa pengkhianatan dalam menjalin hubungan persahabatan. Contohnya, Muhammad Taufik sanggup bertemu dengan penjenayah kerana tidak mahu keselamatan Nurul Hafsa yang telah diculik terancam.

… Ibu bapa mestilah bertanggungjawab terhadap anak masing-masing supaya kehidupan anak-anak terbela. Contohnya, Haji Yassir sanggup menghantar Nurul Hafsa ke Kampung Kuantan untuk mencerap kelip-kelip supaya anaknya tidak mengalami masalah untuk pergi ke tempat tersebut.

… Kita mestilah berilmu pengetahuan supaya kita mampu membela agama, bangsa, dan negara. Misalnya, Nurul Hafsa yang berilmu pengetahuan telah membela alam sekitar di Kuala Selangor yang tercemar dengan limpahan cahaya.

… Kita mestilah amanah dalam melaksanakan sesuatu tugas agar tugas itu dapat dilaksanakan dengan baiknya. Contohnya, Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik telah menjalankan projek Kawasan Simpan Langit Gelap dengan amanahnya dan akhirnya, kertas cadangan mereka diterima oleh Menteri Besar.

**Novel "Silir Daksina"**

(*a*) … Watak utama dalam novel ini ialah Haiqal/Aiman.

… Berani. Contohnya, dia berani mempertahankan keputusannya untuk ke kampung halaman arwah ayahnya walaupun dilarang oleh uminya.

… Berbakat dalam seni sastera. Haiqal sering memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat sekolah, serta menjadi johan menulis sajak dan cerpen peringkat negeri.

… Taat pada perintah agama. Contohnya, Haiqal menunaikan solat subuh apabila sampai di stesen bas Batu Pahat sebelum menaiki teksi ke kampung halaman arwah ayahnya.

… Bijak dalam pelajaran. Contohnya, Haiqal telah berjaya menyambung pengajiannya di Bumi Kenyalang.

(*b*) … Kita hendaklah cinta akan seni budaya bangsa supaya tidak dilupakan oleh generasi baharu. Contohnya, Abdullah bin Kayan sanggup berpisah dengan isterinya semata-mata untuk memulihara tarian zapin yang telah berkubur di Kampung Seri Purnama.
… Kita mestilah menghargai persahabatan agar wujud kebaikan dalam bersahabat. Contohnya, Haiqal dan rakan baiknya, Ratna saling menghargai persahabatan antara mereka.
… Sebagai ibu atau bapa, kita mestilah bertanggungjawab terhadap anak-anak supaya kehidupan mereka terbela. Contohnya, Tauke Ong bekerja kuat untuk menyara kehidupan anak-anaknya yang bersekolah hingga ke peringkat tinggi.
… Kita haruslah bersatu padu dalam kalangan masyarakat untuk menjamin keharmonian. Contohnya, perpaduan penduduk Kampung Seri Purnama tanpa mengira kaum telah membuatkan kehidupan di kampung itu harmoni tanpa sebarang masalah.
… Kita hendaklah berbudi bahasa agar kita disukai orang. Contohnya, Tauke Ong amat berbudi bahasa dengan penduduk Kampung Seri Purnama. Dengan itu, walaupun dia berbangsa Cina, masyarakat Melayu dapat menerimanya dan keluarganya di kampung itu.

## Praktis SPM 3

**Novel "Songket Berbenang Emas"**

(*a*) … Masyarakat yang tabah menghadapi kegetiran dalam rumah tangga. Contohnya, sebagai bapa, Embong tabah menjaga anak-anaknya sebanyak enam orang sepanjang tempoh isterinya, Saleha menerima rawatan pemulihan kerana penyakit kemurungan di Hospital Permai, Johor Bahru serta sikap anak lelaki tunggalnya, Abu Bakar yang menjadi kutu rayau.
… Masyarakat yang tekun ketika menimba ilmu. Contohnya, Dahlia, Kavita, dan Siti Wangi tekun belajar untuk memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM.
… Masyarakat yang prihatin terhadap soal pendidikan negara. Contohnya, selaku bekas guru, Cikgu Daim telah ke rumah Dahlia untuk menyerahkan surat tawaran bagi mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun.
… Masyarakat kampung yang menyara kehidupan dalam bidang pertanian dan kerja-kerja kampung. Contohnya, Embong, Haji Sulaiman, dan penduduk kampung mencari rezeki dengan mengusahakan kebun kelapa sawit dan menoreh getah.

(*b*) … Bahagian permulaan novel ini menarik minat saya kerana dimulakan dengan pengarang memaparkan peristiwa Dahlia yang teringat akan emaknya yang bersikap pelik akhir-akhir ini apabila emaknya bercakap sendirian di bawah pokok getah dan merayau-rayau tidak tentu arah apabila menjelangnya waktu senja.
… Kisah ini menarik kerana jalan cerita yang dipaparkan oleh pengarang menyebabkan pembaca berasa tidak sabar untuk mengetahui perkara sebenarnya yang berlaku kepada emak Dahlia, iaitu Saleha sehingga dia bersikap sedemikian.

**Novel "Tirani"**

(*a*) … Masyarakat yang tabah meng hadapi keruntuhan rumah tangga. Contohnya, Waheeda tabah membesarkan anak perempuan nya, Izzati setelah diceraikan oleh suaminya, Zahid.
… Masyarakat yang tekun menimba ilmu. Contohnya, Waheeda Nurlyana, Bazilah, Fatimah, Izzati, dan Zahid digambarkan sebagai masyarakat yang tekun dan rajin menimba ilmu sehingga berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dalam bidang pengkhususan masing-masing.
… Masyarakat yang menceburi kegiatan ekonomi berasaskan pelancongan negara. Contohnya, Fadhil, Rainah, Datuk Yasser Arief, Waheeda, dan Fatimah mengusahakan chalet untuk penginapan para pelancong sebagai sumber pendapatan mereka.
… Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap kesihatan keluarga. Contohnya, Fadhil membawa anaknya, Waheeda yang mengalami pendarahan angkara diserang oleh monyet Belanda ke hospital dengan segeranya bagi mendapatkan rawatan.

(*b*) … Bahagian permulaan novel ini menarik kerana dimulakan dengan pengarang memaparkan perwatakan, iaitu ciri fizikal Waheeda yang memiliki hidung yang pesek sehingga sering menjadi mangsa usikan kawan-kawan ketika zaman sekolah rendahnya. Atas alasan itulah, Waheeda mempunyai keinginan untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya dengan tujuan untuk membaiki dan memulihkan serta untuk menjaga kekemasan dirinya yang kini bergelar pengurus inap desa Tajau Emas.
… Kisah ini menarik kerana jalan cerita yang dipaparkan oleh pengarang menyebabkan pembaca berasa tidak sabar untuk mengetahui tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Waheeda.

**Novel "Bimasakti Menari"**

(*a*) … Masyarakat yang mementingkan kerjaya sehingga sanggup mengambil tindakan yang radikal. Contohnya, Tan Sri Muhaimin yang mementingkan perniagaan dan Maryam Wickham yang mementingkan aktiviti mencintai alam sekitar sanggup bercerai apabila masing-masing tidak dapat bertolak ansur.
… Masyarakat yang cinta akan alam sekitar. Contohnya, Maryam Wickham, Muhammad Taufik, dan Nurul Hafsa telah melaksanakan kerja-kerja untuk menyelamatkan alam sekitar.
… Masyarakat yang tamak. Contohnya, Dato' Johann Airlington-Majid sanggup melakukan perbuatan jenayah dengan mengupah penjenayah untuk menculik Muhammad Taufik agar Tan Sri Muhaimin menarik balik sebut pembekalan harga lampu.
… Masyarakat yang berkahwin campur. Contohnya, Tan Sri Muhaimin yang berketurunan Jawa telah berkahwin dengan Maryam Wickham yang berketurunan Kaukasia.

(*b*) … Bahagian permulaan novel ini menarik kerana dimulakan dengan pengarang memperkenalkan watak Nurul Hafsa yang baru bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. Pada hari pertama bekerja, Nurul Hafsa telah melayan sekumpulan murid dari Jepun yang diiringi oleh Puan Wickham mencerap bintang. Namun begitu, mereka semua berasa hampa kerana bintang tidak kelihatan disebabkan langit terlalu cerah. Hasrat mereka untuk melihat kelip-kelip di Kampung Kuantan juga tidak kesampaian.
… Kisah ini menarik kerana jalan cerita yang dipaparkan oleh pengarang menyebabkan pembaca berasa tidak sabar untuk mengetahui tindakan yang akan diambil oleh Nurul Hafsa.

**Novel "Silir Daksina"**

(*a*) … Masyarakat peniaga. Contohnya, Tauke Lim menjalankan perniagaan dengan meraih pisang dan pinang di kampung serta menjualnya di pekan.
… Masyarakat guru. Contohnya, Cikgu Zam dan Cikgu Latifah bertugas sebagai guru. Mereka berbual-bual tentang murid-murid tahun enam yang tidak menyiapkan kerja rumah.
… Masyarakat yang cinta akan budaya bangsa. Contohnya, Pak Cik Bakar, Haji Salim, dan Cikgu Zam melibatkan diri dalam seni tarian zapin bagi memperkasakan seni warisan.
… Masyarakat yang hidup dalam suasana harmoni. Contohnya, masyarakat Kampung Seri Purnama bekerjasama dan saling berinterkasi tanpa ada konflik sesama mereka.

(*b*) … Bahagian permulaan novel ini menarik kerana dimulakan dengan pengarang memaparkan watak Haiqal yang ingin mengenali arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan. Konflik jiwa ini timbul apabila dia menerima manuskrip daripada See Hwa yang merupakan hasil tulisan arwah ayahnya.
… Kisah ini menarik kerana jalan cerita yang dipaparkan oleh pengarang menyebabkan pembaca berasa tidak sabar untuk mengetahui tindakan yang akan diambil oleh Haiqal bagi menyelesaikan konflik tersebut.

## Praktis SPM 4

**Novel "Songket Berbenang Emas"**

(*a*) … Konflik Dahlia dengan Cikgu Salwani. Konflik ini berlaku disebabkan kesalahan Dahlia tiba lewat di sekolah. Sebagai guru disiplin, Cikgu Salwani cuba mengenal pasti punca perkara itu berlaku sebelum dia memutuskan bentuk hukuman yang perlu dikenakan terhadap Dahlia.
… Dahlia menangani konfliknya itu dengan berbincang secara baik dengan Cikgu Salwani. Dia menerangkan punca kelewatannya ke sekolah dan mengambil keputusan untuk keluar sementara dari asrama sekolahnya.

(*b*) … Peristiwa Dahlia yang terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said yang baru sahaja tenggelam ke dasar sungai walaupun dia tidak tahu berenang. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan keberanian seorang gadis untuk menyelamatkan nyawa Said tanpa memikirkan soal keselamatan nyawanya.
… Peristiwa Dahlia melawat ibunya yang sedang menerima rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru secara bersendirian dengan mengeluarkan wang biasiswanya untuk membayar tambang bas dan teksi. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan betapa mendalamnya kasih sayang seorang anak terhadap ibunya di samping kekuatan sifat berdikari yang dimiliki oleh Dahlia.

**Novel "Tirani"**

(*a*) … Konflik Waheeda dengan Bazilah apabila Bazilah cemburu akan kemesraan yang terjalin antara Waheeda dengan tunangnya, Dr. Zahari ketika Waheeda menumpang tinggal di rumah Bazilah di Yishun Street, Singapura.

… Waheeda menyelesaikan konfliknya itu dengan mengambil keputusan untuk berpindah keluar dari rumah Bazilah dan memberikan fokus sepenuhnya terhadap kerjaya baharunya di Hotel Flamingo de La Rossa.

(*b*) … Peristiwa Dr. Shirrim Ghazizadeh bertungkus lumus melakukan pembedahan pada bahagian mata Waheeda dan Dr. Averroes atau Dr. Rushdi juga bekerja keras dalam menjalankan pembedahan pada bahagian hidung Waheeda di Silicon Medical Center, Singapura. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan kesungguhan dan tanggungjawab doktor untuk membantu pesakitnya mendapatkan wajah yang sempurna selepas pembedahan tersebut.

… Peristiwa Bazilah yang membenarkan Waheeda menetap di rumahnya sepanjang tempoh Waheeda menjalani rawatan pembedahan mata dan hidungnya di Silicon Medical Center, Singapura. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan semangat setia kawan sahabat terhadap kesusahan orang lain.

**Novel "Bimasakti Menari"**

(*a*) … Konflik pencemaran cahaya yang berlaku di Kuala Selangor.

… Nurul Hafsa menangani konflik tersebut dengan membuat kajian dan menyiapkan kertas cadangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap dengan Muhamad Taufik. Mereka membentangkan kertas cadangan itu di hadapan Menteri Besar Selangor untuk menerangkan objektif dan kepentingan projek tersebut.

(*b*) … Peristiwa Nurul Hafsa yang tidak mahu makan gaji buta. Justeru, dia berusaha untuk mengatasi masalah pencemaran cahaya di Kuala Selangor bagi mengembalikan bintang-bintang dan memulihara populasi kelip-kelip. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan betapa pentingnya kita melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik-baik yang mungkin.

… Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhamad Taufik bekerjasama melaksanakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor untuk mengatasi isu pencemaran cahaya. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan betapa besarnya perasaan cinta golongan muda terhadap alam sekitar.

**Novel "Silir Daksina"**

(*a*) … Konflik kumpulan zapin D'Purnama terkubur kembali selepas kematian Abdullah bin Kayan tetapi cuba dihidupkan oleh Haiqal semula.

… Haiqal menangani konflik tersebut dengan mengajukan cadangan untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula kepada Pak Bakar, Haji Salim, dan Wak Arif. Selepas JKKK Kampung Purnama menerima cadangan itu, Haiqal membuat persediaan untuk mengadakan persembahan zapin jincat.

(*b*) … Peristiwa Abdullah bin Kayan yang sanggup berpisah dengan anak dan isterinya demi perasaan cintanya terhadap seni zapin. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan betapa cintanya penggiat seni warisan bangsa terhadap seni dan budaya nenek moyangnya.

… Peristiwa Haiqal berusaha untuk menjejaki bekas kehidupan arwah bapanya, Abdullah bin Kayan walaupun beliau telah meninggal dunia. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca kerana menunjukkan betapa kasih seorang anak terhadap bapa kandungnya meskipun mereka telah dipisahkan sejak kecil lagi.

## Praktis SPM 5

**Novel "Songket Berbenang Emas"**

(*a*) … Waktu pagi, iaitu peristiwa Dahlia yang terlewat tiba di Sekolah Perempuan Temenggung Ibrahim kerana bas JMBC berjalur merah yang dinaikinya bergerak dengan perlahannya.

… Waktu malam, iaitu peristiwa Embong yang mendapati dua ekor kambing peliharaannya telah dicuri dari kandang kambing setelah mendengar suara embekan kambingnya sayup-sayup.

… Musim hujan. Contohnya, keluarga Dahlia dan penduduk Kampung Parit Haji Rais yang terpaksa berpindah ke balai raya dan surau akibat hujan lebat yang menyebabkan berlakunya kejadian banjir di kampung mereka.

… Waktu tengah hari. Contohnya, Siti Wangi menanyakan Dahlia tentang tugasannya mencari isi-isi bagi kertas kerja yang bakal dibincangkan pada petang itu sewaktu Dahlia menuju ke asrama puteri pada waktu tengah hari.

(*b*) … Nilai belas kasihan. Contohnya, Tauke Lim bersimpati dengan nasib Embong yang berhadapan dengan masalah kesihatan isterinya, masalah anak lelaki tunggalnya yang menjadi kutu rayau, masalah sikap prejudis ibu mentua terhadap Embong sekeluarga, dan masalah kewangan yang sering kali menghimpit keluarga ini dengan sedaya upaya cuba membantu Embong dan anak-anaknya.

… Nilai keberanian. Contohnya, Dahlia sanggup terjun ke dalam sungai yang berarus deras semata-mata untuk menyelamatkan Said walaupun sebenarnya dia tidak pandai berenang.

… Nilai kesyukuran. Contohnya, Embong bersyukur kerana isterinya yang dirawat di Hospital Permai, Johor Bahru akhirnya sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah.

… Nilai kesabaran. Contohnya, Dahlia sabar menangani kerenah dan layanan buruk Nek Kiah yang pernah menuduhnya sebagai perempuan yang tidak baik.

… Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Dahlia bijak menggunakan waktu malam sebagai masa yang sesuai untuk menyiapkan kerja sekolah dan menelaah pelajaran selepas menidurkan adiknya, Anggerik.

**Novel "Tirani"**

(*a*) … Waktu pagi, iaitu peristiwa Ghazi menghantar Waheeda ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dengan kenderaan pacuan empat roda sambil ditemani oleh ibunya, Rainah dan sepupunya, Kamri.

… Waktu malam, iaitu peristiwa Zahid yang tidak dapat tidur dengan lenanya kerana memikirkan gadis misteri yang dijumpainya di kaunter itu yang mempunyai wajah yang mirip dengan wajah bekas isterinya, Waheeda Nurlyana.

… Waktu tengah hari. Contohnya, Fatimah dan ahli rombongan MATTA dari Kuala Lumpur yang disajikan hidangan ketupat pulut periuk kera oleh masyarakat Dayak Bidayuh ketika mereka mengikuti Pesta Bung Bratak.

… Waktu petang. Contohnya, Waheeda menikmati minum petang di Restoran Genki Sushi yang terletak di Aras 4, Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura.

(*b*) … Nilai kasih sayang. Contohnya, Fadhil dan Raidah sangat menyayangi anak-anak mereka, Ghazi dan Waheeda.

… Nilai tanggungjawab. Contohnya, Fadhil membawa Waheeda yang mengalami pendarahan angkara diserang oleh monyet Belanda ke hospital dengan segeranya untuk mendapatkan rawatan.

… Nilai kebijaksanaan. Contohnya, Waheeda bijak mengambil peluang meneroka pengalaman berkhidmat dalam bidang perhotelan di The Flamingo de La Rossa, Singapura sebelum kembali mengusahakan chalet milik keluarganya di Matang.

… Nilai kegigihan. Contohnya, Waheeda gigih mengusahakan Chalet Tajau Emas dan Chalet Aya-Sajinah bersama-sama dengan anggota keluarga dan pekerja-pekerjanya.

… Nilai kerjasama dan tolong-menolong. Contohnya, masyarakat Kampung Matang bekerjasama dalam mengurus majlis perkahwinan antara Zahid dengan Waheeda.

**Novel "Bimasakti Menari"**

(*a*) … Hari pertama bekerja di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Contohnya, peristiwa Nurul Hafsa berasa tidak keruan ketika mengiringi sekumpulan pengunjung yang dianggotai oleh 15 orang murid dan tiga orang pengiring yang ingin mencerap bintang-bintang di langit.

… Waktu malam. Contohnya, peristiwa Nurul Hafsa dihantar oleh ayahnya, Haji Yassir pergi ke Kampung Kuantan untuk melihat kelip-kelip.

… Sebelum solat zuhur. Contohnya, peristiwa Haji Yasir makan tengah hari bersama-sama dengan Nurul Hafsa dan Budiman.

… Pukul 11:30 malam. Contohnya, Nurul Hafsa dan Budiman selesai memberikan keterangan kepada Ketua Inspektor Lim di Hospital Besar Tanjung Karang berkaitan dengan serangan terhadap Muhammad Taufik.

… Pukul 5:00 pagi. Contohnya, Budiman bersama-sama dengan ayah dan adiknya ke Hospital Besar Tanjung Karang untuk melawat Muhammad Taufik.

(*b*) … Nilai cinta akan alam sekitar. Contohnya, Nurul Hafsa berusaha untuk membawa kembali ke gelapan di Kuala Selangor untuk memastikan habitat kelip-kelip terjaga dan Kuala Selangor kekal sebagai lokasi pencerapan bintang.

… Nilai setia kawan. Contohnya, Muhammad Taufik sanggup berjumpa dengan penjahat di stesen minyak Petronas di hadapan hospital semata-mata untuk menyelamatkan sahabatnya, iaitu Nurul Hafsa yang telah diculik.

… Nilai tanggungjawab. Contohnya, ayah Muhammad Taufik, iaitu Tan Sri Muhaimin telah mem besarkan anak tunggalnya dengan penuh kasih sayang dan bertanggungjawab menunaikan segala keperluan anaknya itu.

… Nilai ketabahan. Contohnya, Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik tabah menghadapi ancaman untuk mengembalikan

kegelapan di Kuala Selangor untuk pencerapan bintang dan menjaga habitat kelip-kelip.
… Nilai kasih sayang. Contohnya, Maryam Wickham sayang akan anak tunggalnya, hasil daripada perkahwinannya dengan Tan Sri Muhamin, iaitu Muhammad Taufik dengan mengunjungi rumah anaknya dan memasakkan makanan untuk anaknya itu.

**Novel "Silir Daksina"**

(*a*) … Seawal usia menginjak enam tahun. Contohnya, semasa usia Haiqal enam tahun, dia diberitahu oleh uminya bahawa walid bukanlah ayah kandungnya.
… Sewaktu keputusan SPM keluar. Contohnya, peristiwa Ratna menangis kerana gagal memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM berlaku sewaktu keputusan SPM diumumkan.
… Waktu lewat malam. Contohnya, peristiwa Cikgu Zam dan kawan-kawannya berbual-bual selepas berlatih tarian zapin di warung Pak Dolah berlaku pada waktu lewat malam.
… Sewaktu hujan lebat sejak subuh. Contohnya, Tauke Lim berpayung datang ke rumah Cikgu Zam bersama-sama dengan Ai Ching sewaktu hujan lebat yang turun sejak subuh.
… Pukul 9:30 malam. Contohnya, pengacara memulakan majlis persembahan zapin yang dihadiri oleh Yang Berhormat Samsuri pada pukul 9:30 malam.

(*b*) … Nilai kasihan. Contohnya, datuk kepada Haiqal kasihan akan Tauke Ong yang dilanda kesusahan apabila semua harta bapanya tergadai akibat abangnya yang gila judi. Oleh itu, datuk kepada Haiqal telah mengupah Tauke Ong untuk menoreh di kebun getahnya.
… Nilai setia kawan. Contohnya, Haiqal dan Ratna berkawan baik dan saling menasihati antara satu dengan yang lain.
… Nilai tanggungjawab. Contohnya, Tauke Ong tidak mahu membeli kereta baharu kerana dia mahu menyimpan duitnya demi keperluan persekolahan anak-anaknya.
… Nilai amanah. Contohnya, See Hwa yang sangat sayang akan manuskrip yang diterima daripada arwah ayah Haiqal tetap menyerahkan manuskrip itu kepada Haiqal untuk menunaikan amanah yang diserahkan kepadanya.
… Nilai kasih sayang. Contohnya, Haiqal amat sayang akan arwah ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan. Lantaran itu, Haiqal pergi ke kampung arwah ayahnya untuk menjejaki bekas-bekas kehidupan ayahnya itu.

## FOKUS KBAT

### Fokus KBAT: Novel

**Novel "Songket Berbenang Emas"**

(*a*) … Watak utama: Dahlia/Dahlia binti Embong
… Alasan watak utama mendapat perhatian dan digemari oleh pembaca:
(i) Berpandangan jauh. Contohnya, Dahlia sanggup menerima tawaran mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan pada peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun sebagai bekalan masa hadapannya walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga tercinta.
(ii) Cekal dan tabah. Contohnya, Dahlia menempuh semua dugaan dan masalah yang berlaku dalam keluarganya sepanjang tempoh emaknya menerima rawatan di hospital akibat menghidap penyakit kemurungan dengan cekalnya dan tabahnya.

(*b*) … Alasan kurang setuju dengan binaan jalan cerita:
… Aspek binaan jalan cerita yang perlu dibuat penambahbaikan dalam novel ini ialah aspek binaan peleraian/pengakhiran. Pada bahagian perkembangan atau perumitan jalan cerita, pengarang memaparkan konflik diri Aton yang bersifat pendendam terhadap keluarga Embong dengan memburuk-burukkan perihal diri Dahlia dan Embong kepada masyarakat kampungnya.
… Sekiranya saya sebagai pengarang, saya akan membuat penambahan jalan cerita pada aspek peleraian, iaitu saya akan menamatkan cerita dengan pembalasan hukuman Tuhan kepada Aton yang bermulut jahat dengan menabur fitnah dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap Embong dan Dahlia yang setimpal dengan kesalahannya itu. Saya juga akan memastikan Aton menyesal dan berasa bersalah atas perbuatan kejamnya terhadap isteri Embong, Saleha apabila dia sanggup menggunakan ilmu hitam supaya Saleha menjadi tidak siuman. Hukuman yang setimpal harus diberikan kepada Aton agar dijadikan ikhtibar, pedoman, dan boleh pengajaran yang amat berguna untuk pembaca kelak.

**Novel "Tirani"**

(*a*) … Watak utama: Waheeda/Waheeda Nurlyana
… Alasan watak utama mendapat perhatian dan digemari oleh pembaca:
(i) Gigih menghadapi cabaran dan dugaan hidup. Contohnya, Waheeda gigih berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran seperti peristiwa pembedahan mata dan hidungnya, cabaran keretakan dan kemusnahan rumah tangganya, serta cabarannya dalam bidang perniagaan berbentuk kemudahan penginapan untuk pelancong.
(ii) Berani menanggung risiko semasa memajukan perniagaan. Contohnya, Waheeda sanggup membuat pinjaman baharu daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan semata-mata untuk membeli Chalet Iwana-Iwani kepunyaan Encik Abdul Aziz Imran yang terletak di Cameron Highlands setelah melihat sendiri lokasi dan kemudahan serta mengkaji potensi yang terdapat di chalet tersebut.

(*b*) … Alasan kurang setuju dengan binaan jalan cerita:
… Aspek binaan jalan cerita yang perlu dibuat penambahbaikan dalam novel ini ialah aspek binaan perumitan. Pada bahagian perkembangan jalan cerita, pengarang memaparkan kisah Bazilah yang membenarkan Waheeda menetap di rumahnya sepanjang Waheeda menjalani rawatan pembedahan mata dan hidungnya di Silicon Medical Center, Singapura. Perumitan cerita berlaku apabila Bazilah cemburu melihat kemesraan antara Waheeda dengan tunangnya, Dr. Zahari walhal Waheeda hanya melayan tunangnya itu sebagai kawan biasa. Menyedari masalah itu berlaku, Waheeda telah mengambil langkah yang bijak dengan berpindah dan menetap di tempat kerjanya yang baharu.
… Sekiranya saya sebagai pengarang, saya akan membuat penambahan jalan cerita pada aspek perumitan/konflik, iaitu mewujudkan konflik dalaman Bazilah yang berasa menyesal dan bersalah atas tindakan melulunya yang berprasangka buruk terhadap Waheeda dengan tunangnya itu. Perasaan kesal dan bersalah Bazilah itu akan saya panjangkan melalui kisah pertemuan antara Bazilah dengan Waheeda pada suatu ketika. Dalam pertemuan tersebut, Bazilah memohon maaf atas sikap prasangka buruknya terhadap Waheeda.

**Novel "Bimasakti Menari"**

(*a*) … Watak utama: Nurul Hafsa
… Alasan watak utama mendapat perhatian dan digemari oleh pembaca:
(i) Bersikap berani dalam membuat tindakan. Contohnya, Nurul Hafsa berani membuat pembentangan Rancangan Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan khalayak yang terdiri daripada Menteri Besar Selangor, ahli akademik, pencinta alam sekitar, dan usahawan yang terlibat dalam perniagaan teknologi hijau di Dewan Kuliah 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.
(ii) Gigih membuat penyelidikan. Contohnya, Nurul Hafsa gigih membuat penyelidikan dan menyediakan folio tentang Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor sebelum isu itu dibahaskan di hadapan khalayak yang terdiri daripada Menteri Besar Selangor, ahli akademik, dan lain-lain.

(*b*) … Alasan kurang setuju dengan binaan jalan cerita:
… Aspek binaan jalan cerita yang perlu dibuat penambahbaikan dalam novel ini ialah aspek binaan peleraian/pengakhiran. Pada bahagian konflik atau perumitan jalan cerita, pengarang memaparkan peristiwa Muhammad Taufik diserang oleh penjahat upahan Dato' Johann Arlington-Majid ketika dia balik dari masjid selepas menunaikan solat Isyak menyebabkan dia mengalami kecederaan dan terpaksa dirawat di Hospital Besar Tanjung Karang. Pada bahagian klimaks pula, dikisahkan peristiwa Nurul Hafsa yang diculik oleh penjahat upahan supaya Muhammad Taufik masuk ke dalam perangkap mereka. Pada bahagian peleraian cerita, Dato' Johann Arlington-Majid telah ditangkap oleh polis dan bakal menghadapi pengadilan.
… Sekiranya saya sebagai pengarang, saya akan memanjangkan jalan cerita berdasarkan konflik dan klimaks cerita di atas pada aspek peleraian, iaitu menamatkan cerita dengan memerihalkan bentuk hukuman yang dikenakan terhadap Dato' Johann Arlington-Majid yang bersifat jahat, tamak, dan pendendam terhadap Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Saya juga akan memerihalkan perwatakan Dato' Johann Arlington-Majid yang berasa menyesal atas perbuatan jahatnya terhadap Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Hukuman yang setimpal harus diberikan kepada Dato' Johann Arlington- Majid agar boleh dijadikan pengajaran yang berguna untuk pembaca kelak.

**Novel "Silir Daksina"**

(*a*) … Watak utama: Haiqal Hakimi/Aiman
… Alasan watak utama mendapat perhatian dan digemari oleh pembaca:
(i) Bijak dalam pelajaran. Contohnya, Haiqal Hakimi telah

berjaya menyambung pengajiannya di Bumi Kenyalang.
(ii) Kreatif dan berbakat dalam seni sastera. Contohnya, Haiqal sering memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat sekolah serta menjadi johan dalam pertandingan menulis sajak dan cerpen pada peringkat negeri.

(*b*) … Alasan kurang setuju dengan binaan jalan cerita:
… Aspek binaan jalan cerita yang perlu dibuat penambahbaikan dalam novel ini ialah aspek binaan klimaks cerita. Pada bahagian klimaks cerita, pengarang memaparkan peristiwa Haiqal menyatakan hasratnya untuk melawat ke kampung arwah ayahnya di Batu Pahat, Johor. Dalam peristiwa itu, umi Haiqal tidak membenarkan Haiqal ke kampung arwah ayahnya menyebabkan mereka telah bergaduh tanpa umi Haiqal menyatakan alasan secara kukuh sebab dia berbuat sedemikian. Seterusnya, umi Haiqal telah mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan memberikan wang kepadanya sekiranya dia ke kampung arwah ayahnya.
… Sekiranya saya sebagai pengarang, saya akan membuat penambahan jalan cerita pada bahagian klimaks cerita itu dengan memerihalkan alasan-alasan yang rasional dan kukuh yang akan dinyatakan oleh umi Haiqal atas tindakannya menghalang Haiqal meneruskan hasratnya untuk pergi ke kampung arwah ayahnya itu.

# KERTAS MODEL SPM

## KERTAS 1

### BAHAGIAN A

Pendahuluan
kafeteria sebahagian daripada sekolah – menjadi tumpuan murid – mendapatkan bekalan makanan – tempat pertemuan murid atau guru dengan rakan-rakan – sentiasa mendapat perhatian orang luar

Isi-isi Penting
1 kawasan yang ceria – sekitar kawasan ditanam pokok-pokok bunga hiasan – terdapat poster tentang pemakanan yang sihat dan cara menjaga kebersihan – meja dan kerusi diatur dengan rapinya
2 pekerja berpakaian kemas – memakai apron – menutup rambut – pakaian, kuku, dan tangan bersih – mencegah makanan dijangkiti kuman
3 menjual makanan yang berkhasiat – menjadi sumber bekalan tenaga kepada guru dan murid – membantu menjadikan matlamat belajar tercapai – membolehkan murid belajar dengan tekunnya

Penutup
peranan pengusaha kafeteria amat penting – membekalkan makanan yang berkualiti – menjadikan persekitaran sekolah lebih ceria – sekolah menjadi cemerlang

### BAHAGIAN B

**Soalan 1**

Pendahuluan
industri pelancongan sangat penting kepada negara – kedatangan pelancong asing mampu menjanakan pendapatan yang lumayan – menjelang tahun 2020, Malaysia menyasarkan pendapatan sebanyak RM168 bilion daripada sektor pelancongan

Isi-isi Penting
1 membuka peluang pekerjaan – semakin banyak penduduk negara mendapat pekerjaan – merebut peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan, iaitu pembinaan hotel – banyak pekerja diperlukan – rakyat tempatan mendirikan gerai makanan tempatan untuk pelancong asing
2 menambah pendapatan rakyat – kedatangan pelancong membawa keuntungan kepada rakyat – hasil kraf tangan dan cenderamata dapat dijual kepada pelancong – rumah tumpangan dan chalet menjadi tumpuan pelancong – pendapatan rakyat meningkat
3 menambah ekonomi dan pendapatan negara – pelancong asing yang datang berbelanja di negara kita – pertukaran wang asing – cukai perkhidmatan dan cukai pendapatan syarikat berasaskan pelancongan meningkat
4 memajukan sistem perhubungan – pembinaan lapangan terbang dan jalan raya – rakyat tempatan mendapat manfaat daripada perkembangan sektor pelancongan
5 meningkatkan imej negara – pelancong terpesona oleh keindahan alam semula jadi dan kagum akan keupayaan kita memajukan negara – tertarik oleh kepelbagaian budaya kaum yang unik

Penutup
banyak kebaikan yang diperoleh daripada industri pelancongan – pihak kerajaan dan pihak swasta perlu berganding bahu untuk memajukan sektor ini – industri pelancongan negara mampu berkembang dengan pesatnya

**Soalan 2**

Pendahuluan
program hiburan berbentuk realiti banyak disiarkan di televisyen – mendapat sambutan hebat daripada segenap penonton – ibu bapa memikul mandat yang besar bagi mengawal kecenderungan anak-anak menonton program realiti televisyen

Isi-isi Penting
1 prihatin terhadap rancangan tontonan anak-anak – memastikan anak-anak menonton rancangan yang berkualiti dan berfaedah – bijak bertindak dalam menarik perhatian anak-anak ketika memilih rancangan
2 peka terhadap pengurusan diri anak-anak – memastikan anak-anak dapat membahagikan masa dengan baiknya – menyediakan jadual harian yang sistematik – mengizinkan anak-anak menonton televisyen hanya selepas mereka mengulang kaji pelajaran dan menyiapkan kerja sekolah
3 menunjukkan contoh yang terbaik kepada anak-anak – tidak menonton rancangan hiburan realiti televisyen secara keterlaluan
4 meluangkan masa menonton televisyen bersama-sama dengan anak-anak – memilih rancangan yang sesuai untuk seisi keluarga – mewujudkan suasana yang harmoni
5 merancang aktiviti menarik untuk dilaksanakan bersama-sama dengan anak-anak pada waktu lapang – bergotong-royong atau beriadah pada waktu cuti – mengelakkan anak-anak kerap menonton program televisyen realiti

Penutup
ibu bapa memainkan peranan yang dominan dalam usaha mengawal kecenderungan anak-anak menonton program hiburan berbentuk realiti televisyen – anak-anak perlulah diasuh sebaik-baiknya supaya modal insan berpesonaliti unggul dapat dilahirkan

**Soalan 3**

Pendahuluan
kata alu-aluan – menyatakan tajuk syarahan – "Kejayaan Sesebuah Negara Bergantung pada Produktiviti Rakyat"

Isi-isi Penting
1 memaksimumkan penggunaan bahan mentah tempatan – apabila produktiviti meningkat, pelbagai sumber tempatan digunakan untuk menghasilkan produk tersebut – negara tidak perlu mengeksport bahan tersebut dari luar negara untuk menghasilkan sesuatu bahan kegunaan
2 apabila pelbagai produk tempatan dihasilkan, ekonomi negara akan semakin meningkat – lebih banyak produk dapat dipasarkan ke luar negara
3 negara yang mampu mengeluarkan pelbagai produktiviti akan membuka peluang pekerjaan yang lebih besar kepada rakyat – mengurangkan kadar pengangguran – memajukan negara
4 apabila rakyat negara sendiri mampu menghasilkan pelbagai produktiviti sendiri, maka pengantungan kepada negara luar akan mengecil – dapat menjimatkan pengaliran wang ke luar negara
5 rakyat boleh membuat pelaburan ke negara luar – negara memperoleh keuntungan hasil daripada pelaburan tersebut

Penutup
rakyat perlu lebih proaktif untuk mempelbagaikan produktiviti – tenaga mahir yang bekerja di negara-negara asing akan kembali ke tanah air

**Soalan 4**

Pendahuluan
penularan wabak penyakit berjangkit – selesema burung dan penyakit Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) – langkah awal penting untuk menghindarkan seseorang itu daripada dijangkiti

Isi-isi Penting
1 pesakit perlu dikuarantin daripada orang awam supaya tidak berjangkit – mengasingkan pesakit yang menghidap wabak tersebut – tidak merebak kepada orang lain
2 mengelak daripada melancong ke negara-negara yang terlibat – membatalkan rancangan buat sementara waktu untuk pergi melancong ke negara-negara yang sedang dilanda wabak
3 pihak berkuasa setiap negara perlu membuat pemeriksaan yang ketat – menyediakan alat pengimbas di pintu-pintu masuk utama negara masing-masing seperti di lapangan-lapangan terbang – berupaya untuk mengesan pelancong yang masuk ke negara ini sekiranya mereka dijangkiti oleh penyakit tersebut
4 menyediakan ubat-ubatan dan vaksin yang dapat melawan virus H5N1 dan mencegah virus tersebut daripada menyerang manusia – orang yang sudah dijangkiti oleh penyakit ini pula perlu diberikan rawatan rapi dan ubat-ubatan
5 menghapuskan haiwan yang telah dijangkiti wabak penyakit – mencegah wabak merebak dan menjangkiti manusia pula – memindahkan kepada manusia yang memeliharanya atau terlibat secara langsung dengan unggas tersebut pada setiap hari

Penutup
pihak kerajaan dan rakyat hendaklah peka terhadap keadaan di sekeliling – aspek penjagaan kebersihan dan kesihatan perlulah diberikan perhatian yang utama dalam kehidupan seharian – sekiranya aspek kebersihan diabaikan, sudah pasti penyakit itu akan mudah menyerang mangsanya

**Soalan 5**
Pendahuluan
"sudah terhantuk baru tengadah" – bermaksud seseorang itu menyedari kesilapan setelah kegagalan melaksanakan sesuatu tugas – kerugian kepada organisasi akan melibatkan keseluruhan organisasi – mungkin akan membawa kepada hukuman dipecat atau diturunkan pangkat

Isi-isi Penting
**1** mengingatkan kita agar tidak cuai dalam melaksanakan tugas – kesilapan ini berpunca daripada diri sendiri – tugas tersebut mungkin telah biasa dilakukan – kecuaian diri menyebabkan berlaku kesilapan
– mengingatkan kita agar berhati-hati ketika melaksanakan tugas
**2** tugasan perlu dirancang dengan telitinya – perancangan penting untuk mengelakkan kita melakukan kesilapan – tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan sempurnanya
**3** minta bantuan daripada rakan-rakan lain yang lebih berpengalaman – bersikap merendah diri – rakan-rakan akan membantu kita dengan senang hati
**4** jangan bongkak atau bermegah dengan pencapaian – rakan-rakan akan menjauhkan diri – terpaksa melakukan tugas bersendirian – apabila gagal, baru menyesal dan menyalahkan diri sendiri
**5** kegagalan penting untuk memperingatkan diri – dapat memperbaiki kesilapan yang lalu dan menyedarkan diri – belajar daripada kesilapan – keputusan yang dibuat akan membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara

Penutup
peribahasa "sudah terhantuk baru tengadah" akan memberi kesan yang buruk – walau bagaimanapun, ada pendapat mengatakan bahawa kita perlu belajar daripada kesilapan untuk mencapai kejayaan

**Soalan 1: Rumusan**
Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan kebaikan-kebaikan seseorang itu mengucapkan terima kasih.
Kaedah 2: Rumusan ini membincangkan manfaat-manfaat mengamalkan ucapan terima kasih dan sebab-sebab ucapan terima kasih semakin dilupakan.

Isi-Isi Tersurat [Kelebihan-kelebihan Mengamalkan Ucapan Terima Kasih]
**1** Terima kasih sebagai penghargaan terhadap seseorang yang berbuat kebaikan tanpa mengira taraf atau status sosial.
**2** Amalan berterima kasih melambangkan keperibadian masyarakat kita.
**3** Terima kasih menjadi lambang ketamadunan manusia menyanjungi apa-apa jua kebaikan.
**4** Membuka ruang supaya kita menghargai kebaikan yang kita terima.
**5** Mendorong si pelaku untuk mengulangi perbuatan baiknya.
**6** Terima kasih menjadi simbol penghargaan paling bermakna kepada seseorang.
**7** Terkandung padanya segala maksud berhubung dengan kebaikan yang diterima.
**8** Kita dapat mengakrabkan hubungan baik dengan orang lain.
**9** Ucapan ini menggambarkan akhlak seseorang yang terpuji.

Isi-isi Tersirat [Sebab-Sebab Ucapan Terima Kasih Semakin Dilupakan]
**1** Seseorang itu tidak sensitif akan kebaikan orang lain kepadanya.
**2** Setengah orang menganggapnya bukan suatu amalan yang penting.
**3** Seseorang itu tidak mempraktikkan amalan itu sejak kecil.
**4** Perubahan gaya hidup yang menjadikan anggota masyarakat kian bersifat individualistik.
**5** Mereka merasakan mengucapkan terima kasih atau tidak sama sahaja.
**6** Masyarakat semakin memisahkan diri daripada amalan nilai moral dan kesantunan.

Kesimpulan
Kesimpulannya, setiap ahli komuniti hendaklah menghidupkan amalan berterima kasih agar kita dihormati oleh sesiapa sahaja.

**Soalan 2(*a*) – Petikan Umum**
(i) … maksud: ucapan yang menjadi kebiasaan/kerap disebut-sebut
(ii) … sering ucapkan dalam pergaulan harian – diajar oleh ibu bapa dan anggota keluarga yang lebih tua sejak seseorang itu masih belum akil baligh – budaya menzahirkan ucapan terima kasih kepada guru bermula sejak umur tujuh tahun lagi
(iii) … penghormatan anak-anak terhadap ibu bapa kian terhakis – hubungan sesama anggota keluarga semakin hambar – komuniti masyarakat bertambah biadab – timbul anggapan bahawa mengucapkan terima kasih atau tidak, tiada bezanya – merintis jalan ke arah budaya biadab

**Soalan 2(*b*) – Petikan Prosa Moden**
(i) … membebaskan Tanah Melayu dengan terus berjuang untuk mendesak Inggeris berundur, sesuai dengan perjanjian pada 1 Februari 1948 – Persekutuan Tanah Melayu mesti menjadi kenyataan – rakyat perlu bekerja dengan lebih kuat kerana bahang kemerdekaan semakin dekat
(ii) … isi pengucapan awam mestilah relevan dengan tajuk – isi pengucapan yang padat, pendek, dan ringkas – gaya bahasa badan dan mimik muka pemidato – penggunaan faktor lokaliti seperti penggunaan loghat atau dialek penduduk setempat oleh pemidato
(iii) … satu nilai murni yang terdapat dalam petikan cerpen: nilai keberanian. Contohnya, Ahmad Mutawakkil berani menggesa penduduk Tanah Melayu agar menolak dan menentang ideologi dan kegiatan komunis
… satu nilai murni dalam keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan: nilai tanggungjawab. Contohnya, Imam Ngah Deraman bertanggungjawab mencari dan membawa Ahmad Mutawakkil pulang ke rumahnya selepas Tuan Booth sekeluarga meninggalkan banglonya seminggu sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu

**Soalan 2(*c*) – Petikan Prosa Tradisional**
(i) … maksud: ketika menjadi/dilantik sebagai pemerintah/Sultan
(ii) … Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya – Sultan Mansur Syah bersifat adil – Sultan Mansur Syah bersifat pemurah – tiada seorang raja yang hidup pada zaman itu yang boleh menandingi ciri peribadi mulia Sultan Mansur Syah
(iii) … Cau Pandan merupakan pahlawan handalan Siam – Siam gentar dan takut akan tewas pada askar Melaka – untuk mempertahankan maruah kerajaan Siam, maka Siam mengambil sikap tidak meneruskan peperangan terhadap Melaka

**Soalan 2(*d*) – Sajak**
(i) … maksud: bersegera balik ke tempat kurungan haiwan
(ii) … melemahkan sistem pengurusan dan pentadbiran – kemelesetan ekonomi sesebuah negara akan berlaku – penindasan dalam kalangan rakyat kian berleluasa
(iii) … masyarakat yang bertanggungjawab dan amanah dalam menjalankan tugas, contohnya penjaga kuda mengurus makan dan makan dan minum kuda tunggangannya dengan baiknya – masyarakat yang berani menempuh pelbagai dugaan. Contohnya, penjaga kuda berani menempuh pelbagai kepayahan dan rintangan ketika menjaga kuda-kudanya

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**
(*a*) (i) Keuntungan pracukai syarikat yang berkaitan dengan kerajaan pada tahun ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun lepas.
(ii) Golongan yang bersekongkol dengan kuasa asing cuba mempengaruhi rakyat menerusi propaganda untuk memburukburukka pihak berkuasa.
(iii) Kita tidak sepatutnya termakan hasutan dan menyokong gerakan subversif yang berhasrat untuk menghuru-harakan rakyat.
(iv) Majlis konvokesyen yang berlangsung itu menjadi bukti bahawa para graduan berjaya menuai hasil daripada usaha mereka menuntut ilmu di menara gading.
(v) Terdapat beberapa pantang larang yang harus dipertimbangkan agar kita tidak berdepan dengan masalah ketika melawat ke mancanegara.
(vi) Sekalipun dilahirkan kembar, kedua-dua beradik itu mempunyai kontradiksi yang nyata daripada aspek tingkah laku dan pembawaan mereka.

(*b*) (i) • Budak-budak itu tetap bermain bola sepak di padang.
• Cuaca panas terik.
(ii) • Rekaan Mohamad Rezza Fikri dalam pertandingan reka cipta itu sangat menarik.
• Rekaan Mohamad Rezza Fikri dalam pertandingan reka cipta itu memikat hati para juri.
(iii) • Masliana mengambil senaskhah novel remaja.
• Masliana membaca novel tersebut.

(*c*) (i) Kesalahan ejaan: cendikiawan – cendekiawan
Kesalahan dari segi imbuhan: kebaikkan – kebaikan
(ii) Kesalahan ejaan: perduli – peduli
Kesalahan dari segi imbuhan: mencegahi – mencegah
(iii) Kesalahan ejaan: odit – audit
Kesalahan dari segi imbuhan: mengabai – mengabaikan

(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah:
(i) memesan – melanggan
(ii) halaju – kelajuan
(iii) lintasannya – liputannya
Kesalahan tatabahasa:
(i) kepada – pada
(ii) menyemarakkan langganan pertumbuhan – menyemarakkan pertumbuhan langganan
(iii) di antara – antara

(e) (i) Keselesaan penginapan di hotel itu indah khabar daripada rupa kerana tidak sama seperti yang diiklankan di Internet.
(ii) Selama ini Salikin bangga akan kehandalannya berpidato, tetapi kini dia bertemu buku dengan ruas apabila Zahrah yang baru berpindah ke sekolah itu juga bijak berpidato.
(iii) Komuniti madani perlu menerapkan saling membantu dalam hidup bermasyarakat, bak kata peribahasa Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

**Soalan 4: Novel**

(*a*) Hubungan satu watak dengan watak lain dan kepentingan hubungan antara watak:

**Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"**

… Hubungan antara bapa dengan anak, iaitu Pak Saidi dan Adnan. Kepentingannya ialah sebagai bapa kandung, Pak Saidi mempunyai perancangan terbaik untuk memastikan anak-anaknya termasuklah Adnan akan berjaya dalam kehidupannya. Oleh sebab itulah, dia bertekad menghantar anak-anaknya termasuk Adnan bersekolah di sekolah aliran Inggeris walaupun tindakannya itu mendapat tentangan daripada masyarakat kampung yang khuatir anak-anaknya akan diresapi pengaruh agama Kristian, dan seterusnya menjadi murtad.

… Hubungan sebagai suami isteri, iaitu Adnan dan Sophia. Kepentingannya ialah sebagai suami terhadap Sophia dan sebagai ayah terhadap anak-anaknya, iaitu Mokhtar, Zainudin, dan Fatimah, dia telah membawa isteri dan anak-anaknya menetap di Singapura sewaktu dia bertugas di sana. Disebabkan faktor ancaman keselamatan, dia terpaksa menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung di Kajang apabila mendengar berita Jepun akan menyerang Singapura.

**Novel "Jendela Menghadap Jalan"**

… Hubungan antara nenek dengan cucu, iaitu nenek/Hajah Aisyah dan Lili. Kepentingannya ialah sebagai nenek, Hajah Aisyah amat mengambil berat dan menyayangi cucunya, Lili. Dia sering menasihati Lili agar sentiasa pandai menjaga diri dan tingkah laku. Nenek juga menasihati Lili agar tidak mengambil tahu tentang keluarga Che Jah terutama yang melibatkan perihal Hazi dan Rafiq demi bagi menjaga keselamatan cucunya itu.

… Hubungan sebagai sahabat, iaitu Danel dan Lili. Kepentingannya ialah sebagai sahabat yang akrab ketika Lili pulang bercuti ke kampung datuknya, Haji Abdul Rahman di Kampung Sentosa, Dungun, dia telah menyelamatkan Lili yang menjadi mangsa culik Rafiq dan Haziq. Selain itu, dia, Lili dan Geetha sering melepak bersama-sama di tempat menarik di kampung tersebut.

**Novel "Pantai Kasih"**

… Hubungan antara ibu dengan anak, iaitu Raiha dan Rohayu. Kepentingannya ialah sebagai ibu, Raiha amat menyayangi anak kandung tunggalnya, Rohayu yang dianggap sebagai permata hatinya walaupun anaknya itu merupakan orang kelainan upaya yang menghidap *sindrom down* dan disisihkan daripada suaminya, Doktor Sadiz.

… Hubungan antara pegawai perubatan dengan pesakit, iaitu Doktor Raiha/Raiha dan Unong Siron. Kepentingannya ialah sebagai pegawai perubatan di Pusat Rawatan Pantai Kasih, dia begitu gigih memberikan khidmat rawatan yang terbaik terhadap Unong Siron. Dia juga melayan kerenah Unong Siron sebagai pesakit dengan bertanggungjawab, sopan, dan berbudi bahasa.

**Novel "Di Sebalik Dinara"**

… Hubungan antara adik-beradik angkat, iaitu Azraai dan Farisha. Kepentingannya ialah walaupun Azraai merupakan abang angkat kepada Farisha, namun dia amat menyayangi Farisha dan menganggap Farisha sebagai adik kandungnya. Dia mengambil berat terhadap keselamatan dan kesihatan Farisha. Disebabkan itulah, dia sanggup merahsiakan masalah kesihatannya yang mengalami masalah jantung daripada pengetahuan Farisha untuk mengelakkan Farisha berasa susah hati.

… Hubungan sebagai rakan serumah dan rakan sekerja, iaitu Shida dan Farisha. Kepentingannya ialah sebagai rakan serumah, Shida bersikap baik hati terhadap Farisha. Sebagai rakan sekerja pula, Shida dan Farisha merupakan kakitangan di Soft Lab, iaitu Shida akan dijadikan sebagai pengganti Farisha sekiranya ada apa-apa yang berlaku kepada Farisha disebabkan mereka sebaya dan memiliki saiz tubuh yang hampir sama.

**Novel "Tirani"**

… Hubungan antara adik-beradik, iaitu Waheeda dan Ghazi. Kepentingannya ialah Ghazi banyak membantu Waheeda dalam mengurus bidang perniagaan Chalet Tajau Emas dan membantu memulihkan masalah kemurungan Waheeda dengan menemani Waheeda dan ibunya, Raidah mendapat khidmat rawatan di Pusat Rawatan Islam.

… Hubungan sebagai sahabat, iaitu Waheeda dengan Bazilah. Kepentingannya ialah Bazilah membenarkan Waheeda menetap di rumahnya di Yishun Street, Singapura. Sepanjang Waheeda menjalani rawatan atas pembedahan hidung dan matanya di Silicon Medical Center (SMC), Singapura.

**Novel "Songket Berbenang Emas"**

… Hubungan antara adik-beradik, iaitu Dahlia dan Anggerik. Kepentingannya ialah sebagai anak sulung, Dahlia banyak membantu bapanya, Embong dalam mengurus adik-adiknya terutamanya Anggerik sepanjang ibunya berada di Hospital Permai, Johor Bahru.

… Hubungan sebagai guru dengan murid, iaitu Cikgu Hisyam dengan Dahlia. Kepentingannya ialah sebagai guru kelas dan guru yang mengajarkan subjek Pengajian Am, Cikgu Hisyam banyak mendidik dan membantu murid-muridnya, termasuklah Dahlia untuk menghadapi peperiksaan STPM di samping turut memberi galakan kepadanya untuk belajar dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran.

**Novel "Bimasakti Menari"**

… Hubungan antara adik-beradik, iaitu Budiman dan Nurul Hafsa. Kepentingannya ialah sebagai abang kandung dan guru yang mengajarkan subjek Sains di Sekolah Menengah Tanjung Karang, Budiman banyak membantu Nurul Hafsa merealisasikan impiannya dalam usaha adiknya mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor untuk menjaga habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan dan pencerapan bintang di langit.

… Hubungan sebagai sahabat, iaitu Muhammad Taufi k dan Nurul Hafsa. Kepentingannya ialah sebagai sahabat, Muhammad Taufik turut memberikan sokongan padu dan membantu sahabat baiknya, Nurul Hafsa dalam pelbagai perkara terutamanya isu yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar di Kuala Selangor.

**Novel "Silir Daksina"**

… Hubungan sebagai ibu dengan anak, iaitu umi dan Haiqal. Kepentingannya ialah sebagai ibu kandung, umi membesarkan Haiqal dengan sempurnanya dan memberikan sepenuh kasih sayang terhadap anaknya itu walaupun perkahwinannya dengan ayah Haiqal hanya bertahan selama tiga tahun dan dia telah berkahwin baharu. Disebabkan kasihnya yang mendalam terhadap Haiqal, dia keberatan untuk membenarkan Haiqal menjejaki kehidupan arwah suaminya, iaitu bapa Haiqal di Batu Pahat.

… Hubungan sebagai sahabat, iaitu Haiqal dan See Hwa. Kepentingannya ialah sebagai penduduk tempatan Kampung Seri Purnama dan orang yang kenal rapat dengan arwah bapanya, Abdullah bin Kayan, See Hwa banyak berkongsi cerita dan rahsia tentang kehidupan Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama yang aktif sebagai penggiat seni dan sastera kepada Haiqal.

(*b*) Persoalan tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa atau keluarga:

**Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa" dan Novel "Tirani"**

… Dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Adnan yang belajar dengan gigihnya di sekolah beraliran Inggeris sehingga akhirnya dia berjaya menamatkan persekolahan dan ditawarkan sebagai guru pelatih di Sekolah Melayu Sungai Ramal bagi merealisasikan impian ayah dan ibunya agar dia menjadi insan yang berjaya.

… Dalam novel *Tirani*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Izzati yang rajin mengulang kaji pelajaran sehingga dia menjadi murid cemerlang di

sekolah dan di universiti. Disebabkan kesungguhan dan rasa tanggungjawabnya terhadap ibunya, Waheeda, akhirnya dia berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dalam jurusan pelancongan sekali gus berjaya merealisasikan impian ibunya agar dia menjadi insan yang berjaya.

**Novel "Jendela Menghadap Jalan' dan Novel "Songket Berbenang Emas"**

… Dalam novel *Jendela Menghadap Jalan*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Lili yang berjaya menjaga diri dan nama baik ibu dan bapanya sepanjang dia berada di rumah datuknya, Haji Abdul Rahman di Kampung Sentosa, Dungun, Terengganu.

… Dalam novel *Songket Berbenang Emas*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Dahlia yang rajin mengulang kaji pelajaran sehingga dia menjadi murid cemerlang dalam peperiksaan STPM dan ditawarkan melanjutkan pengajian untuk mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun. Disebabkan kesungguhan dan sifat tanggungjawabnya terhadap keluarganya, Dahlia, sanggup bekerja keras dan gigih mengulang kaji walaupun pada masa yang sama dia berhadapan dengan pelbagai perit getir yang menghimpit keluarganya seperti masalahnya ibunya yang terpaksa menjalani rawatan di Hospital Permai, Johor Bahru dan bapanya, Embong yang ditahan di wad lelaki, Hospital Batu Pahat akibat dipatuk oleh seekor ular tedung.

**Novel "Pantai Kasih" dan Novel "Bimasakti Menari"**

… Dalam novel *Pantai Kasih*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Doktor Uwang yang meneruskan usaha bapanya, Datu Ontong dengan mengembangkan lagi empayar perniagaan serta Pusat Rawatan Pantai Kasih sehingga berjaya.

… Dalam novel *Bimasakti Menari*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Muhammad Taufik yang akur akan arahan ibunya, iaitu mengikut ibunya pulang ke Ottago, New Zealand selepas keluar dari hospital.

**Novel "Di Sebalik Dinara" dan Novel "Silir Daksina"**

… Dalam novel *Di Sebalik Dinara*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Farisha yang tetap menziarahi bapa kandungya, Karl yang terlantar sakit di rumahnya di Puchong walaupun bapanya itu mengabaikannya. Sebagai anak, dia juga memaafkan segala perbuatan dan kesalahan yang dilakukan oleh bapanya.

… Dalam novel *Silir Daksina*, tanggungjawab anak terhadap ibu bapa atau keluarga dapat dibuktikan berdasarkan peristiwa Haiqal yang berusaha menjejaki bekas kehidupan arwah bapanya, iaitu Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor setelah dia menerima sekeping surat daripada arwah bapanya itu berserta senaskhah manuskrip yang dikirim oleh gadis berbangsa Cina yang bernama See Hwa.

© *Sasbadi Sdn. Bhd.* (139288-X)